



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

AKTIVITI JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN
NEGERI TERENGGANU
TAHUN 2009

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2009 NEGERI TERENGGANU



JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA

JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA
No. 15, Aras 1-5
Persiaran Perdana, Presint 2
62518 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

www.audit.gov.my



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

**AKTIVITI JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN
NEGERI TERENGGANU
TAHUN 2009**

**JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA**



KANDUNGAN

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KATA PENDAHULUAN	vii
INTISARI LAPORAN	xi
BAHAGIAN I - AKTIVITI JABATAN/AGENSI	
Pendahuluan	3
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu <i>Pengurusan Pusat Bestari.Comm</i>	3
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu <i>Pengurusan Perumahan Awam Kos Rendah</i>	15
Jabatan Pertanian Negeri Terengganu <i>Pengurusan Projek Fertigasi Mega Negeri Terengganu</i>	31
Pejabat Tanah Daerah Kuala Terengganu, Hulu Terengganu Dan Kemaman <i>Pengurusan Aktiviti Pengambilan Pasir Serta Kesannya Terhadap Alam Sekitar</i>	42
Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Terengganu <i>Pengurusan Bantuan Am</i>	60
Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu <i>Pengurusan Harta Wakaf</i>	69
BAHAGIAN II - PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI	
Pendahuluan	81
<i>TOP IT Industries Sdn. Bhd.</i>	81
<i>Permint Suterasemai Sdn. Bhd.</i>	94
BAHAGIAN III - PERKARA AM	
Pendahuluan	109
Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2008	109
Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat	119
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri	119
PENUTUP	123



KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlumbagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit aktiviti Kerajaan Negeri dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan Ketua Audit Negara dibentangkan di Parlimen, manakala Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu menitahkan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Terengganu. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan prestasi untuk menilai sama ada sesuatu aktiviti Kerajaan telah dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai matlamat yang telah ditetapkan.
2. Laporan saya mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Terengganu Tahun 2009 adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap program/aktiviti di sembilan Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri iaitu Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu, Jabatan Pertanian Negeri Terengganu, Pejabat Tanah bagi Daerah Kuala Terengganu, Hulu Terengganu dan Kemaman, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Terengganu, Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu, syarikat TOP IT Industries Sdn. Bhd. dan syarikat Permint Suterasemai Sdn. Bhd.. Program/aktiviti yang diaudit adalah berkaitan dengan Pengurusan Pusat Bestari.Comm, Pengurusan Perumahan Awam Kos Rendah, Pengurusan Projek Fertigasi Mega Negeri Terengganu, Pengurusan Aktiviti Pengambilan Pasir Serta Kesannya Terhadap Alam Sekitar, Pengurusan Bantuan Am, Pengurusan Harta Wakaf, Pengurusan Syarikat TOP IT Industries Sdn. Bhd. dan Pengurusan Syarikat Permint Suterasemai Sdn. Bhd..
3. Pengauditan terhadap aktiviti Kerajaan Negeri adalah untuk menilai program dan projek yang dirancang telah dilaksanakan dengan berkesan mengikut tempoh yang ditetapkan, tidak ada pembaziran dan mencapai matlamatnya. Pada umumnya, aktiviti yang dilaksanakan oleh Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri adalah memuaskan. Penemuan-penemuan Audit yang dibangkitkan perlu diberi perhatian dan diambil tindakan penambahbaikan bagi memastikan objektif program/aktiviti dapat dicapai. Sekiranya tindakan pembetulan dan penambahbaikan tidak diambil, ianya boleh menjelaskan imej Kerajaan Negeri dan sistem penyampaian perkhidmatan awam. Program Transformasi Kerajaan tidak akan dapat dilaksanakan dengan lancar sekiranya kelemahan tersebut tidak dapat diatasi oleh Kerajaan Negeri. Antara kelemahan yang ditemui adalah kehilangan aset di Pusat E-Komuniti Kerajaan yang tidak mengikut prosedur; kegagalan mengagihkan rumah siap dibina sepenuhnya menyebabkan ramai pemohon tidak berpeluang memiliki rumah Perumahan Awam Kos Rendah; objektif Projek Pertanian Mega yang menggunakan teknologi fertigasi masih belum mencapai sasaran yang ditetapkan; kes pelanggaran syarat lesen bagi aktiviti pengambilan pasir yang memberi kesan terhadap alam sekitar; pelaksanaan pengurusan Bantuan Am yang kurang memuaskan menyebabkan lebihan

bayaran kepada penerima; harta wakaf yang tidak diwartakan oleh Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu boleh menjelaskan status hak milik harta wakaf; dan kelemahan Projek Pembekalan Komputer Riba iaitu eBook bagi pengajaran dan pembelajaran murid-murid; serta Syarikat Kerajaan yang tidak mampu bersaing dalam industri yang sama.

4. Semua Pegawai Pengawal dan Ketua Eksekutif yang berkenaan telah dimaklumkan tentang perkara yang dilaporkan untuk tindakan pembetulan dan penambahbaikan. Laporan ini juga mengandungi tindakan susulan yang telah diambil terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan saya bagi tahun 2008 untuk memberi gambaran sejauh mana tindakan susulan dan pembetulan telah diambil oleh pihak Jabatan/Agenzi Negeri/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan isu yang telah dibangkitkan.

5. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap Laporan ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan dan meningkatkan akauntabiliti dan integriti. Laporan ini juga penting dalam usaha menangani krisis ekonomi serta menjadikan perkhidmatan awam satu mekanisme dalam melaksana dan menterjemah segala program dan dasar awam seperti untuk memastikan pemuliharaan alam sekitar dan pengurusan sumber secara mampan, mengurangkan jurang digital masyarakat luar bandar dengan bandar, memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada masyarakat, membasmi kemiskinan, menstrukturkan semula masyarakat Malaysia, meningkatkan aktiviti ekonomi negara, pengukuhan institusi kekeluargaan dan menyediakan kemudahan awam yang sempurna. Secara tidak langsung ia akan menyumbang ke arah Program Transformasi Negara bagi memenuhi slogan **“Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”** bagi memenuhi keperluan, kepentingan dan aspirasi setiap warga Malaysia.

6. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agenzi dan Syarikat Kerajaan Negeri Terengganu yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang tempoh pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha dengan gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
18 Mei 2010



INTISARI LAPORAN

INTISARI LAPORAN

BAHAGIAN I - AKTIVITI JABATAN/AGENSI

Pada tahun 2009, sebanyak enam pengauditan telah dijalankan terhadap program/aktiviti di Jabatan/Agensi Negeri Terengganu. Program/aktiviti tersebut ialah Pengurusan Pusat Bestari.Comm, Pengurusan Perumahan Awam Kos Rendah, Pengurusan Projek Fertigasi Mega Negeri Terengganu, Pengurusan Aktiviti Pengambilan Pasir Serta Kesannya Terhadap Alam Sekitar, Pengurusan Bantuan Am dan Pengurusan Harta Wakaf.

1. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu - Pengurusan Pusat Bestari.Comm

Objektif penubuhan Pusat Bestari.Comm (Pusat) adalah untuk melaksanakan program kemahiran teknologi maklumat kepada masyarakat dengan mengadakan pelbagai kursus dan aktiviti yang berkaitan bagi merealisasikan matlamat Kerajaan Negeri untuk menjadikan rakyat sebagai sebuah masyarakat yang berpengetahuan. Bagi memastikan setiap Pusat ini diuruskan secara bersepada dan efisien, Kerajaan Negeri telah melantik syarikat Krim Network Sdn. Bhd. (Syarikat) untuk menguruskan program di semua Pusat Bestari.Comm yang sehingga kini berjumlah 46 Pusat. Jumlah perbelanjaan bagi pengurusan 46 Pusat ini bagi tahun 2005 hingga 2009 adalah berjumlah RM14.69 juta. Secara keseluruhannya, penubuhan Pusat ini telah mencapai matlamat penubuhannya melalui pelaksanaan program kemahiran teknologi maklumat kepada masyarakat dan telah memberi peluang kepada masyarakat setempat untuk mengikuti perkembangan teknologi maklumat. Bagaimanapun, pengurusan Pusat ini masih boleh dipertingkatkan dengan mengambil tindakan terhadap pematuhan prosedur kehilangan; mengatasi kejadian kehilangan komputer dan peralatan bernilai RM162,550; lebihan bayaran sejumlah RM0.39 juta kepada syarikat ini; dan waktu operasi Pusat ini yang tidak mengikut perjanjian.

2. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu - Pengurusan Perumahan Awam Kos Rendah

Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu merupakan agensi yang bertanggungjawab dalam menguruskan Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) dan Rumah Kos Rendah (RKR) dengan tujuan menyediakan rumah mampu milik kepada rakyat berpendapatan rendah. Agensi pelaksana bagi projek ini ialah Cawangan Pelaksanaan Dan Penyelenggaraan Projek Wilayah Timur, Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan. Manakala Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT) adalah agensi yang bertanggungjawab dalam pengurusan tawaran rumah, kutipan sewa dan jualan rumah kepada pembeli. PAKR dibina melalui pinjaman Kerajaan Persekutuan dan RKR pula dibina melalui peruntukan Kerajaan Negeri. Rancangan perumahan ini berkonsepkan sewa beli di mana pembeli yang layak akan ditawarkan rumah berharga antara RM30,000 hingga RM45,000. Bagi Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), Kerajaan Negeri merancang untuk melaksanakan 13 projek yang melibatkan pembinaan

3,743 unit rumah dengan peruntukan sejumlah RM92.78 juta. Sehingga akhir tahun 2009, hanya tujuh projek sahaja yang dilaksanakan dan masih lagi dalam pembinaan di bawah RMKe-9. Secara keseluruhannya, program Perumahan Awam Kos Rendah telah memberi peluang kepada rakyat berpendapatan rendah untuk memiliki rumah sendiri selaras dengan Program Transformasi Kerajaan iaitu untuk meningkatkan hak milik rumah dengan menawarkan rumah kos rendah untuk disewa dan dijual. Bagaimanapun, pelaksanaan program ini tidak memuaskan kerana rumah tidak dapat disiapkan mengikut jadual; rumah siap tidak diagihkan sepenuhnya kepada pemohon; rumah telah diubahsuai tanpa kebenaran bertulis daripada PMINT; dan sewa rumah tertunggak sehingga 95 bulan berjumlah RM3.92 juta.

3. Jabatan Pertanian Negeri Terengganu - *Pengurusan Projek Fertigasi Mega Negeri Terengganu*

Projek Fertigasi Mega Negeri Terengganu (Projek Fertigasi) merupakan satu projek pertanian yang dipertanggungjawabkan kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri dan pelaksanaannya dikendalikan oleh Jabatan Pertanian Negeri Terengganu. Projek ini mengimplementasikan proses pembajaan dan pengairan pertanian moden yang diberikan secara serentak kepada tanaman. Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah RM25.74 juta bermula dari tahun 2006 hingga 2009. Tanaman utama yang diusahakan adalah *rock melon*, cili dan sayur-sayuran. Objektif utama pembangunan projek ini adalah untuk meningkatkan pendapatan peserta dengan memberi pendapatan bersih sekurang-kurangnya RM1,500 sebulan bagi setiap peserta dan mencapai unjuran sebanyak 3,507 tan metrik buah-buahan serta sayuran dengan nilai RM10.5 juta setiap tahun. Analisis Audit bagi tahun 2009 menunjukkan hanya 41 daripada keseluruhan 251 peserta atau 16.3% sahaja yang mencapai pendapatan bersih melebihi RM1,500 sebulan, manakala unjuran kuantiti pengeluaran bagi tahun 2009 yang tertinggi bagi tiga tahun pertama hanya mencapai 659 tan metrik dengan nilai RM2.06 juta. Secara keseluruhannya, Projek Fertigasi telah berjaya meningkatkan pendapatan sebahagian kecil peserta yang mempunyai minat dan kesungguhan mengusahaannya. Bagaimanapun, Kerajaan Negeri perlu mengambil tindakan yang proaktif bagi memperbaiki kelemahan seperti dokumen perjanjian antara peserta dan Agensi pelaksana tidak disediakan; jumlah peserta masih belum mencapai sasaran; dan pemilihan peserta yang kurang berminat serta tidak mempunyai komitmen yang tinggi. Selain itu, kegagalan projek penanaman strawberi secara fertigasi dengan kos RM118,000 yang tidak sesuai dengan cuaca mengakibatkan hasrat untuk memberi pendedahan kepada usahawan tani dan meningkatkan motivasi diri, pengetahuan dan kemahiran dalam bidang pertanian moden tidak tercapai.

4. Pejabat Tanah Daerah Kuala Terengganu, Hulu Terengganu Dan Kemaman - *Pengurusan Aktiviti Pengambilan Pasir Serta Kesannya Terhadap Alam Sekitar*

Aktiviti perusahaan pengambilan pasir merupakan suatu aktiviti penting dalam industri pembinaan terutamanya yang melibatkan binaan konkrit dan jalan raya. Semua permohonan aktiviti pengambilan pasir diuruskan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan kuasa meluluskan permohonan dibuat oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN). Penguatkuasaan terhadap aktiviti pengambilan pasir adalah dijalankan oleh Pejabat Tanah

dan Pejabat Tanah Dan Galian. Manakala Jabatan Alam Sekitar mempunyai bidang kuasa ke atas kawasan pengambilan pasir yang melibatkan keluasan 50 hektar dan ke atas yang tertakluk kepada penyediaan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA). Syarat-syarat teknikal Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) dijadikan sebahagian daripada syarikat lesen di mana JPS berperanan menjalankan pemantauan bagi menentukan syarat lesen dipatuhi. Bagaimanapun, JPS tidak mempunyai kuasa perundangan untuk mengambil tindakan ke atas perlanggaran syarat. Secara keseluruhannya, pengurusan aktiviti pengambilan pasir kurang memuaskan di mana berlaku kes pelanggaran syarat lesen yang memberi kesan terhadap alam sekitar iaitu berlaku hakisan tebing sungai, kekeruhan air sungai dan menjelaskan flora dan fauna.

5. Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Terengganu - *Pengurusan Bantuan Am*

Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Terengganu (JKMNT) adalah sebuah agensi yang diwujudkan di bawah Perkara 133 Perlembagaan Persekutuan yang mentafsirkannya sebagai Perkhidmatan Awam Bersama. Objektif JKMNT adalah memberi perlindungan pemulihian kepada kumpulan sasar seperti warga tua, orang kurang upaya, orang miskin dan mangsa bencana dan meningkatkan kesejahteraan masyarakat melalui perkhidmatan kebajikan dan pembangunan sosial yang profesional. Justeru itu, pelbagai program telah diperkenalkan antaranya Bantuan Am yang merangkumi Skim Bantuan Bulanan dan Skim Bantuan Sekali Gus yang dibiayai melalui peruntukan Kerajaan Negeri. Pengauditan telah dijalankan di JKMNT dan tiga Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah iaitu Kuala Terengganu, Marang dan Besut. Secara keseluruhannya, objektif JKMNT bagi meningkatkan kesejahteraan melalui perkhidmatan kebajikan adalah tercapai. Bagaimanapun, pelaksanaan pengurusan Bantuan Am adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan yang dikenal pasti dari aspek pengagihan wang bantuan; dan lebihan bayaran RM2,200 kepada tiga penerima bantuan.

6. Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu - *Pengurusan Harta Wakaf*

Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) merupakan pentadbir tunggal bagi semua harta wakaf sama ada Wakaf Khas atau Wakaf Am di seluruh Negeri Terengganu. MAIDAM bertanggungjawab untuk mengurus dan memajukan harta wakaf untuk mendapatkan hasil dan manfaat kepada pewakaf dan masyarakat Islam. Sehingga tahun 2009, harta wakaf yang ditadbirkan oleh MAIDAM terdiri daripada 340 lot tapak masjid, 216 lot tapak surau, 1,040 lot tapak perkuburan Islam, 371 lot tanah Wakaf Khas dan Wakaf Am serta 30 unit bangunan Wakaf Khas dan Wakaf Am yang terdiri daripada bangunan kediaman, ruang pejabat dan ruang niaga yang disewakan. Nilai keseluruhan harta wakaf tersebut pada akhir tahun 2009 dianggarkan berjumlah RM19.03 juta. Secara keseluruhannya, pengurusan harta wakaf adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan seperti harta wakaf tidak diwartakan; harta Wakaf Khas tidak dapat dibangunkan; pencerobohan terhadap harta wakaf tidak diambil tindakan sewajarnya; dan tunggakan sewa yang tidak dikutip.

BAHAGIAN II - PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

Pada tahun 2009, Jabatan Audit Negara telah memilih untuk mengaudit dua Syarikat Kerajaan Negeri iaitu TOP IT Industries Sdn. Bhd. dan Permint Suterasemai Sdn. Bhd..

7. *Top IT Industries Sdn. Bhd.*

TOP IT Industries Sdn. Bhd. (Syarikat) adalah syarikat milik penuh Yayasan Pembangunan Keluarga (YPK) Terengganu. Kegiatan utama Syarikat adalah bagi membangunkan produk *software* dan multimedia, pembekalan komputer riba, latihan dan perundingan. Kerajaan Negeri telah bersetuju melaksanakan projek *eBook* bertujuan meringankan beban pelajar sekolah rendah dan menengah membawa buku teks ke sekolah di samping memberi pendedahan awal terhadap teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) kepada pelajar. Melalui projek ini, Kerajaan Negeri akan membekalkan komputer riba berserta perisian tanpa dikenakan bayaran kepada murid-murid sekolah di Negeri Terengganu. Komputer riba yang diberi nama *eBook* berperanan menggantikan buku teks di mana semua maklumat yang ada dalam buku teks dimasukkan ke dalam *eBook*. Oleh yang demikian, murid-murid tidak perlu lagi menggunakan buku teks semasa pembelajaran di dalam kelas. Beberapa kelemahan aktiviti utama Syarikat bagi Projek *eBook* dikenal pasti iaitu kelewatan penghantaran *eBook*; kadar murid-murid yang membawa *eBook* ke sekolah masih rendah; dan kerosakan *eBook*. Prestasi kewangan Syarikat menunjukkan kedudukan kewangan yang memuaskan kerana memperoleh keuntungan semasa berjumlah RM2.85 juta dan keuntungan terkumpul berjumlah RM0.87 juta serta mempunyai lebihan ekuiti pemegang saham berjumlah RM2.07 juta pada tahun 2009.

8. *Permint Suterasemai Sdn. Bhd.*

Permint Suterasemai Sdn. Bhd. (Syarikat) telah diperbadankan pada 20 November 1984 dengan modal berbayar RM13 juta. Pada 19 September 2007, pegangan ekuiti Syarikat dalam Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu telah diambil alih oleh Terengganu Incorporated Sdn. Bhd.. Objektif Syarikat adalah untuk menjadi pengeluar sutera tenun dan batik terkemuka di Malaysia di samping menjadi syarikat landskap dan hortikultur yang terunggul di Negeri Terengganu. Secara keseluruhannya, pengurusan Syarikat tidak memuaskan kerana Syarikat mengalami kerugian semasa sejumlah RM1.48 juta pada tahun 2008 dan juga kedudukan aliran tunai yang lemah. Syarikat perlu memperbaiki aliran kecairan bagi memastikan keupayaan dalam menjalankan aktiviti dan pembayaran hutang dapat dilaksanakan dengan baik. Perniagaan teras Syarikat iaitu Suteramas tidak kukuh dan tidak mampu menjana pulangan bagi menampung kos operasi Syarikat. Pengurusan aktiviti Syarikat adalah kurang memuaskan di mana pengeluaran produk sutera tidak dapat dipasarkan dengan baik disebabkan Syarikat kurang melaksanakan aktiviti pemasaran dan tidak berkemampuan dalam menyaingi pesaing dalam industri yang sama. Syarikat telah menghentikan operasi pengeluaran produk sutera bagi mengurangkan kos pengurusan.



BAHAGIAN I AKTIVITI JABATAN/AGENSI

BAHAGIAN I

AKTIVITI JABATAN/AGENSI

1. PENDAHULUAN

Seksyen 6, Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit program dan aktiviti Jabatan Negeri. Pengauditan ini bertujuan untuk menilai sama ada sesuatu program atau aktiviti telah dijalankan dengan cekap, ekonomi dan berkesan. Bagi tujuan ini, pengauditan telah dijalankan terhadap enam program/aktiviti di tujuh Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri. Program/aktiviti tersebut ialah Pengurusan Pusat Bestari.Comm, Pengurusan Perumahan Awam Kos Rendah, Pengurusan Projek Fertigasi Mega Negeri Terengganu, Pengurusan Aktiviti Pengambilan Pasir Serta Kesannya Terhadap Alam Sekitar, Pengurusan Bantuan Am dan Pengurusan Harta Wakaf. Pemerhatian Audit mengenai semua pengauditan tersebut telah dimaklumkan kepada semua Ketua Jabatan/Agensi yang terlibat.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

2. PENGURUSAN PUSAT BESTARI.COMM

2.1 LATAR BELAKANG

2.1.1 Penubuhan Pusat E-Komuniti Dewan Undangan Negeri Dan Parlimen, atau Bestari.Comm, telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 4 Ogos 2004. Objektif penubuhan Bestari.Comm adalah untuk melaksanakan program kemahiran teknologi maklumat kepada masyarakat dengan mengadakan pelbagai kursus dan aktiviti yang berkaitan bagi merealisasikan matlamat Kerajaan Negeri untuk menjadikan rakyat Negeri Terengganu sebagai sebuah masyarakat yang berpengetahuan. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri adalah bertanggungjawab untuk memantau dan menyelaras perjalanan keseluruhan Bestari.Comm melalui Unit Pengurusan Maklumat Negeri (UPMN). Bagi memastikan setiap Pusat Bestari.Comm (Pusat) diuruskan secara bersepadu dan efisien, Kerajaan Negeri telah melantik syarikat Krim Network Sdn. Bhd. (Syarikat) sebagai syarikat yang bertanggungjawab melaksanakan pelbagai kursus dan aktiviti berkaitan.

2.1.2 Sebanyak dua perjanjian telah ditandatangani antara Kerajaan Negeri dan Syarikat ini untuk menguruskan Pusat berkenaan. Perjanjian pertama adalah bagi tempoh 1 April 2005 hingga 31 Mac 2007 dan perjanjian kedua adalah bagi tempoh 1 April 2007 hingga 31 Mac 2010. Sehingga tahun 2009, sebanyak 46 Pusat telah ditubuhkan dan beroperasi di seluruh negeri meliputi 32 kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) dan tujuh kawasan Parlimen. Sebanyak 11 Pusat telah ditubuhkan di Daerah Kuala Terengganu, enam Pusat

masing-masing di Daerah Besut, Setiu, Hulu Terengganu, Dungun dan Kemaman serta lima Pusat di Daerah Marang. Peruntukan dan perbelanjaan pengurusan Pusat bagi tahun 2005 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 2.1**.

Jadual 2.1
Peruntukan Dan Perbelanjaan Bagi Pengurusan Pusat Bestari.Comm
Bagi Tahun 2005 Hingga 2009

Tahun	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Peratus Perbelanjaan (%)
2005	3.30	2.97	90.0
2006	3.21	1.75	54.5
2007	6.00	4.39	73.2
2008	4.61	3.35	72.7
2009	3.60	2.23	61.9
Jumlah	20.72	14.69	70.9

Sumber: Rekod UPMN

2.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan Pusat Bestari.Comm telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

2.3 SKOP DAN KAEADAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi pengurusan Pusat Bestari.Comm bagi tahun 2005 hingga 2009. Pengauditan dijalankan di Unit Pengurusan Maklumat Negeri, Syarikat dan lawatan juga telah diadakan di 24 Pusat Bestari.Comm meliputi enam kawasan Parlimen iaitu Kuala Terengganu, Kemaman, Besut, Setiu, Dungun dan Kuala Nerus. Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak rekod dan dokumen berkaitan seperti dokumen perjanjian antara Kerajaan Negeri dengan Syarikat, perancangan program, rekod kewangan, daftar pengunjung, penyata tuntutan bayaran oleh Syarikat dan laporan yang disediakan oleh Syarikat kepada UPMN. Selain itu, temu bual dan soal selidik turut dijalankan.

2.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara November 2009 hingga Januari 2010 mendapati secara keseluruhannya, Pusat Bestari.Comm telah mencapai matlamat penubuhannya melalui pelaksanaan program kemahiran teknologi maklumat kepada masyarakat. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan Pusat Bestari.Comm. Antara kelemahan tersebut ialah terdapat lebihan bayaran berjumlah RM0.39 juta; prosedur kehilangan komputer dan peralatan tidak dipatuhi; berlaku kehilangan komputer dan peralatan bernilai RM162,550; berlaku percanggahan laporan oleh Syarikat dan waktu operasi Pusat yang tidak mengikut perjanjian. Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang diperhatikan adalah seperti di perenggan berikut:

2.4.1 Prestasi Kehadiran Dan Kepuasan Pengunjung

Berdasarkan Laporan Tahunan Bestari.Comm yang disediakan oleh Syarikat, pihak Audit telah membuat analisis terhadap prestasi kehadiran pengunjung. Jumlah kehadiran pengunjung ke Pusat bagi tahun 2005 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 2.2**.


Jadual 2.2
Kehadiran Pengunjung Ke Pusat Bestari.Comm

Bil.	Kategori Pengunjung	Bilangan Pengunjung (Orang)					Jumlah (Orang)	Peratus (%)
		2005	2006	2007	2008	2009		
1.	Pelajar Sekolah	8,340	43,586	60,752	69,840	62,111	244,629	44.1
2.	Remaja	6,912	34,074	43,503	47,531	45,321	177,341	31.9
3.	Belia	3,891	25,117	22,900	23,202	22,654	97,764	17.6
4.	Dewasa	55	2,739	3,137	3,447	4,215	13,593	2.4
5.	JKKK Dan Penghulu	249	2,714	2,125	1,712	1,124	7,924	1.4
6.	Suri Rumah	443	2,953	1,516	1,424	1,059	7,395	1.3
7.	Pelajar Pra Sekolah	88	260	1,064	1,357	1,669	4,438	0.8
8.	Warga Emas	73	392	725	244	78	1,512	0.3
9.	Imam Dan Bilal	21	79	295	216	64	675	0.1
Jumlah		20,072	111,914	136,017	148,973	138,295	555,271	100

Sumber: Laporan Tahunan Bestari.Comm

Berdasarkan **Jadual 2.2** di atas, kehadiran pengunjung ke Pusat semakin meningkat dari tahun ke tahun kecuali pada tahun 2009. Sehingga tahun 2009, jumlah pengunjung adalah seramai 555,271 orang yang terdiri daripada pelbagai kategori. Kehadiran pengunjung paling tinggi adalah pelajar sekolah iaitu seramai 244,629 orang atau 44.1%. Pihak Audit telah mengedarkan soal selidik kepada pengunjung untuk mendapat maklum balas terhadap perkhidmatan yang disediakan oleh Pusat. Analisis terhadap soal selidik adalah seperti di **Carta 2.1**.

Carta 2.1
Analisis Soal Selidik



Sumber: Jabatan Audit Negara

Berdasarkan **Carta 2.1** di atas, sebanyak 67.3% pengunjung menyatakan bahawa mereka tidak pernah menghadiri sebarang kursus anjuran Pusat disebabkan tidak mendapat maklumat mengenai kursus yang dianjurkan. Sebanyak 78.8% pengunjung berpuas hati dengan aktiviti yang dijalankan dan 86.5% pengunjung berpuas hati dengan perkhidmatan yang disediakan. Manakala 13.5% pengunjung tidak berpuas hati dengan perkhidmatan yang disediakan disebabkan bilangan komputer yang tidak mencukupi, capaian internet yang tidak memuaskan dan waktu operasi sebilangan Pusat yang tidak beroperasi pada hari Sabtu.

Pada pendapat Audit, perkhidmatan dan aktiviti yang disediakan di Pusat Bestari.Comm adalah memuaskan namun bilangan pengunjung ke Pusat Bestari.Comm telah berkurangan pada tahun 2009 berbanding 2008.

2.4.2 Lebihan Bayaran Pengurusan Kepada Syarikat

Sebanyak dua perjanjian telah ditandatangani antara Kerajaan Negeri dengan Syarikat ini bagi menguruskan semua Pusat di seluruh negeri. Perjanjian pertama adalah bagi menguruskan 32 Pusat untuk tempoh dua tahun iaitu mulai 1 April 2005 hingga 31 Mac 2007. Sebagai balasan Kerajaan Negeri akan membayar kos pengurusan kepada Syarikat sejumlah RM1.56 juta setahun. Perjanjian kedua pula yang ditandatangani pada 1 Oktober 2007 adalah bagi tempoh tiga tahun iaitu mulai 1 April 2007 hingga 31 Mac 2010. Bagi perjanjian kedua, Kerajaan Negeri akan membayar kepada Syarikat ini sejumlah RM3.85 juta setahun untuk kos pengurusan bagi 46 Pusat.

Pada tahun 2007, Syarikat ini telah membuat tuntutan kos pengurusan Pusat berjumlah RM3.14 juta dan UPMN telah membuat pembayaran sebagaimana tuntutan tersebut. Bagaimanapun, UPMN telah menyedari kos pengurusan bagi Pusat yang sebenarnya beroperasi adalah berjumlah RM2.75 juta. Oleh itu, berlaku lebihan bayaran kepada Syarikat ini sejumlah RM0.39 juta. Sebagai ganti kepada lebihan bayaran tersebut, Syarikat ini dikehendaki melaksanakan sebanyak 171 kursus dari April hingga Disember 2008 sebagaimana kelulusan oleh Pegawai Kewangan Negeri pada 9 Jun 2008. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan pelaksanaan kursus-kursus tersebut kerana dokumen berkaitan tidak dikemukakan.

Berdasarkan maklum balas UPMN, pihak Syarikat tidak melaksanakan kursus sepenuhnya seperti yang telah dipersetujui. Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Program Bestari.Comm bersetuju untuk membuat potongan bayaran sejumlah RM61,000 terhadap kursus-kursus yang tidak dilaksanakan.

Pada pendapat Audit, lebihan bayaran tersebut sepatutnya ditolak daripada bayaran pengurusan dan bukan diganti dengan pelaksanaan kursus.

2.4.3 Pengurusan Aset

Perolehan sesuatu aset hendaklah digunakan mengikut maksud ianya diperoleh dan hendaklah diselenggarakan mengikut peraturan yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati:

a) Perolehan Tidak Digunakan Mengikut Perancangan

Pada tahun 2007, pihak UPMN telah membuat perolehan komputer berjumlah RM42,905 bagi Pusat Bestari.Comm Pasir Panjang. Bagaimanapun, Pusat ini masih belum beroperasi kerana menghadapi masalah pemilihan lokasi. Sehubungan itu, komputer dan peralatan yang dibeli telah digunakan dan ditempatkan sementara di beberapa lokasi iaitu di UPMN, Syarikat, Pusat Latihan ICT Negeri Terengganu, Pusat Latihan Tenaga Mahir ICT Negeri Terengganu, Pusat Bestari.Comm Ladang dan Pusat Bestari.Comm Seberang Takir seperti di **Jadual 2.3**.

Jadual 2.3
Penempatan Sementara Bagi Komputer Dan Peralatan
Pusat Bestari.Comm Pasir Panjang

Bil.	Jenis Peralatan (Unit)	Penempatan Sementara
1.	13 komputer peribadi	- 9 unit di Pusat Latihan ICT Negeri Terengganu - 3 unit di Pusat Bestari.Comm Ladang - 1 unit di Pusat Bestari.Comm Seberang Takir
2.	1 komputer riba	UPMN
3.	1 projektor	
4.	1 pengimbas	
5.	2 pencetak	
6.	1 <i>prolink</i> dan 4 kabel	Pusat Latihan ICT Negeri Terengganu
7.	1 papan putih	
8.	1 <i>high cupboard</i>	
9.	1 <i>lightning arrestor</i>	
10.	1 skrin	
11.	1 meja pejabat	
12.	13 meja komputer	Pusat Latihan Tenaga Mahir ICT
13.	14 kerusi pelawat	
14.	1 sistem penggera	Syarikat

Sumber: Jabatan Audit Negara

Pemeriksaan fizikal Audit mendapati peralatan komputer yang ditempatkan di Pusat Latihan ICT Negeri Terengganu adalah dalam keadaan baik dan akan digunakan untuk tujuan latihan seperti di **Foto 2.1**. Manakala peralatan yang ditempatkan di Pusat Latihan Tenaga Mahir ICT (M2FARM) masih belum digunakan seperti di **Foto 2.2**.

Foto 2.1
Komputer Dan Peralatan Di Penempatan Sementara



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Pusat Latihan ICT Negeri Terengganu

Tarikh: 4 Januari 2010

Foto 2.2



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Pusat Latihan Tenaga Mahir ICT (M2FARM)

Tarikh: 4 Januari 2010

Berdasarkan maklum balas UPMN, komputer dan peralatan tersebut telah diagihkan ke Pusat Bestari.Comm lain bagi menggantikan komputer dan peralatan yang telah mengalami kerosakan.

b) Kerosakan Komputer Dan Peralatan Tidak Diambil Tindakan Segera

Merujuk Fasal 6(1) kepada perjanjian, adalah menjadi tanggungjawab Syarikat untuk memastikan semua komputer diselenggarakan dengan baik dan boleh digunakan oleh semua pihak pada setiap masa. Pemeriksaan fizikal Audit bersama kakitangan Pusat pada Disember 2009 dan Januari 2010 mendapati sebanyak 25 unit komputer peribadi, satu unit komputer riba, dua unit pencetak dan satu unit projektor telah rosak. Bagaimanapun, hanya dua unit komputer peribadi, satu unit komputer riba dan satu unit projektor telah dihantar untuk pemberaan seperti di **Jadual 2.4**.

Jadual 2.4
Komputer Dan Peralatan Yang Rosak

Bil.	Pusat Bestari.Comm	Peralatan	Jumlah Aset (Unit)	Kuantiti Rosak (Unit)	Keterangan
1.	Kota Putera	Komputer Peribadi	13	5	2 Unit Telah Dihantar Baiki
2.	Hulu Besut	Komputer Peribadi	13	2	-
3.	Kuala Besut	Komputer Peribadi	13	4	-
4.	Pengkalan Kubur	Komputer Peribadi	10	3	-
5.	Jerteh	Pencetak	2	1	-
6.	Batu Buruk	Komputer Riba	1	1	Telah Dihantar Baiki
7.	Ladang	Komputer Peribadi	16	3	-
		Projektor	1	1	Telah Dihantar Baiki
8.	Wakaf Mempelam	Komputer Peribadi	13	3	-
9.	Tepoh	Komputer Peribadi	13	2	-
10.	Bukit Payong	Komputer Peribadi	13	1	-
		Pencetak	2	1	-
11.	Kijal	Komputer Peribadi	13	2	-
Jumlah			123	29	

Sumber: Jabatan Audit Negara

Berdasarkan maklum balas UPMN, Syarikat akan menyenggarakan semua komputer dan peralatan yang rosak. UPMN akan memotong bayaran akhir kepada Syarikat sekiranya penyenggaraan tidak dijalankan.

Pada pendapat Audit, tindakan mengagihkan peralatan yang dibeli untuk Pusat Bestari.Comm Pasir Panjang adalah baik daripada membiarkannya terbiar tanpa digunakan.

2.4.4 Kehilangan Komputer Dan Peralatan Di Pusat Bestari.Comm

Mengikut Fasal 6(1)(a) kepada perjanjian, Syarikat adalah bertanggungjawab sekiranya berlaku sebarang kecurian terhadap komputer dan/atau apa-apa barang yang berkaitan di mana-mana Pusat Bestari.Comm yang disebabkan oleh kecuaian Syarikat, pekerja atau agennya. Manakala Arahan dan Pekeliling Perbendaharaan ada menjelaskan langkah yang perlu diambil oleh Ketua Jabatan apabila berlaku kehilangan aset Kerajaan antaranya membuat laporan polis dalam tempoh 24 jam serta menubuhkan Jawatankuasa Penyiasat yang bertanggungjawab menyediakan Laporan Akhir untuk tindakan selanjutnya. Semakan Audit mendapati berlaku 12 kes kehilangan komputer dan peralatan di 12 Pusat dari tahun 2005 hingga 2009 seperti di **Jadual 2.5**.

Jadual 2.5
Kehilangan Komputer Dan Peralatan Di Pusat Bestari.Comm

Bil.	Tarikh Kehilangan	Pusat Bestari.Comm	Peralatan Yang Hilang (Unit)	Nilai Anggaran (RM)
1.	4.9.2005	Tepoh	13 CPU	26,000
2.	30.9.2005	Bukit Payong	12 CPU 1 Pencetak	25,000
3.	6.11.2005	Jerteh	13 CPU 1 Pencetak	26,000
4.	1.12.2005	Telemong	1 CPU	2,550
5.	10.12.2005	Rantau Abang	13 CPU	26,000
6.	16.1.2006	Kota Putera	12 CPU	30,600
7.	18.12.2007	Jabi	1 Komputer Riba	3,000
8.	20.3.2008	Manir	1 Penghawa Dingin	900
9.	19.7.2008	Guntong Luar	2 Komputer 1 Pengimbas 1 Modem 1 <i>Lightning Arrestor</i>	5,500
10.	27.2.2009	Ladang	1 Komputer Riba	3,000
11.	3.4.2009	Batu 48	1 Komputer Riba 1 Monitor	3,500
12.	6.6.2009	Wakaf Mempelam	7 CPU 1 Projektor	10,500
Jumlah				162,550

Sumber: Fail Komuniti ICT Di Pejabat UPMN

Nota: CPU – Central Processing Unit (Unit Pemprosesan Pusat)

Berdasarkan **Jadual 2.5** di atas, antara komputer dan peralatan yang hilang adalah 71 unit CPU, dua unit komputer, tiga unit komputer riba, satu unit pengimbas, satu unit monitor dan satu unit projektor. Nilai keseluruhan komputer dan peralatan yang hilang dianggarkan berjumlah RM162,550.

Pada peringkat awal penubuhan, UPMN telah mengambil perlindungan insurans ke atas kesemua komputer dan peralatan di semua Pusat selama satu tahun bagi tempoh 17 Oktober 2005 hingga 16 Oktober 2006. Sepanjang tempoh tersebut, terdapat empat kes kehilangan dan telah mendapat ganti rugi daripada syarikat insurans sejumlah RM79,676. Bagaimanapun, syarikat insurans berkenaan tidak lagi berminat untuk menyambung polisi insurans memandangkan kekerapan yang tinggi terhadap kes kehilangan di Pusat Bestari.Comm. Selain itu, kehilangan yang berlaku di Pusat Bestari.Comm Wakaf Mempelam telah diganti oleh Syarikat manakala kehilangan di Pusat Bestari.Comm Tepoh dan Bukit Payong telah diganti oleh UPMN.

Semakan Audit mendapati 10 kes kehilangan telah dilaporkan oleh Syarikat kepada pihak polis dalam tempoh 24 jam, manakala dua kes kehilangan yang berlaku di Pusat Bestari.Comm Ladang dan Telemong lewat dibuat laporan polis antara dua hingga empat hari. Bagaimanapun, Ketua Jabatan tidak menyediakan Laporan Awal dan Jawatankuasa Penyiasat juga tidak ditubuhkan.

Berdasarkan maklum balas UPMN, pengurusan Pusat Bestari.Comm adalah secara ‘management outsourcing’ dan Syarikat adalah bertanggungjawab sekiranya berlaku sebarang kecurian terhadap komputer dan/atau apa-apa barang yang berkaitan di mana-mana Pusat Bestari.Comm berdasarkan Fasal 6(1)(a) kepada perjanjian. Sehubungan itu, UPMN tidak menjalankan siasatan terhadap kehilangan yang berlaku. Bagaimanapun, perbincangan dengan Syarikat telah dibuat dan Syarikat bersetuju untuk menggantikan komputer dan peralatan yang hilang termasuk yang telah diganti oleh UPMN.

Pada pendapat Audit, pengurusan kehilangan adalah tidak memuaskan kerana prosedur kehilangan tidak dipatuhi sepenuhnya walaupun pengurusan Pusat Bestari.Comm dibuat secara ‘management outsourcing’.

2.4.5 Waktu Operasi Pusat Bestari.Comm Tidak Mengikut Perjanjian

Mengikut Fasal 6(1)(d) kepada perjanjian, Syarikat hendaklah memastikan Pusat Bestari.Comm dibuka setiap hari dari jam 10 pagi hingga 11 malam. Semakan Audit mendapati kesemua Pusat tidak beroperasi mengikut syarat perjanjian. Sebanyak 46 Pusat tidak beroperasi pada hari Jumaat manakala sebanyak tujuh Pusat tidak beroperasi pada hari Jumaat dan Sabtu. Selain itu, sebanyak 37 Pusat hanya beroperasi dari jam 9.30 pagi hingga 5.30 petang. Antara faktor yang menyebabkan Pusat tidak beroperasi mengikut syarat perjanjian ialah kerana kekosongan jawatan Pembantu Juruteknik dan Pusat yang ditempatkan di Pejabat Khidmat Masyarakat DUN beroperasi mengikut waktu pejabat. Keadaan ini menyebabkan Kerajaan Negeri membuat pembayaran kepada perkhidmatan yang tidak dilaksanakan.

Berdasarkan maklum balas UPMN, antara faktor yang menyebabkan beberapa Pusat tidak beroperasi mengikut waktu dalam perjanjian terutamanya pada waktu malam selain daripada kekurangan kakitangan adalah disebabkan faktor keselamatan kakitangan.

Pada pendapat Audit, waktu operasi Pusat Bestari.Comm adalah tidak memuaskan kerana semua Pusat tidak beroperasi mengikut perjanjian dan adalah tidak wajar bagi UPMN membuat pembayaran kepada perkhidmatan yang tidak dilaksanakan.

2.4.6 Laporan Pengurusan Bulanan Tidak Tepat

Mengikut Fasal 6(1)(e) dalam perjanjian, Syarikat dikehendaki menghantar Laporan Pengurusan yang meliputi semua aspek berkaitan dengan perjalanan program Pusat Bestari.Comm. Semakan Audit mendapati laporan bagi Disember 2009 menyatakan semua peralatan dan kemudahan adalah dalam keadaan baik. Bagaimanapun, lawatan Audit pada Disember 2009 dan Januari 2010 ke 24 Pusat mendapati berlaku perbezaan antara keadaan sebenar di Pusat berkenaan dengan laporan yang dikemukakan seperti di **Jadual 2.6** dan **Foto 2.3** hingga **Foto 2.5**. Keadaan ini berlaku kerana UPMN kurang menjalankan pemantauan ke Pusat bagi memastikan laporan yang disediakan oleh Syarikat adalah tepat.

Jadual 2.6

Kedudukan Sebenar Peralatan Dan Kemudahan Semasa Lawatan Audit

Bil.	Perkara	Lokasi Pusat Bestari.Comm	Penemuan Audit
1.	Jeriji	a) Jabi b) Permaisuri c) Ladang, Chukai dan Air Puteh	- Pintu dan tingkap stor tidak ada jeriji. - Pintu depan dan tingkap tidak ada jeriji. - <i>Connecting door</i> dengan Pejabat DUN tidak ada jeriji. Pejabat DUN tidak ada jeriji.
2.	Karpet	a) Ladang, Bandar, Kijal dan Chukai b) Batu 48	- Tidak ada karpet. - Karpet rosak akibat banjir pada 20 November 2009.
3.	Penghawa Dingin	a) Kuala Besut dan Kerteh b) Permaisuri	- 1 unit penghawa dingin rosak dan 1 unit lagi bocor. - 1 unit penghawa dingin bocor.
4.	Perabot	a) Kuala Besut, Hulu Besut dan Rantau Abang b) Kota Putera c) Jerteh d) Permaisuri dan Ladang e) Wakaf Mempelam f) Tepoh g) Batu 48	- 2 unit kerusi rosak. - Lebih dari separuh kerusi rosak. - 1 unit meja dan 4 unit kerusi rosak. - 4 unit meja rosak. - 4 unit meja dan 2 kerusi rosak. - 1 unit kerusi rosak. - Kesemua meja rosak.
5.	Sistem Penggera	a) Kuala Besut, Jerteh, Permaisuri, Wakaf Mempelam, Bukit Payong, Pengkalan Kubur, Padang Luas dan Paya Berenjut b) Kota Putera, Jabi dan Ladang c) Bandar dan Air Puteh d) Chukai e) Kijal	- Sistem rosak. - Sistem tidak digunakan kerana terlalu sensitif. - Sistem berfungsi tetapi bateri lemah. - Sistem berfungsi tetapi tidak dapat menghubungi syarikat keselamatan. - Sistem belum dialihkan sejak berpindah.
6.	Papan Tanda	a) Bukit Payong dan Bandar	- Tertanggal akibat hujan dan ribut.
7.	Menara T@wan	a) Hulu Besut b) Jerteh	- Menara T@wan runtuh. - Pembalut wayar talian pecah.

Sumber: Jabatan Audit Negara

Foto 2.3
Pusat Bestari.Comm Yang Tidak Mempunyai Jeriji



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat Bestari.Comm Ladang
Tarikh: 20 Disember 2009

Foto 2.4
Menara T@wan Runtuh



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat Bestari.Comm Hulu Besut
Tarikh: 14 Disember 2009

Foto 2.5
Papan Tanda Tertanggal



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat Bestari.Comm Bandar
Tarikh: 22 Disember 2009

Berdasarkan maklum balas UPMN, pemantauan terhadap laporan yang disediakan kurang dijalankan kerana masalah kekurangan kakitangan. Daripada 53 perjawatan yang diluluskan di UPMN, sebanyak 36 jawatan sahaja yang diisi dan hanya empat orang pegawai sahaja yang bertanggungjawab terhadap 46 Pusat di seluruh negeri.

Pada pendapat Audit, Syarikat telah membuat laporan yang tidak tepat dan UPMN kurang menjalankan pemantauan untuk memastikan ketepatan laporan tersebut.

2.4.7 Pelaksanaan Kursus Tidak Mencapai Sasaran

Mengikut syarat yang telah dipersetujui antara Kerajaan Negeri dan Syarikat, terdapat dua peringkat perancangan kursus seperti di **Jadual 2.7**.

Jadual 2.7
Dua Peringkat Perancangan Kursus

Peringkat Perjanjian	Tempoh Perjanjian	Jenis Kursus	Kekerapan (Setahun)
1	April 2005 - Mac 2007	1) Kursus Asas Komputer <ul style="list-style-type: none"> • Kursus Pengenalan Komputer Dan <i>Linux</i> • <i>Open Office-Writer</i> • <i>Open Office-Calc</i> • <i>Open Office-Impress</i> 	6 6 4 4
Jumlah Kursus Setahun Bagi Satu Pusat			20
2	April 2007 - Mac 2010	1) Kursus Asas Komputer <ul style="list-style-type: none"> • Kursus Pengenalan Komputer Dan <i>Linux</i> • <i>Open Office-Writer</i> • <i>Open Office-Calc</i> • <i>Open Office-Impress</i> • Kursus Pengenalan Internet Dan e-mel 2) Kursus Komputer Lanjutan <ul style="list-style-type: none"> • Kursus Pembangunan Laman Web • Kursus Asas Penyelenggaraan Komputer 	6 6 4 4 3 3 2
Jumlah Kursus Setahun Bagi Satu Pusat			28

Sumber: Rekod UPMN

Semakan Audit mendapati sebanyak 4,062 kursus atau 76.5% telah dilaksanakan berbanding 5,312 kursus yang dirancang dari tahun 2005 hingga 2009 seperti di **Jadual 2.8**. Antara sebab pelaksanaan kursus tidak mencapai sasaran adalah kerana masih terdapat Pusat yang belum beroperasi dalam tempoh yang dijadualkan dan terdapat juga Pusat yang kurang melaksanakan kursus sebagaimana sasaran yang ditetapkan.

Jadual 2.8
Kursus Yang Dirancang Dan Dilaksanakan
Bagi Tahun 2005 Hingga 2009

Jenis Kursus	Rancang					Laksana				
	2005	2006	2007	2008	2009	2005	2006	2007	2008	2009
Kursus Pengenalan Komputer Dan <i>Linux</i>	192	192	288	288	288	102	199	184	177	182
<i>Open Office-Writer</i>	192	192	288	288	288	99	183	162	180	222
<i>Open Office-Calc</i>	128	128	192	192	192	15	83	137	113	113
<i>Open Office-Impress</i>	128	128	192	192	192	29	85	123	172	153
Pengenalan Kepada Internet Dan e-mel	-	-	144	144	144	73	139	157	172	164
Kursus Pembangunan Laman Web	-	-	144	44	144	-	27	36	30	61
Kursus Asas Penyelenggaraan Komputer	-	-	96	96	96	13	29	60	24	92
Kursus Animasi 3D	-	-	-	-	-	-	-	34	98	1
Kursus Animasi 2D	-	-	-	-	-	-	-	-	47	3
Blog	-	-	-	-	-	-	-	-	-	89
Jumlah Kursus	640	640	1,344	1,344	1,344	331	745	893	1,013	1,080
Jumlah Kursus Bagi 5 Tahun	5,312					4,062				

Sumber: Laporan Tahunan Bestari.Comm Tahun 2008 dan 2009

Pada pendapat Audit, pelaksanaan kursus adalah memuaskan kerana telah mencapai 76.5% daripada sasaran yang ditetapkan.

2.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, Pusat Bestari.Comm telah mencapai matlamat penubuhannya melalui pelaksanaan program kemahiran teknologi maklumat kepada masyarakat. Penubuhan Pusat Bestari.Comm telah memberi peluang kepada masyarakat setempat untuk mengikuti perkembangan teknologi maklumat. Bagaimanapun, pengurusan Pusat Bestari.Comm masih boleh dipertingkatkan dengan mengambil tindakan terhadap penemuan Audit. Antaranya ialah prosedur kehilangan tidak dipatuhi, terdapat lebihan bayaran, berlaku percanggahan laporan oleh Syarikat dan waktu operasi yang tidak mengikut perjanjian. Sehubungan dengan itu, pihak Audit mengesyorkan beberapa perkara seperti berikut:

- a)** UPMN hendaklah mematuhi prosedur kehilangan yang telah ditetapkan agar dapat mengenal pasti pihak yang bertanggungjawab terhadap kehilangan komputer dan peralatan di Pusat Bestari.Comm.
- b)** UPMN hendaklah membuat semakan terperinci dan teliti terhadap setiap tuntutan yang dibuat oleh Syarikat agar tidak lagi berlaku lebihan bayaran. Setiap tuntutan hendaklah dipastikan mempunyai dokumen sokongan yang lengkap.
- c)** UPMN perlu mempunyai perancangan perolehan yang teliti agar peralatan yang dibeli dapat digunakan mengikut perancangan.
- d)** UPMN perlu membuat pemantauan secara berkala ke atas semua Pusat Bestari.Comm bagi memastikan ketepatan laporan yang disediakan oleh pihak Syarikat agar Pusat Bestari.Comm dapat beroperasi dengan lancar.
- e)** UPMN perlu memastikan semua kursus di Pusat Bestari.Comm dijalankan sebagaimana yang telah dirancang agar matlamat penubuhan Pusat Bestari.Comm dan juga hasrat Kerajaan Negeri dapat dicapai.
- f)** UPMN hendaklah memastikan semua Pusat Bestari.Comm beroperasi mengikut waktu operasi yang ditetapkan dalam perjanjian.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

3. PENGURUSAN PERUMAHAN AWAM KOS RENDAH

3.1 LATAR BELAKANG

3.1.1 Kerajaan Negeri mengadakan program Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) dan Rumah Kos Rendah (RKR) untuk menyediakan rumah mampu milik kepada rakyat berpendapatan rendah. PAKR dibina melalui pinjaman Kerajaan Persekutuan manakala RKR adalah daripada peruntukan Kerajaan Negeri. Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu (SUK) merupakan agensi yang bertanggungjawab dalam mengurus PAKR dan RKR, manakala Cawangan Pelaksanaan Dan Penyelenggaraan Projek Wilayah Timur, Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan sebagai agensi pelaksana. Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT) adalah agensi yang bertanggungjawab dalam pengurusan tawaran rumah, kutipan sewa dan jualan rumah kepada pembeli.

3.1.2 Rancangan perumahan ini berkonsepkan sewa beli di mana pembeli yang layak akan ditawarkan rumah berharga antara RM30,000 hingga RM45,000. Pembeli dikehendaki membayar sewa bulanan antara RM126 hingga RM135 bagi tempoh tiga hingga lima tahun pertama. Bayaran sewa ini merupakan bayaran bulanan kepada pembelian rumah tersebut.

3.1.3 Bagi tahun 1996 hingga 2000 iaitu dalam Rancangan Malaysia Ketujuh (RMKe-7), Kerajaan Negeri telah merancang sebanyak 10 projek perumahan melibatkan 1,982 unit rumah dengan peruntukan sejumlah RM66.60 juta yang dibiayai daripada Pinjaman Kerajaan Persekutuan. Bagaimanapun, ekoran kegawatan ekonomi dan perubahan pemerintahan Kerajaan Negeri, projek ini hanya dapat dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8) iaitu bagi tahun 2001 hingga 2005. Kerajaan Negeri juga merancang untuk melaksanakan 13 projek RKR dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) iaitu bagi tahun 2006 hingga 2010 yang melibatkan pembinaan 3,743 unit rumah dengan peruntukan sejumlah RM92.78 juta. Bagi projek di bawah RMKe-9, sehingga akhir tahun 2009 hanya tujuh projek sahaja yang dilaksanakan dan masih lagi dalam pembinaan.

3.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan adalah untuk menilai sama ada pengurusan PAKR dan RKR telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

3.3 SKOP DAN KADEAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi lima program PAKR yang telah siap iaitu PAKR Banggol Peradong dan PAKR Mengabang Lekor II di Kuala Terengganu, PAKR Padang Setengge Hulu Terengganu, PAKR Anak Ikan Besut, PAKR Pasir Gajah Kemaman dan dua projek RKR dalam pembinaan iaitu RKR Pasir Akar dan RKR Padang Luas, Besut bagi tahun 2005 hingga 2009. Pengauditan dilakukan dengan menyemak rekod dan dokumen berkaitan di Pejabat SUK, PMINT dan Cawangan Pelaksanaan Dan Penyelenggaraan Projek Wilayah Timur, Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan, Kuala Terengganu. Selain itu, temu bual dengan pegawai berkenaan, lawatan fizikal ke tapak projek dan soal selidik juga turut dilakukan.

3.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara Oktober hingga Disember 2009 serta lawatan susulan pada Mac 2010 mendapati pada keseluruhannya pelaksanaan projek PAKR dan RKR adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang diperhatikan ialah projek perumahan ini gagal disiapkan sebagaimana jadual yang ditetapkan dalam perjanjian, rumah yang telah siap dibina lewat diagihkan kepada golongan yang disasarkan, bayaran sewa rumah tertunggak sehingga 95 bulan berjumlah RM3.92 juta, penyewa menyewakan rumah PAKR kepada pihak lain dan rumah diubahsuai tanpa kebenaran bertulis daripada PMINT. Penjelasan lanjut mengenai perkara yang diperhatikan adalah seperti di perenggan berikut:

3.4.1 Projek Perumahan Lewat Disiapkan

Kerajaan Negeri telah merancang untuk melaksanakan 13 projek RKR di bawah RMKe-9 yang melibatkan pembinaan sebanyak 3,743 unit rumah dengan peruntukan sejumlah RM92.78 juta. Semakan Audit mendapati sehingga akhir tahun 2009, sebanyak tujuh projek yang melibatkan pembinaan 1,586 unit rumah telah dilaksanakan dan masih dalam pembinaan. Manakala enam projek lagi akan dilaksanakan pada tahun 2010 dan PMINT telah diberi tanggungjawab sebagai Agensi pelaksana. Kedudukan terkini projek berkenaan adalah seperti di **Jadual 3.1**.

Jadual 3.1
Projek Di Bawah RMKe-9 Yang Telah Dibangunkan

Bil.	Nama Projek	Unit Rumah	Kos Projek (RM Juta)	Tempoh Projek Mengikut Perjanjian	Tarikh Sepatut Siap Selepas Lanjutan Masa	Peratus Siap Sehingga 31 Dis. 2009 (%)
1.	RKR Padang Luas, Besut	254	14.93	1.8.2008 – 22.10.2009	22.5.2010	20.0
2.	RKR Pasir Akar, Besut	165	9.66	21.1.2008 – 5.7.2009	5.5.2010	52.0
3.	RKR Gong Nering, Besut	71	4.70	18.2.2008 – 18.1.2009	3.3.2010	70.0
4.	RKR Gong Tengah, Besut	411	23.81	1.8.2008 – 15.7.2010	-	48.0
5.	RKR Paya Lawas, Dungun	243	13.99	21.2.2008 – 12.8.2009	5.9.2010	33.3
6.	RKR Paya Santong, Paka, Dungun	345	19.87	8.2.2008 – 13.9.2009	-	5.7
7.	RKR Kampung Peradong, Kuala Terengganu	97	5.81	1.8.2008 – 22.10.2009	-	1.5
Jumlah		1,586	92.77			

Sumber: Rekod Cawangan Pelaksanaan Dan Penyelenggaraan Projek Wilayah Timur

Semakan lanjut Audit mendapati perkara seperti berikut:

a) RKR Padang Luas, Besut

Projek ini melibatkan pembinaan sebanyak 254 unit rumah di atas tanah seluas 18 ekar dengan nilai kontrak RM14.93 juta. Perjanjian kontrak telah ditandatangani di antara Kerajaan Negeri dengan kontraktor Kelas A iaitu ANJ Ventures Sdn. Bhd. dan tempoh projek adalah selama 64 minggu bermula 1 Ogos 2008 hingga 22 Oktober 2009.

Lawatan Audit ke tapak projek pada 14 Disember 2009 bersama pegawai daripada Cawangan Pelaksanaan Dan Penyelenggaraan Projek Wilayah Timur mendapati kemajuan projek secara keseluruhannya adalah hanya sebanyak 20% dan mengikut syarat kontrak, projek ini sepatutnya disiapkan sepenuhnya pada 22 Oktober 2009. Kerja-kerja pembinaan adalah seperti di **Foto 3.1** dan **Foto 3.2**.

Foto 3.1

Kerja Penyediaan Tapak Rumah



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Tapak Projek RKR Padang Luas, Besut

Tarikh: 14 Disember 2009

Foto 3.2



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Tapak Projek RKR Padang Luas, Besut

Tarikh: 14 Disember 2009

Semakan Audit mendapati kelewatan projek ini adalah disebabkan kelewatan kelulusan penetapan aras platform projek oleh Cawangan Pelaksanaan Dan Penyelenggaraan Projek Wilayah Timur, kelewatan penyerahan tapak dan kelewatan kelulusan pelan bangunan daripada Majlis Daerah Besut. Selain itu, keadaan cuaca juga merupakan salah satu faktor yang menyebabkan kelewatan projek ini disiapkan. Tempoh masa untuk menyiapkan projek ini telah dilanjutkan selama 212 hari iaitu dari 23 Oktober 2009 sehingga 22 Mei 2010.

b) RKR Pasir Akar, Besut

Projek ini melibatkan pembinaan sebanyak 165 unit rumah di atas tanah seluas 14 ekar dengan nilai kontrak RM9.66 juta. Perjanjian kontrak telah ditandatangani di antara Kerajaan Negeri dengan kontraktor Kelas B iaitu Sama Pelangi Sdn. Bhd. dan tempoh projek adalah selama 76 minggu bermula 21 Januari 2008 hingga 5 Julai 2009.

Lawatan Audit ke tapak projek pada 10 Mac 2010 bersama pegawai daripada Cawangan Pelaksanaan Dan Penyelenggaraan Projek Wilayah Timur mendapati kemajuan projek secara keseluruhannya hanya 59% sahaja seperti di **Foto 3.3** dan **Foto 3.4**. Mengikut syarat kontrak, projek ini sepatutnya disiapkan sepenuhnya pada 5 Julai 2009.

Foto 3.3
Rumah Dalam Pembinaan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Projek RKR Pasir Akar, Besut
Tarikh: 10 Mac 2010

Foto 3.4
Blok Rumah Yang Masih Belum Didirikan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Projek RKR Pasir Akar, Besut
Tarikh: 10 Mac 2010

Berdasarkan surat maklum balas daripada kontraktor bertarikh 14 September 2009 mendapati kerja-kerja pembinaan hanya dimulakan pada akhir Ogos 2008. Kelewatan projek ini adalah disebabkan kelewatan mendapat kelulusan akhir reka bentuk daripada Unit Kejuruteraan Struktur Cawangan Pelaksanaan Dan Penyelenggaraan Projek, perubahan kerja yang diarahkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan iaitu menukar penggunaan longkang V kepada longkang U, faktor cuaca dan kekurangan bahan binaan dalam pasaran. Tempoh masa untuk menyiapkan projek ini telah dilanjutkan selama 303 hari dari 6 Julai 2009 hingga 5 Mei 2010.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan keseluruhan tujuh projek tersebut tidak memuaskan kerana tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.

3.4.2 Rumah Siap Tidak Diagihkan Sepenuhnya

Pengagihan rumah dibuat oleh Bahagian Perumahan Awam, PMINT selepas keputusan dibuat oleh Jawatankuasa Pemilihan yang dilantik oleh Kerajaan Negeri yang terdiri daripada Pegawai Kewangan Negeri sebagai pengurus dan tiga orang ahli lain iaitu Pengurus Besar PMINT, Pegawai Daerah dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) kawasan berkenaan. Pemohon yang telah mendapat tawaran memiliki rumah dikehendaki membayar wang pendahuluan sebanyak 10% daripada harga rumah yang berjumlah RM30,000 hingga RM45,000. Pembeli ditawarkan membeli rumah secara sewa beli selepas menduduki rumah berkenaan di antara tiga hingga lima tahun. Selepas tamat tempoh perjanjian selama 25 tahun dan pembeli didapati tidak mempunyai tunggakan sewa, rumah tersebut akan dipindah milik kepada pembeli. Pembiayaan pinjaman pembelian rumah ini disediakan oleh PMINT.

Semakan Audit terhadap rekod Bahagian Perumahan Awam, PMINT mendapati sehingga 31 Disember 2009, lima projek yang dibina di bawah RMKe-8 telah diagih sepenuhnya

manakala baki lima projek mempunyai 225 unit rumah yang masih belum diagihkan seperti di **Jadual 3.2**.

Jadual 3.2
Bilangan Rumah Yang Belum Diagih Sehingga 31 Disember 2009

Bil.	Nama Projek PAKR	Tarikh Siap Projek	Tarikh Sijil Layak Menduduki Bangunan	Bilangan Rumah	Bilangan Agihan Rumah	Bilangan Rumah Yang Belum Diagih	
						Unit	(%)
1.	Banggol Peradong, Kuala Terengganu	13.3.2007	13.3.2007	238	216	22	9.2
2.	Mengabang Lekor II, Kuala Terengganu	31.10.2006	23.6.2008	250	198	52	20.8
3.	Sungai Kerak, Marang	8.1.2007	8.1.2007	245	245	0	0
4.	Cerang Guling, Marang	28.12.2004	31.5.2006	239	239	0	0
5.	Anak Ikan, Besut	21.1.2005	16.10.2005	204	201	3	1.5
6.	Pengkalan Nyireh II, Besut	15.5.2005	7.12.2005	160	160	0	0
7.	Lak Lok, Besut	13.7.2004	15.9.2005	140	140	0	0
8.	Padang Setengge, Hulu Terengganu	3.4.2004	10.8.2005	200	66	134	67
9.	Pulau Serai, Dungun	14.2.2008	Sijil Belum Diperoleh	156	156	0	0
10.	Pasir Gajah, Kemaman	1.2.2007	13.3.2007	150	136	14	9.3
Jumlah				1,982	1,757	225	11.4

Sumber: Rekod Bahagian Perumahan Awam, PMINT

Semakan lanjut Audit mendapati perkara seperti berikut:

a) PAKR Padang Setengge, Hulu Terengganu

Projek ini melibatkan pembinaan sebanyak 200 unit rumah dengan nilai kontrak RM6.40 juta dan telah mendapat Sijil Layak Menduduki Bangunan pada 10 Ogos 2005 daripada Majlis Daerah Hulu Terengganu. Semakan Audit mendapati daripada 200 unit rumah tersebut yang siap dibina, hanya 98 unit telah ditawarkan kepada pembeli dengan harga RM30,000 seunit pada 6 Julai 2006. Seramai 66 daripada 98 pemohon telah menerima tawaran dan menduduki rumah tersebut mulai 16 April 2007, manakala 32 pemohon telah menolak tawaran tersebut. Sebanyak 134 unit rumah iaitu 67% masih belum ditawarkan kepada pemohon berbanding dengan 1,751 pemohon yang telah berdaftar untuk mendapatkan rumah di Daerah Hulu Terengganu bagi tahun 2006 hingga 2009. Unit rumah yang belum ditawarkan disebabkan kesukaran mendapat pengesahan kesahihan pemohon yang benar-benar layak ditawarkan rumah PAKR. Lawatan Audit pada 2 November 2009 dan 11 Mac 2010 mendapati **kebanyakan rumah yang masih belum diagihkan telah terbiar dan mengalami kerosakan** seperti di **Foto 3.5** hingga **Foto 3.12**.

Foto 3.5
Rumah Rosak Akibat Bumbung Bocor



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PAKR Padang Setengge, Hulu Terengganu
Tarikh: 2 November 2009

Foto 3.7
Keadaan Dinding Dan Lantai Rumah Berlumut Dan Kotor



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PAKR Padang Setengge, Hulu Terengganu
Tarikh: 2 November 2009

Foto 3.6
Cermin Tingkap Pecah




Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PAKR Padang Setengge, Hulu Terengganu
Tarikh: 2 November 2009

Foto 3.8
Atap Rumah Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PAKR Padang Setengge, Hulu Terengganu
Tarikh: 11 Mac 2010

Foto 3.9
Kerosakan Singki




Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PAKR Padang Setengge, Hulu Terengganu
Tarikh: 2 November 2009

Foto 3.10
Pendawaian Elektrik Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PAKR Padang Setengge, Hulu Terengganu
Tarikh: 2 November 2009

Foto 3.11
Kawasan Rumah Ditumbuhi
Pokok Dan Belukar



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PAKR Padang Setengge, Hulu Terengganu
Tarikh: 2 November 2009

Foto 3.12
Kawasan Rumah Ditumbuhi
Semak Samun



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PAKR Padang Setengge, Hulu Terengganu
Tarikh: 2 November 2009

b) PAKR Banggol Peradong, Kuala Terengganu

Projek ini melibatkan pembinaan sebanyak 238 unit rumah dengan nilai kontrak RM8.33 juta dan telah mendapat Sijil Layak Menduduki Bangunan pada 13 Mac 2007 daripada Majlis Bandaraya Kuala Terengganu. Semakan Audit mendapati seramai 235 pemohon telah ditawarkan rumah berkenaan dengan harga RM30,000 seunit pada 5 Mac 2006. Seramai 216 pemohon telah menerima tawaran dan menduduki rumah mulai 18 Mei 2006, manakala seramai 19 pemohon menolak tawaran tersebut. Ini bermakna sebanyak 22 unit rumah iaitu 9.2% masih belum diagihkan. Lawatan Audit ke projek PAKR tersebut pada 1 November 2009 mendapati rumah yang masih belum diagihkan telah terbiar dan ditumbuhi semak samun serta dijadikan stor menyimpan bahan binaan seperti di **Foto 3.13** dan **Foto 3.14**.

Foto 3.13
Persekutuan Rumah
Ditumbuhi Semak Samun



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PAKR Banggol Peradong, Kuala Terengganu
Tarikh: 1 November 2009

Foto 3.14
Rumah Dijadikan Stor
Menyimpan Bahan Binaan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PAKR Banggol Peradong, Kuala Terengganu
Tarikh: 1 November 2009

c) PAKR Mengabang Lekor II, Kuala Terengganu

Projek ini melibatkan pembinaan sebanyak 250 unit rumah dengan nilai kontrak RM8.22 juta dan telah mendapat Sijil Layak Menduduki Bangunan pada 23 Jun 2008 daripada Majlis Bandaraya Kuala Terengganu. Semakan Audit mendapati seramai 233 pemohon telah ditawarkan rumah berkenaan dengan harga RM30,000 seunit. Seramai 198 pemohon telah menerima tawaran dan menduduki rumah mulai Februari 2008, manakala seramai 35 pemohon menolak tawaran tersebut. Adalah didapati sebanyak 52 unit rumah iaitu 20.8% masih belum diagihkan.

Berdasarkan maklumat di atas, sebanyak 74 unit rumah iaitu 22 unit rumah di PAKR Banggol Peradong dan 52 unit rumah di PAKR Mengabang Lekor II masih belum diagihkan di Daerah Kuala Terengganu yang mempunyai 9,384 pemohon berdaftar dari tahun 2006 hingga 2009.

d) PAKR Pasir Gajah, Kemaman

Projek ini melibatkan pembinaan sebanyak 150 unit rumah dengan nilai kontrak RM4.66 juta dan telah mendapat Sijil Layak Menduduki Bangunan pada 13 Mac 2007 daripada Majlis Perbandaran Kemaman. Semakan Audit mendapati seramai 207 pemohon telah ditawarkan rumah berkenaan dengan harga RM30,000 seunit. Seramai 136 pemohon telah menerima tawaran dan menduduki rumah mulai Januari 2008, manakala seramai 71 pemohon menolak tawaran tersebut. Ini bermakna sebanyak 14 unit rumah iaitu 9.3% masih belum diagihkan. Lawatan Audit ke projek PAKR tersebut pada 9 Mac 2010 mendapati rumah yang masih belum diagihkan tersebut telah mengalami kerosakan seperti di **Foto 3.15** dan **Foto 3.16**.

Foto 3.15
Pintu Rumah Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PAKR Pasir Gajah, Kemaman
Tarikh: 9 Mac 2010

Foto 3.16
Cermin Tingkap Hilang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PAKR Pasir Gajah, Kemaman
Tarikh: 9 Mac 2010

e) PAKR Anak Ikan, Besut


Projek ini melibatkan pembinaan sebanyak 204 unit rumah dengan nilai kontrak RM6.84 juta dan telah mendapat Sijil Layak Menduduki Bangunan pada 16 Oktober 2005 daripada Majlis Daerah Besut. Semakan Audit mendapati seramai 232 pemohon telah ditawarkan rumah berkenaan dengan harga RM30,000 seunit. Seramai 201 pemohon telah menerima tawaran dan menduduki rumah mulai September 2006, manakala seramai 31 pemohon menolak tawaran tersebut. Ini bermakna sebanyak tiga unit rumah iaitu 1.5% masih belum diagihkan. Lawatan Audit ke projek PAKR tersebut pada 8 Mac 2010 mendapati bingkai tingkap rumah yang belum diagihkan telah dimakan anai-anai dan pintu rumah mengalami kerosakan seperti di **Foto 3.17** dan **Foto 3.18**.

Foto 3.17
Bingkai Tingkap Dimakan Anai-anai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PAKR Anak Ikan, Besut
Tarikh: 8 Mac 2010

Foto 3.18
Pintu Rumah Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PAKR Anak Ikan, Besut
Tarikh: 8 Mac 2010

Kegagalan mengagihkan rumah yang siap dibina menyebabkan ramai pemohon tidak berpeluang memiliki rumah PAKR. Selain itu, Kerajaan Negeri perlu menanggung kos

tambahan bagi menyenggara kawasan persekitaran rumah dan membaik pulih kerosakan sebelum ditawarkan semula kepada pemohon yang lain.

Berdasarkan maklum balas Pejabat SUK, pengurusan pengagihan rumah tidak memuaskan kerana kesukaran mendapat pengesahan kesahihan pemohon yang benar-benar layak untuk ditawarkan rumah PAKR terutamanya di PAKR Padang Setengge dan PAKR Banggol Peradong. Keutamaan pemberian rumah ini diberikan kepada penduduk yang tinggal di persekitaran PAKR berkenaan. Di samping itu, ada juga pemohon yang menolak tawaran rumah ini kerana tidak mampu membayar deposit sebanyak RM3,000 dan pemohon yang sudah berpindah ke tempat lain. Bagi PAKR Padang Setengge sebanyak 32 unit rumah telah pun ditawarkan pada April 2010.

Pada pendapat Audit, pengurusan pengagihan rumah tidak memuaskan kerana sebanyak 225 atau 11.4% unit rumah siap tidak diagihkan.

3.4.3 Tunggakan Sewa

PMINT telah diberi tanggungjawab menguruskan kutipan sewa bagi projek PAKR dan RKR yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri. Setiap penyewa dikenakan kadar sewa antara RM126 hingga RM135 sebulan bagi lima tahun pertama dan akan berubah setiap lima tahun sehingga tamat tempoh pinjaman selama 25 tahun. Semakan Audit terhadap rekod bayaran sewa di Bahagian Kewangan, PMINT bagi 24 projek perumahan yang dilaksanakan oleh Cawangan Pelaksanaan Dan Penyelenggaraan Projek Wilayah Timur mendapati kutipan sewa bagi tahun 2005 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 3.3**.

Jadual 3.3
Kutipan Sewa Bagi Tahun 2005 Hingga 2009

Kutipan Sewa	Tahun				
	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
Sepatut Diterima	18.48	22.25	26.87	31.72	38.09
Telah Diterima	16.46	19.70	23.72	28.24	34.17
Tunggakan pada 31 Disember	2.02	2.55	3.15	3.48	3.92

Sumber: Rekod Bahagian Kewangan, PMINT

Tunggakan sewa rumah sehingga akhir tahun 2009 adalah sejumlah RM3.92 juta iaitu meningkat sebanyak RM0.44 juta atau 12.6% berbanding RM3.48 juta pada tahun 2008. Bahagian Perumahan Awam, PMINT telah mengambil tindakan dengan mengeluarkan notis tuntutan tunggakan kepada penyewa terlibat tetapi masih gagal mendapatkan tunggakan tersebut. Kegagalan mengutip sewa bulanan dan tunggakan sewa adalah disebabkan kelemahan terhadap penguatkuasaan perjanjian dan pengawasan berkala yang tidak dijalankan terhadap penyewa. Selain itu, sikap tidak bertanggungjawab dan kesempitan hidup penyewa juga menjadi penyebab sewa dan tunggakan sewa tersebut gagal dikutip.

Analisis Audit terhadap senarai tunggakan sewa individu sehingga akhir tahun 2009 mendapati tunggakan sewa rumah yang tertinggi bagi 20 unit rumah di lima projek PAKR adalah seperti di **Jadual 3.4**.

Jadual 3.4
Tunggakan Sewa Yang Tinggi

Bil.	Projek PAKR	Bil. Rumah (Unit)	Tempoh Tunggakan (Bulan)	Jumlah (RM)
1.	Pasir Gajah, Kemaman	4	15 - 22	9,352
2.	Anak Ikan, Besut	4	13 - 35	12,712
3.	Nyior Tujuh, Besut	5	31 - 61	31,627
4.	Seberang Pintasan, Dungun	4	52 - 95	36,049
5.	Mengabang Lekor II, Kuala Terengganu	3	8 - 10	3,458
Jumlah		20		93,198

Sumber: Rekod Bayaran PAKR, Bahagian Perumahan Awam, PMINT

Berdasarkan maklum balas Pejabat SUK, PMINT telah mengambil langkah untuk memungut tunggakan seperti berikut:

- i) Kutipan dari rumah ke rumah setiap bulan melalui pegawai pungutan sewa.
- ii) Potongan gaji bagi golongan yang berpendapatan rendah.
- iii) Memberi kelonggaran bayaran bulanan tidak mengikut jumlah sebenar bagi golongan tidak mampu sementara keadaan ekonomi penghuni bertambah baik.
- iv) Tindakan penguatkuasaan yang berterusan melalui temu duga, perbincangan dan lawatan ke rumah sehingga mengambil tindakan undang-undang. Bagaimanapun, proses tindakan undang-undang melibatkan masa yang lama.

Pada pendapat Audit, tindakan mengutip sewa oleh pihak PMINT adalah tidak memuaskan kerana berlakunya tunggakan antara lapan hingga 95 bulan.

3.4.4 Rumah Disewakan Kepada Pihak Lain

Peraturan dan syarat-syarat PAKR ada menyatakan pemohon hendaklah sentiasa mendiami sendiri rumah yang diperuntukkan dan menjadikan rumah ini sebagai tempat kediaman sahaja dengan tidak menyewakannya atau membiarkan orang lain mendiaminya. Peraturan yang sama turut dimasukkan ke dalam Surat Akuan Berkanun yang ditandatangani semasa penyerahan rumah dan di dalam perjanjian sewa di antara PMINT dan pemilik. Berdasarkan temu bual dengan penduduk PAKR Anak Ikan Besut, PAKR Mengabang Lekor II Kuala Terengganu dan PAKR Padang Setengge Hulu Terengganu, sebanyak 29 unit rumah telah disewakan kepada pihak lain di tiga kawasan PAKR tersebut.

Berdasarkan maklum balas Pejabat SUK, PMINT telah mengambil tindakan bagi membuat siasatan yang lebih teliti bagi mengesahkan ketepatan maklumat. Langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi isu tersebut ialah:

- i) Memberi peringatan kepada penyewa PAKR agar mendiami sendiri rumah berkenaan.
- ii) Memberi tunjuk sebab mengapa rumah disewakan kepada pihak lain.
- iii) Menamatkan sewa.

Pada pendapat Audit, penguatkuasaan terhadap syarat perjanjian tidak memuaskan kerana penyewa PAKR masih menyewakan rumah kepada pihak lain.

3.4.5 Rumah Diubahsuai Tanpa Kebenaran

Peraturan dan syarat-syarat PAKR ada menyatakan sebarang pengubahsuaian/pindaan/tambahan sama ada di bahagian dalam atau luar rumah tersebut adalah tidak dibenarkan melainkan terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada PMINT. Peraturan yang sama turut dimasukkan ke dalam Surat Akuan Berkanun yang ditandatangani semasa penyerahan rumah dan di dalam perjanjian sewa di antara PMINT dan pemilik. Lawatan Audit pada 7 hingga 9 Mac 2010 bersama pegawai daripada PMINT ke PAKR Mengabang Lekor II, PAKR Anak Ikan dan PAKR Pasir Gajah mendapati pengubahsuaian rumah dibuat tanpa kebenaran PMINT seperti di **Foto 3.19** hingga **Foto 3.22**.

Foto 3.19

Rumah Diubahsuai Tanpa Kebenaran



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PAKR Mengabang Lekor II,
Kuala Terengganu
Tarikh: 7 Mac 2010

Foto 3.20



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PAKR Mengabang Lekor II,
Kuala Terengganu
Tarikh: 7 Mac 2010

Foto 3.21

Rumah Diubahsuai Tanpa Kebenaran



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PAKR Anak Ikan, Besut
Tarikh: 8 Mac 2010

Foto 3.22



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PAKR Anak Ikan, Besut
Tarikh: 8 Mac 2010

Berdasarkan maklum balas Pejabat SUK, PMINT telah mengambil langkah seperti berikut:

- i) Memberi notis merobohkan tambahan yang dibuat. Bagaimanapun, PMINT tidak mempunyai kuasa untuk merobohkan tambahan berkenaan. Pihak Berkuasa Tempatan adalah agensi yang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap rumah yang diubahsuai tanpa kebenaran.
- ii) Mengambil tindakan undang-undang.

Pada pendapat Audit, penguatkuasaan terhadap syarat perjanjian tidak memuaskan kerana tindakan tidak diambil terhadap pemilik yang mengubahsuai rumah tanpa kebenaran bertulis daripada PMINT.

3.4.6 Kelemahan Pengurusan Pendaftaran Terbuka

Pemohon hendaklah mengisi borang permohonan dan menghantar borang tersebut ke Pejabat Daerah atau Pejabat SUK untuk proses pendaftaran ke dalam Sistem Pendaftaran Terbuka. Borang yang diterima hendaklah didaftar ke dalam sistem dalam masa tujuh hari bekerja. Sistem Pendaftaran Terbuka telah dibangunkan oleh Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan dan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri mulai April 2006 bertujuan bagi membolehkan bakal pembeli membuat permohonan membeli rumah di bawah program PAKR dan RKR. Sehingga November 2009, sebanyak 28,055 permohonan telah didaftarkan di dalam sistem tersebut. Daripada jumlah tersebut seramai 22,071 pemohon telah dipanggil untuk ditemu duga dan 16,913 pemohon telah berjaya memiliki rumah berkenaan. Maklumat permohonan PAKR dan RKR adalah seperti di **Jadual 3.5**.

Jadual 3.5
Permohonan PAKR Dan RKR Bagi Tahun 2006 Hingga 2009

Tahun	Permohonan	Pemohon Telah Ditemu Duga	Pemohon Berjaya	Peratus (%)
2006	17,285	12,250	8,205	67.0
2007	3,985	3,525	3,042	86.3
2008	3,115	2,841	2,522	88.8
2009	3,670	3,455	3,144	91.0
Jumlah	28,055	22,071	16,913	76.6

Sumber: Rekod Pejabat Setiausaha Kerajaan (Perumahan)

Semakan Audit mendapati beberapa kelemahan pengurusan pendaftaran terbuka adalah seperti berikut:

a) Status Permohonan Tidak Dimaklumkan Kepada Pemohon

Setiap permohonan yang diterima akan didaftarkan ke dalam sistem dalam tempoh tujuh hari bekerja dari tarikh borang diterima. Bagaimanapun, pihak Audit dimaklumkan oleh Bahagian Perumahan, SUK bahawa pemohon tidak dimaklumkan tentang status permohonan mereka kerana Pejabat SUK tidak mengambil kira kepentingan memberi maklum balas kepada pemohon. Ini menyebabkan pemohon tidak mengetahui status pendaftaran sehingga mereka dipanggil untuk ditemu duga.

b) Penggunaan Pengenalan Pengguna (ID) Dan Kata Laluan Yang Sama

Borang permohonan yang dihantar kepada Pejabat SUK akan dimasukkan ke dalam Sistem Pendaftaran Terbuka oleh seorang Pembantu Tadbir yang diberikan tanggungjawab untuk memasukkan data ke dalam sistem dengan menggunakan pengenalan pengguna (ID) dan kata laluan yang perlu dirahsiakan. Semakan Audit mendapati ID dan kata laluan Pembantu Tadbir ini telah digunakan juga oleh penjawat awam lain yang membantu memasukkan data pemohon ke dalam sistem tersebut. Ini boleh mengakibatkan sistem tersebut dicerobohi oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

c) Pegawai Penyelia Tidak Membuat Pengesahan Kemasukan Data

Pegawai penyelia perlu membuat semakan terhadap kemasukan data ke dalam sistem yang dilakukan oleh kakitangan yang berkenaan. Semakan Audit mendapati kemasukan data pemohon tidak disemak oleh pegawai penyelia yang bertanggungjawab. Perkara ini mengakibatkan maklumat pemohon yang direkodkan ke dalam sistem tidak dapat ditentukan ketepatannya.

Berdasarkan maklum balas Pejabat SUK, tindakan telah diambil dengan memaklumkan kepada pemohon dengan menghantar surat yang dicetak melalui sistem. Manakala bagi penggunaan ID dan kata laluan, ianya akan ditukarkan setiap tiga bulan dan kemasukan data akan disahkan oleh pegawai yang bertanggungjawab.

Pada pendapat Audit pengurusan pendaftaran terbuka tidak memuaskan kerana pemohon tidak diberi maklum balas tentang status permohonan mereka. Selain itu, kata laluan tidak dirahsiakan dan ketepatan kemasukan data juga tidak disahkan oleh pegawai penyelia.

3.4.7 Kajian Kepuasan Penyewa

Bagi menilai kepuasan penyewa terhadap pengurusan PAKR sebanyak 100 borang soal selidik telah diedarkan kepada penyewa PAKR Mengabang Lekor II, PAKR Anak Ikan, PAKR Padang Setengge dan PAKR Pasir Gajah. Soal selidik tersebut meliputi penilaian terhadap keadaan rumah yang dibina, lokasi PAKR, kemudahan infrastruktur dan kaedah pembayaran sewa. Kesemua soal selidik telah dikembalikan kepada pihak Audit. Analisis Audit terhadap soal selidik mendapati 67% berpendapat tahap pengurusan PAKR adalah memuaskan dan 33% tidak memuaskan.

3.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, program Perumahan Awam Kos Rendah ini telah memberi peluang kepada rakyat berpendapatan rendah untuk memiliki rumah sendiri selaras dengan Program Transformasi Kerajaan iaitu untuk meningkatkan hak milik rumah dengan menawarkan rumah kos rendah untuk disewa dan dijual. Bagaimanapun, pelaksanaan program ini kurang memuaskan kerana rumah tidak dapat disiapkan mengikut jadual, rumah siap tidak diagihkan sepenuhnya kepada pemohon, rumah telah diubah suai tanpa

kebenaran bertulis daripada PMINT dan peningkatan tunggakan sewa rumah. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan projek yang lain, pihak Audit mengesyorkan beberapa perkara seperti berikut:

- a) Kerajaan Negeri hendaklah menyediakan kajian kemungkinan merangkumi analisis terhadap semua aspek seperti kajian tanah, analisis pasaran/permintaan, analisis teknikal dan analisis kewangan dengan mengambil kira keperluan masa hadapan program Perumahan Awam Kos Rendah kepada rakyat.
- b) Kerajaan Negeri hendaklah memastikan pemberian milik tapak kepada kontraktor dibuat selepas mengambil kira perkara berkaitan seperti kelulusan pelan bangunan telah diperoleh oleh kontraktor.
- c) Kerajaan Negeri hendaklah memastikan proses pemilihan pemohon sehingga penyerahan rumah kepada pembeli dilaksanakan dengan teratur dan segera.
- d) Bahagian Perumahan, SUK hendaklah memastikan pendaftaran pemohon dalam sistem perlu disemak oleh pegawai penyelia dan penggunaan ID dan kata laluan dihadkan kepada penjawat awam tertentu sahaja bagi mengelakkan kesilapan kemasukan data dan meningkatkan integriti data.
- e) PMINT hendaklah menguatkuasakan syarat perjanjian sewa beli rumah bagi menjamin kepentingan Kerajaan.

JABATAN PERTANIAN NEGERI TERENGGANU

4. PENGURUSAN PROJEK FERTIGASI MEGA NEGERI TERENGGANU

4.1 LATAR BELAKANG

4.1.1 Projek Fertigasi Mega Negeri Terengganu (Projek Fertigasi) adalah satu projek pertanian yang dikelolakan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu (SUK) dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) di mana merupakan sebahagian daripada Rancangan Pembangunan Negeri Terengganu (RPNT). Perkataan fertigasi berasal daripada perkataan *fertilization* dan *irrigation*. Projek ini mengimplementasikan proses pembajaan dan pengairan pertanian moden yang diberikan secara serentak kepada tanaman.

4.1.2 Tujuan utama Projek Fertigasi adalah untuk meningkatkan pendapatan bersih petani sekurang-kurangnya RM1,500 sebulan bagi setiap peserta dan unjuran sebanyak 3,507 tan metrik buah-buahan dan sayuran dengan nilai RM10.50 juta pada setiap tahun. Peserta projek ini boleh dibahagikan kepada dua kategori penempatan iaitu individu dan berkelompok. Individu bermakna peserta berkenaan akan mengendalikan Projek Fertigasi di kawasan sendiri dengan struktur fertigasi disediakan oleh Jabatan Pertanian Negeri Terengganu (JPNT). Manakala berkelompok pula terdiri daripada beberapa peserta yang menjalankan Projek Fertigasi dalam satu kawasan pertanian. Keutamaan diberikan kepada graduan menganggur, petani miskin dan usahawan tani.

4.1.3 Bagi tahun 2006 hingga 2009, peruntukan kewangan dan perbelanjaan bagi Projek Fertigasi adalah seperti di **Jadual 4.1**.

Jadual 4.1
Peruntukan Dan Perbelanjaan Projek Fertigasi
Bagi Tahun 2006 Hingga 2009

Tahun	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Peratus Perbelanjaan (%)
2006	20	18.40	92.0
2007	7	5.61	80.1
2008	4	1.05	26.3
2009	1	0.68	68.0
Jumlah	32	25.74	80.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu

4.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada Projek Fertigasi diuruskan dengan teratur dan berkesan serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

4.3 SKOP DAN KAEADAH PENG AUDITAN

Skop peng auditan meliputi pengurusan Projek Fertigasi bagi tahun 2006 hingga 2009. Peng auditan dijalankan di Pejabat SUK, UPEN, Terengganu Agrotech Development Corp Sdn. Bhd. (TADC), Yayasan Pembangunan Usahawan (YPU), JPNT dan lima Pejabat Pertanian Daerah iaitu Hulu Terengganu, Besut, Setiu, Marang dan Kuala Terengganu. Kaedah peng auditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen berkaitan. Selain itu, lawatan ke lokasi projek dan temu bual dengan pegawai terlibat turut diadakan. Soal selidik juga diedarkan kepada peserta bagi mendapatkan maklum balas.

4.4 PENEMUAN AUDIT

Peng auditan yang dijalankan antara November 2009 hingga Mac 2010 mendapati pada umumnya Projek Fertigasi telah meningkatkan pendapatan sebahagian kecil peserta yang mempunyai minat dan kesungguhan mengusahakannya. Bagaimanapun, terdapat kelemahan dari segi pelaksanaan Projek Fertigasi. Antara kelemahan tersebut ialah dokumen perjanjian antara peserta dan Agensi pelaksana tidak disediakan, jumlah peserta masih belum mencapai sasaran, pemilihan peserta yang kurang berminat serta tidak mempunyai komitmen yang tinggi dan kegagalan projek penanaman strawberi. Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang diperhatikan adalah seperti di perenggan berikut:

4.4.1 Prestasi Projek Fertigasi Belum Mencapai Sasaran Yang Ditetapkan

Menurut Kertas Konsep, dengan terlaksananya Projek Fertigasi akan memberi tambahan pendapatan bersih kepada peserta antara RM1,500 hingga RM1,800 sebulan, selain itu dianggarkan unjuran sebanyak 3,507 tan metrik buah-buahan dan sayuran dengan nilai RM10.50 juta dijangka mampu dijana setiap tahun.


Analisis Audit terhadap pendapatan bersih peserta sebulan bagi tahun 2009 di semua daerah Negeri Terengganu mendapati seramai 41 daripada 251 peserta atau 16.3% telah memperoleh pendapatan melebihi RM1,500 sebulan seperti di **Jadual 4.2**. Manakala **Foto 4.1** dan **Foto 4.2** menunjukkan Projek Fertigasi yang diusahakan oleh peserta.

Jadual 4.2
Bilangan Peserta Yang Berjaya Mencapai Sasaran Pendapatan Bersih Melebihi RM1,500 Sebulan Bagi Tahun Berakhir 2009

Bil.	Daerah	Jumlah Peserta Sebenar	Peserta Memperoleh Pendapatan Bersih Melebihi RM1,500 Sebulan
1.	Kuala Terengganu	31	8
2.	Besut	79	17
3.	Dungun	25	5
4.	Hulu Terengganu	21	3
5.	Setiu	49	0
6.	Marang	31	1
7.	Kemaman	15	7
Jumlah		251	41

Sumber: Laporan Kemajuan Projek Fertigasi Negeri Terengganu Dan Ladang Kontrak Fertigasi

Foto 4.1
Projek Fertigasi Rock Melon
Yang Berjaya Diusahakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Pengkalan Maras,
Kuala Terengganu
Tarikh: 9 Mac 2010

Foto 4.2
Buah Rock Melon Yang Telah Matang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Pengkalan Maras,
Kuala Terengganu
Tarikh: 9 Mac 2010

Semakan Audit terhadap rekod Laporan Projek Fertigasi Tahun 2009 mendapati kuantiti dan nilai pengeluaran hasil oleh peserta bagi tahun 2007 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 4.3**.

Jadual 4.3
Laporan Pengeluaran Hasil Projek Fertigasi
Bagi Tahun 2007 Hingga 2009

Bil.	Daerah	Kuantiti Pengeluaran (Tan Metrik)			Nilai Pengeluaran (RM)		
		2007	2008	2009	2007	2008	2009
1.	Kuala Terengganu	21.49	79.00	135.15	67,467	250,000	445,741
2.	Besut	37.94	242.56	261.76	123,417	587,325	756,458
3.	Dungun	12.62	50.38	78.34	49,230	104,846	250,915
4.	Hulu Terengganu	7.50	91.94	76.25	30,000	305,403	236,966
5.	Setiu	31.63	32.66	40.08	96,404	98,000	158,415
6.	Marang	4.27	54.20	43.13	15,800	123,945	136,056
7.	Kemaman	5.60	3.50	24.40	22,404	12,115	76,300
Jumlah		121.05	554.24	659.11	404,722	1,481,634	2,060,851

Sumber: Laporan Kemajuan Projek Fertigasi Negeri Terengganu Dan Ladang Kontrak Fertigasi

Berdasarkan **Jadual 4.3** di atas, kuantiti dan nilai pengeluaran hasil Projek Fertigasi untuk tiga tahun pertama pelaksanaan **tidak mencapai sasaran yang ditetapkan**. Pada tahun 2008, kuantiti pengeluaran mencapai 554 tan metrik bernilai RM1.48 juta manakala tahun 2009 meningkat kepada 659 tan metrik bernilai RM2.06 juta. Antara sebab peratus kejayaan peserta masih kecil adalah kerana peserta tidak memberi komitmen yang sepenuhnya, kekurangan modal pusingan, masalah penggredan hasil, bencana alam dan penempatan tapak projek peserta yang sukar dipantau.

Berdasarkan maklum balas, JPNT telah pun mengambil tindakan seperti mengadakan kursus, latihan hands-on dan lawatan ke projek yang telah berjaya sebagai pendedahan kepada peserta. Selain itu, JPNT juga telah menetapkan kriteria utama bagi pemilihan setiap

peserta di masa akan datang mestilah mempunyai minat yang tinggi dan modal yang mencukupi.

Pada pendapat Audit, objektif Projek Fertigasi belum mencapai sasaran sepenuhnya kerana hanya 41 daripada 251 peserta atau 16.3% sahaja yang berjaya mencapai sasaran pendapatan yang ditetapkan manakala dari segi pengeluaran hasil masih belum mencapai sasaran yang ditetapkan.

4.4.2 Jumlah Peserta Masih Belum Mencapai Sasaran

Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Pertanian pada 24 Julai 2006 telah memilih seramai 274 peserta seperti yang dipersetujui di dalam Kertas Konsep. Semakan Audit mendapati JPNT memohon untuk membina 269 struktur fertigasi. Bagaimanapun, hanya 251 struktur fertigasi telah dibina dan diberikan kepada 251 peserta bagi mengusahakannya. Sehingga tarikh pengauditan pada Februari 2010, seramai 198 peserta atau 78.9% masih aktif menjalankan Projek Fertigasi manakala 53 peserta atau 21.1% tidak mengusahakan projek ini seperti di **Jadual 4.4**.

Jadual 4.4
Peserta Projek Fertigasi Mengikut Daerah

Bil.	Daerah	Bilangan Peserta			
		Jumlah	Aktif	Tidak Aktif	Peratus Tidak Aktif (%)
1.	Kuala Terengganu	31	23	8	25.8
2.	Marang	31	22	9	29.0
3.	Hulu Terengganu	21	17	4	19.0
4.	Besut	79	69	10	12.6
5.	Setiu	49	40	9	18.4
6.	Dungun	25	15	10	40.0
7.	Kemaman	15	12	3	20.0
Jumlah		251	198	53	21.1

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Terengganu


Berdasarkan lawatan Audit ke 12 lokasi Projek Fertigasi di Daerah Marang yang diusahakan oleh peserta individu di tanah persendirian menunjukkan empat daripadanya tidak mengusahakan projek tersebut mengikut pusingan yang ditetapkan antara tiga atau empat pusingan setahun seperti di **Foto 4.3** dan **Foto 4.4**.

Foto 4.3
Struktur Fertigasi Dijadikan Ampaihan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Wakaf Dua, Marang
Tarikh: 20 Januari 2010

Foto 4.4
Struktur Fertigasi Telah Terbiar



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Pak Madah, Marang
Tarikh: 20 Januari 2010

Jumlah peserta tidak mencapai sasaran disebabkan oleh beberapa faktor antaranya kontraktor yang dilantik untuk membina struktur telah menarik diri kerana kesuntukan masa dan kenaikan kos barang terutama besi, terdapat peserta yang menarik diri kerana kurang komitmen, peserta menjalankan pekerjaan lain seperti kontraktor pembinaan, mengusahakan ternakan ikan dan lain-lain. Kesannya, jumlah peserta masih belum mencapai sasaran seperti mana Kertas Konsep.

Pada pendapat Audit, jumlah peserta yang mengusahakan Projek Fertigasi kurang memuaskan kerana jumlah peserta masih belum mencapai sasaran.

4.4.3 Pemindahan Struktur Projek Fertigasi Yang Ditarik Balik

a) Kos Tambahan Pemindahan Struktur Yang Ditarik Balik Daripada Peserta Individu Yang Gagal Mengusahakan Projek

Menurut syarat penyertaan setiap peserta perlu sentiasa mematuhi arahan JPNT sepanjang tempoh mengusahakan Projek Fertigasi antaranya tanaman perlu diusahakan antara tiga atau empat pusingan setahun. JPNT boleh mengambil tindakan terhadap peserta yang gagal mengusahakan tanaman dengan menarik balik struktur fertigasi dan diberikan kepada peserta yang lebih berminat. Semakan Audit mendapati pada tahun 2009, JPNT telah menarik balik 13 struktur fertigasi peserta individu yang gagal mengusahakan Projek Fertigasi dan dipindahkan ke beberapa lokasi berkelompok. Kos kerja perobohan dan pemindahan struktur fertigasi tersebut berjumlah RM189,140 yang melibatkan 13 daripada 53 peserta yang gagal mengusahakan Projek Fertigasi di lima daerah iaitu Daerah Marang, Dungun, Kemaman, Kuala Terengganu dan Setiu. Pemindahan struktur fertigasi bukan sahaja melibatkan kos perobohan dan pembinaan semula tetapi juga melibatkan kos input tambahan seperti benih, polibeg, media (cocopeat) dan baja berjumlah RM69,030 kepada 13 peserta baru.

Berdasarkan maklum balas, JPNT amat yakin pemindahan struktur fertigasi individu kepada kelompok dapat mengatasi masalah kegagalan peserta mengusahakan projek untuk jangka masa panjang. JPNT berpendapat pemantauan dan penguatkuasaan yang lebih tersusun dapat dijalankan walaupun melibatkan kos tambahan pemindahan struktur.

Pada pendapat Audit, kriteria pemilihan peserta boleh dipertingkatkan bagi mengatasi masalah peserta yang tidak memberi komitmen sepenuhnya terhadap Projek Fertigasi yang menyebabkan kos tambahan kepada JPNT.

b) Pemasangan Semula Struktur Fertigasi Tidak Mengikut Spesifikasi

Mengikut spesifikasi struktur fertigasi yang disediakan oleh JPNT perlu berukuran 10 kaki tinggi dan galang besi dipasang dengan ketinggian lapan kaki serta berselang satu. Lawatan Audit pada 20 Januari 2010 di Pusat Projek Khas Pertanian Alur Ketitir, Marang mendapati enam struktur fertigasi telah siap dipasang. Bagaimanapun, spesifikasi pemasangan struktur fertigasi tersebut tidak seragam di mana besi galang dipasang selang tiga atau selang dua dengan ketinggian kurang daripada lima kaki. Pihak Audit mendapati ketinggian dan galang yang dipasang tidak mengikut spesifikasi seperti di **Foto 4.5** dan **Foto 4.6**. Pihak Audit dimaklumkan oleh Pengurus Projek Khas bahawa mereka tidak dibekalkan dengan pelan spesifikasi untuk pemasangan struktur fertigasi berkenaan. Pemasangan yang tidak mengikut spesifikasi ini akan menyebabkan kesukaran kepada peserta untuk menguruskan tanaman dan ketidakupayaan untuk menampung berat buah yang matang.

Foto 4.5

Keadaan Pemasangan Galang Selang Tiga



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Pusat Projek Khas Pertanian Alur Ketitir,
Marang

Tarikh: 20 Januari 2010

Foto 4.6

Ketinggian Kurang Daripada Lima Kaki



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Pusat Projek Khas Pertanian Alur Ketitir,
Marang

Tarikh: 20 Januari 2010

Berdasarkan maklum balas JPNT, pada peringkat awal tumpuan diberikan terhadap penyiapan pembinaan struktur tanpa mengambil kira ketinggian. Bagaimanapun, pelarasian ketinggian akan dijalankan selari dengan proses penyiapan keseluruhan Projek Fertigasi berkenaan.

Pada pendapat Audit pemasangan semula struktur fertigasi tidak memuaskan kerana tidak dibuat mengikut spesifikasi.

4.4.4 Pengusaha Mengusahakan Lebih Daripada Satu Struktur Fertigasi Tanpa Kebenaran Bertulis Daripada JPNT

Menurut Kertas Konsep, setiap peserta diberi satu struktur fertigasi yang melibatkan kos RM49,554 meliputi pembinaan struktur pelindung hujan bersaiz 2.4m x 18.75m sebanyak 20 unit yang boleh memuatkan 2,000 polibeg dan dilengkapi dengan sistem pengairan secara automatik serta bangsal nutrien seperti di **Foto 4.7** dan **Foto 4.8**. Sekiranya peserta hendak mengusahakan lebih daripada satu struktur fertigasi, mereka perlu mendapatkan kelulusan bertulis daripada JPNT.

Lawatan Audit dan temu bual dengan peserta Projek Fertigasi di Daerah Besut pada 6 Disember 2009 mendapati lima peserta mengusahakan lebih daripada satu struktur fertigasi tanpa kebenaran bertulis daripada JPNT. Perkara ini berlaku disebabkan peserta asal tidak mengusahakannya kerana masalah modal untuk membeli baja dan benih bagi mengusahakan fertigasi pusingan kedua.

Foto 4.7
Struktur Pelindung Hujan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Gong Medang, Besut
Tarikh: 6 Disember 2009

Foto 4.8
Bangsal Nutrien



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Gong Medang, Besut
Tarikh: 6 Disember 2009

Berdasarkan maklum balas, JPNT akan mengeluarkan surat tawaran rasmi kepada peserta yang diberi lebih daripada satu unit struktur serta mempunyai komitmen tinggi dan mampu mengusahakan projek. Pemberian lebih daripada satu unit struktur ini juga merupakan insentif bagi menggalakkan kejayaan peserta lain.

Pada pendapat Audit, pematuhan terhadap syarat Kertas Konsep tidak memuaskan kerana terdapat peserta yang mengusahakan lebih daripada satu struktur fertigasi tanpa kebenaran bertulis daripada JPNT.

4.4.5 Dokumen Perjanjian Tidak Disediakan

a) Kos Pembiayaan Balik Tidak Dapat Dikutip Kerana Tiada Dokumen Perjanjian

Kertas Konsep menghendaki satu perjanjian perlu diadakan antara peserta dengan Agensi pelaksana. Antara syarat yang perlu dimasukkan dalam perjanjian tersebut ialah peserta perlu membayar kos pembiayaan balik sebanyak 50% daripada kos struktur fertigasi melalui potongan hasil jualan. Semakan dokumen dan temu bual dengan pegawai mendapati tiada dokumen perjanjian dibuat antara peserta dengan Agensi pelaksana. Tanpa perjanjian yang ditandatangani di antara kedua pihak telah menyebabkan kos pembiayaan balik sebanyak 50% daripada kos struktur fertigasi bernilai RM6.27 juta tidak dapat dikuatkuasakan.

Berdasarkan maklum balas JPNT, kutipan terhadap kos pembiayaan balik tidak dapat dijalankan kerana peserta masih belum boleh berdikari disebabkan hasil pengeluaran masih rendah. JPNT sedang mendapat khidmat nasihat daripada Penasihat Undang-Undang Negeri bagi memperkemaskan dokumen perjanjian antara peserta dengan Agensi pelaksana.

b) Bayaran Pendahuluan Sewa RM1,000 Tidak Dijelaskan Oleh Peserta Projek

Syarat penyertaan menghendaki peserta membayar pendahuluan sewa sejumlah RM1,000 sebelum memasuki projek sebagai sewaan tahun pertama. Bayaran hendaklah dibuat kepada Pengarah Pertanian Negeri Terengganu. Hasil temu bual dengan Pegawai Pertanian dan peserta mendapati tidak ada bayaran pendahuluan dikutip kerana syarat tersebut tidak dikuatkuasakan. Kesannya Kerajaan tidak dapat mengutip hasil yang dianggarkan berjumlah RM251,000.

Berdasarkan maklum balas JPNT, bayaran pendahuluan ini merupakan syarat bagi peserta fertigasi biasa dan bukan Projek Fertigasi Mega. Tindakan memperkemaskan perjanjian akan diambil mulai tahun 2010 dan perkara ini juga akan dibincangkan dalam Jawatankuasa Pembangunan Pertanian.

Pada pendapat Audit, JPNT tidak mengutip kos pembiayaan balik sebanyak 50% daripada kos struktur fertigasi kerana dokumen perjanjian antara peserta dengan Agensi pelaksana tidak disediakan. Keadaan ini boleh diperkemas dengan mengambil kira cadangan Penasihat Undang-Undang Negeri bagi menilai semula dokumen perjanjian dan mempertimbangkan syarat bayaran pendahuluan oleh peserta supaya jumlah sasaran peserta yang ditetapkan dapat dicapai.

4.4.6 Kepuasan Peserta/Pelanggan

Sebanyak 49 atau 70% daripada 70 borang soal selidik yang diedarkan kepada peserta fertigasi telah dikembalikan.

a) Berdasarkan maklum balas yang diterima, 12 peserta daripada 49 atau 24.5% memperoleh pendapatan antara RM1,000 hingga RM2,000 sebulan.

- b) Analisis juga menunjukkan seramai 14 peserta atau 28.6% berpuas hati dengan projek fertigasi, 22 peserta atau 44.9% tidak berpuas hati dan bakinya 13 peserta atau 26.5% tidak memberi komen. Antara cadangan-cadangan positif yang diberikan oleh peserta ialah:
 - i) Menambah jumlah struktur fertigasi dengan model teknologi terkini agar dapat meningkatkan jumlah dan kualiti hasil.
 - ii) Pemantauan dan perhatian berterusan daripada pelbagai Agensi Kerajaan.
 - iii) Pengurusan asas fertigasi perlu diperkemas dengan lokasi yang sesuai, sistem saliran yang berkualiti dan formulasi baja yang sesuai.
- c) Seramai 30 peserta atau 61.2% telah menyertai latihan sebanyak sekali setahun manakala enam peserta atau 12.2% dua hingga tiga kali setahun dan 13 peserta atau 26.5% melebihi tiga kali setahun.
- d) Seramai 39 peserta atau 79.6% menjual hasil tanaman kepada TADC, dua atau 4.1% kepada FAMA dan lapan atau 16.3% menjual secara runcit. Daripada 39 peserta tersebut, 18 peserta atau 46.2% menandatangani kontrak perjanjian pemasaran dengan TADC dan bakinya 21 peserta atau 53.8% tidak menandatangani kontrak tersebut. Antara sebab peserta tidak menandatangani kontrak tersebut kerana peserta ingin memasarkan hasil mereka kepada Agensi lain dan menanam tanaman selain daripada tanaman *rock melon*. Selain itu, TADC juga menetapkan gred piawai yang terlalu tinggi (kemanisan *brix* 12 dan berat 1.2 kilogram ke atas bagi setiap biji *rock melon*).

Pada pendapat Audit, Projek Fertigasi memberi kepuasan kepada sebilangan kecil peserta.

4.4.7 Kegagalan Projek Penanaman Strawberi Secara Fertigasi Di Bukit Guntung, Kuala Terengganu

Pembinaan Sistem Asas ‘Rumah Hijau’ untuk projek pilot tanaman buah-buahan dan sayuran terpilih oleh YPU bertujuan untuk memberi pendedahan kepada usahawan tani dan meningkatkan motivasi diri, pengetahuan dan kemahiran dalam bidang pertanian moden. Empat jenis tanaman dirancang iaitu *rock melon*, timun jepun, sayuran hijau dan strawberi.

Semakan Audit mendapati sejumlah RM118,000 telah dibelanjakan untuk membekal peralatan elektronik dan 2,400 anak pokok strawberi. Lawatan Audit pada 22 Februari 2010 ke Bukit Guntung, Kuala Terengganu mendapati projek penanaman strawberi tidak lagi diusahakan kerana peserta terpaksa menanggung kos penyenggaraan yang tinggi. **Foto 4.9** dan **Foto 4.10** menunjukkan perbandingan projek penanaman strawberi pada tahun 2007 dan Februari 2010.

Foto 4.9
Tanaman Strawberi Pada Tahun 2007



Sumber: Yayasan Pembangunan Usahawan
Lokasi: Bukit Guntung, Kuala Terengganu
Tarikh: 15 Mac 2007

Foto 4.10
Keadaan Tapak Strawberi Pada Februari 2010



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bukit Guntung, Kuala Terengganu
Tarikh: 22 Februari 2010

Menurut Laporan Penolong Pengurus Infra Industri Kecil Dan Sederhana (IKS) yang dibuat pada April 2007, projek tanaman strawberi tidak sesuai ditanam di kawasan ini kerana keadaan cuaca yang panas pada tahap 27°C - 30°C yang mana ianya melebihi paras suhu maksimum yang sesuai untuk tanaman strawberi iaitu 22°C. Tambahan pula keadaan suhu yang panas akan menyebabkan tanaman strawberi tidak subur, daun menjadi kecil, tunas pokok tumbuh sedikit serta bunga dan buah tidak tahan lama menyebabkan ianya kering dan mati.

Berdasarkan maklum balas YPU, projek pilot penanaman strawberi secara fertigasi telah dihentikan pada Ogos 2007 kerana pengusaha terpaksa menanggung kos penyenggaraan yang tinggi dan tanaman strawberi tidak sesuai ditanam di kawasan tanah rendah yang melebihi suhu maksimum iaitu 22°C.

Pada pendapat Audit, projek ini gagal dan salah perancangan kerana tanaman strawberi tidak sesuai ditanam di kawasan tanah rendah kerana suhunya yang tinggi dan matlamat asal bagi memberi pendedahan kepada usahawan tani serta meningkatkan motivasi diri, pengetahuan dan kemahiran dalam bidang pertanian moden tidak tercapai.

4.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, Projek Fertigasi telah berjaya meningkatkan pendapatan sebahagian kecil peserta yang mempunyai minat dan kesungguhan mengusahakannya. Ini bersesuaian dengan Program Transformasi Kerajaan untuk membina potensi pendapatan dan mengurangkan kemiskinan peserta. Bagaimanapun, Kerajaan Negeri perlu mengambil tindakan yang proaktif bagi memperbaiki kelemahan seperti dokumen perjanjian antara peserta dan Agensi pelaksana tidak disediakan, jumlah peserta masih belum mencapai

sasaran dan pemilihan peserta yang kurang berminat serta tidak mempunyai komitmen yang tinggi dan kegagalan projek penanaman strawberi secara fertigasi. Pertimbangan perlu diberikan terhadap beberapa perkara berikut:

- a) UPEN perlu mengkaji semula Kertas Konsep Projek mengenai syarat-syarat perjanjian terutamanya bayaran pendahuluan, tempoh dan amaun bayaran balik.
- b) JPNT perlu memilih peserta yang mempunyai minat, komitmen dan mencapai sasaran ditetapkan.
- c) JPNT perlu memastikan pembinaan struktur fertigasi mengikut spesifikasi yang ditetapkan.
- d) JPNT perlu mengkaji jenis tanaman yang sesuai dengan lokasi dan cuaca.
- e) JPNT perlu meningkatkan pemantauan terhadap kemajuan pelaksanaan projek yang diusahakan di tanah persendirian di mana lokasinya terletak berjauhan dan memberi bimbingan secara berterusan.

PEJABAT TANAH DAN DAERAH KUALA TERENGGANU, HULU TERENGGANU DAN KEMAMAN

5. PENGURUSAN AKTIVITI PENGAMBILAN PASIR SERTA KESANNYA TERHADAP ALAM SEKITAR

5.1 LATAR BELAKANG

5.1.1 Pasir adalah butiran batu berdiameter daripada 0.0625 mm kepada 2 mm dan berwarna putih cerah. Terdapat beberapa jenis pasir iaitu pasir sungai, pasir lombong, pasir laut dan pasir gurun. Pasir merupakan salah satu bahan utama dalam industri pembinaan terutamanya yang melibatkan binaan konkrit dan jalan raya. Selain itu, pasir juga digunakan untuk kerja-kerja tebus guna tanah. Sumber bekalan pasir yang paling banyak dan mudah di negara ini ialah dari dasar sungai. Kaedah yang digunakan bagi pengambilan pasir iaitu secara manual dan jentera seperti penggunaan pontun, jengkaut jenis *dragline* atau hidraulik dan kapal korek.

5.1.2 Semua permohonan aktiviti pengambilan pasir diuruskan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan kuasa meluluskan permohonan dibuat oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN). Bagi tempoh 2007 hingga 2009, sebanyak 87 lesen telah dikeluarkan bagi Daerah Kuala Terengganu, Hulu Terengganu dan Kemaman dengan jumlah pengeluaran pasir sebanyak 3,230,299 meter padu dan royalti yang diterima berjumlah RM3.42 juta.

5.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada aktiviti pengambilan pasir memberi kesan terhadap alam sekitar.

5.3 SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan adalah tertumpu kepada pengurusan aktiviti pengambilan pasir bagi tahun 2007 hingga 2009 di Pejabat Tanah Kuala Terengganu (PTKT), Pejabat Tanah Hulu Terengganu (PTHT) dan Pejabat Tanah Kemaman (PTK). Pengauditan juga dijalankan di Pejabat Tanah Dan Galian (PTG), UPEN, Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) di Negeri Terengganu. Pengauditan dijalankan dengan membuat semakan terhadap fail, rekod, minit mesyuarat dan dokumen-dokumen lain yang berkaitan dengan aktiviti pengambilan pasir. Selain itu, temu bual dan lawatan ke tapak aktiviti juga dijalankan.

5.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada Ogos 2009 hingga Mac 2010 mendapati pada keseluruhannya pengurusan aktiviti pengambilan pasir boleh dipertingkatkan dari aspek pemantauan dan penguatkuasaan di mana berlaku banyak kes perlanggaran syarat lesen. Akibatnya telah memberi kesan negatif terhadap alam sekitar iaitu berlaku hakisan tebing sungai, kekeruhan air sungai, serta menjelaskan flora dan fauna. Penjelasan lanjut adalah seperti di perenggan berikut:

5.4.1 Kualiti Air Di Kawasan Persekutaran Pengambilan Pasir Terjejas

Piawai Interim Kualiti Air Sungai Malaysia menetapkan kualiti air sungai pada Kelas I bagi kelas yang sangat baik hingga Kelas V bagi kelas yang sangat tercemar. Kelas kualiti air sungai mengikut piawai adalah seperti di **Jadual 5.1**.

Jadual 5.1
Kelas Kualiti Air Sungai Mengikut Piawai

Parameter	Kelas				
	I	II	III	IV	V
Dissolved Oxygen (mg/l)	> 7	5 - 7	3 - 5	1 - 3	< 1
pH	> 7	6 - 7	5 - 6	< 5	-

Sumber: Laporan Jabatan Alam Sekitar

Nota:

1. Kelas I – Persekutaran semula jadi (*natural environment*), sesuai untuk semua hidupan air, bekalan air tanpa perlu sebarang rawatan.
2. Kelas II – Bekalan air dengan rawatan konvensional, rekreasi termasuk mandi manda, perikanan dan minuman haiwan ternakan.
3. Kelas III – Bekalan air dengan rawatan intensif biasa, perikanan dan minuman haiwan ternakan.
4. Kelas IV – Sesuai untuk pengairan pertanian.
5. Kelas V – Tiada seperti di atas.

Hasil ujian insitu kualiti air sungai di persekitaran kawasan pengambilan pasir di Kampung Telemong, Sungai Terengganu, Hulu Terengganu yang dijalankan oleh pihak JAS pada 6 Januari 2010 adalah seperti di **Jadual 5.2**.

Jadual 5.2
**Hasil Ujian Insitu Kualiti Air Di Kampung Telemong,
Sungai Terengganu, Hulu Terengganu**

Butiran Ujian	Lokasi		
	Sebelum Tapak*	Di Tapak**	Selepas Tapak***
No. Stesen	ST01/1T	ST02/1T	ST03/1T
Tarikh Percontohan	6.1.2010	6.1.2010	6.1.2010
Masa Percontohan	10.01 pagi	10.18 pagi	10.34 pagi
Dissolved Oxygen (mg/l)	5.62	5.04	4.93
Dissolved Oxygen (%)	68.50	62.60	60.60
pH	6.29	5.83	5.12

Sumber: Laporan Jabatan Alam Sekitar

Nota: * - Sampel air sungai yang diambil sebelum kawasan pengambilan pasir.

** - Sampel air sungai yang diambil di kawasan pengambilan pasir.

*** - Sampel air sungai yang diambil selepas kawasan pengambilan pasir.

Hasil ujian tersebut menunjukkan terdapat penurunan bacaan *Dissolved Oxygen* antara ketiga kawasan iaitu di kawasan sebelum tapak adalah 5.62mg/l, kawasan di tapak adalah 5.04mg/l manakala di kawasan selepas tapak adalah 4.93mg/l. Bacaan pada kawasan selepas tapak pengambilan pasir menunjukkan kadar *Dissolved Oxygen* berada dalam Kelas III. Hasil daripada ujian tersebut juga didapati bacaan pH menunjukkan keadaan yang

kurang baik di antara ketiga kawasan tersebut di mana bacaan di kawasan sebelum tapak adalah pH 6.29, kawasan di tapak adalah pH 5.83 dan kawasan selepas tapak adalah pH 5.12. Kawasan di tapak dan selepas tapak pengambilan pasir menunjukkan kadar pH berada dalam kualiti air Kelas III.

Berdasarkan Laporan Kajian Kebersihan Tahun 2009 yang dijalankan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu termasuk di kawasan Kampung Kuala Telemong, Hulu Terengganu menunjukkan aktiviti pengambilan pasir juga telah menyumbang kepada pencemaran air sungai. Selain itu, laporan tersebut juga menyatakan kadar kekeruhan air adalah meningkat di kawasan pengambilan pasir dan boleh menyebabkan kos rawatan air mentah turut meningkat.

Berdasarkan maklum balas UPEN, permohonan perusahaan pasir yang mempunyai jarak kurang dari 1.5 kilometer dengan takat pengambilan air tidak akan dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Pada pendapat Audit, kualiti air sungai di kawasan pengambilan pasir perlu dipantau secara rapi kerana bacaan pH dan Dissolved Oxygen berada di dalam kualiti air Kelas III.

5.4.2 Pengurusan Bahan Buangan Terjadual Di Kawasan Pengambilan Pasir

Mengikut Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005, pelupusan buangan terjadual seperti minyak pelincir terpakai hendaklah dilupuskan di premis yang ditetapkan sahaja. Di samping itu, pengendalian minyak diesel hendaklah diuruskan dengan sempurna untuk mengelakkan daripada berlaku tumpahan minyak ke tanah.

Lawatan Audit pada 15 Oktober 2009 ke kawasan pengambilan pasir di Kampung Serada, Kuala Terengganu dan Kuala Telemong, Hulu Terengganu bersama Penolong Jurutera JPS, Pegawai JAS dan Penolong Pentadbir Tanah mendapati minyak pelincir terpakai dibuang di kawasan tapak pengambilan pasir dan tong minyak diesel tidak diuruskan dengan sempurna menyebabkan berlakunya tumpahan minyak seperti di **Foto 5.1** hingga **Foto 5.3**. Perkara ini berlaku kerana kurangnya kesedaran pengusaha mengenai tatacara pengendalian bahan minyak dan tiada pemantauan secara bersepada oleh Pejabat Tanah, PTG, JAS dan JPS ke kawasan pengambilan pasir. Amalan ini mendedahkan kepada berlakunya risiko pencemaran di mana tumpahan minyak dan minyak pelincir terpakai yang dibuang boleh meresap ke dalam tanah dan mengalir ke sungai menyebabkan sumber air dan sungai tercemar.

Foto 5.1
Tumpahan Minyak
Di Tapak Pengambilan Pasir



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Kampung Serada, Sungai Terengganu,
Kuala Terengganu

Tarikh: 15 Oktober 2009

Foto 5.2
Buangan Minyak Pelincir Terpakai
Di Tapak Pengambilan Pasir



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Kampung Serada, Sungai Terengganu,
Kuala Terengganu

Tarikh: 15 Oktober 2009

Foto 5.3
Tong Minyak Tidak Diuruskan
Dengan Sempurna



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Kampung Telemong, Sungai Terengganu,
Hulu Terengganu

Tarikh: 18 Ogos 2009

Berdasarkan maklum balas UPEN, JAS diminta untuk meningkatkan pemantauan ke atas aspek pengurusan bahan buangan terjadual yang melibatkan pengusaha-pengusaha pasir dan mengambil tindakan undang-undang yang sewajarnya.


Pada pendapat Audit, pengurusan bahan buangan terjadual tidak memuaskan kerana tidak diuruskan mengikut peraturan.

5.4.3 Pengambilan Pasir Menyebabkan Perubahan Regime Sungai

a) PT 5560 Dan PT 5561 Di Kampung Batu Hampar, Kuala Terengganu

Pengambilan pasir dan *stockpile* hendaklah dibuat dalam kawasan yang ditetapkan seperti dalam pelan. Semakan Audit mendapati, pengusaha bagi PT 5560 dan PT 5561 telah mengambil pasir dan membuat *stockpile* di luar kawasan yang ditetapkan seperti di **Peta 5.1**. Berdasarkan laporan yang dibuat oleh JPS Daerah Kuala Terengganu, pengusaha telah menceroboh dan mengambil pasir di kawasan pulau timbul yang mengakibatkan berlakunya hakisan sebelah kampung. Selain itu, didapati dua pam pasir digunakan oleh pemilik berlainan. Pengusaha juga telah menjadikan alur sungai asal sebagai kawasan *stockpile* yang mengakibatkan aliran air terganggu di antara pulau dan kampung seperti di **Foto 5.4**.

Peta 5.1
Pelan Kawasan Pengambilan Pasir Dan Stockpile



Sumber: Pejabat Tanah Kuala Terengganu

Foto 5.4
**Aliran Air Sungai Terganggu Menyebabkan
Regime Sungai Berubah**



Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran
Lokasi: Kampung Batu Hampar, Sungai Terengganu,
Kuala Terengganu
Tarikh: 19 Mac 2009

Berdasarkan maklum balas UPEN, permohonan bagi sambungan kelulusan perusahaan pasir bagi PT 5560 dan PT 5561 telah ditolak oleh Pihak Berkua Negeri (PBN) pada 27 Januari 2010.

b) PT 3528 Dan PT 3529 Di Kampung Kuala Telemong, Hulu Terengganu


Pihak pengusaha telah diluluskan bagi mengambil pasir sungai dengan kaedah pam sahaja. Semakan Audit terhadap fail siasatan Pentadbir Tanah Hulu Terengganu mendapati pengusaha telah mengambil pasir dengan menggunakan jengkaut bertentangan dengan kelulusan yang diberikan seperti di **Foto 5.5** dan **Foto 5.6**. Pada asalnya permohonan bagi aktiviti di kawasan ini tidak mendapat sokongan JAS dan Majlis Daerah Hulu Terengganu kerana terdapat dua pengusaha pasir sedang beroperasi. Manakala Jawatankuasa Tanah Daerah (JKTD) Hulu Terengganu telah menolak permohonan tersebut kerana terdapat lima syarikat memohon di kawasan yang sama. Setelah rayuan dibuat, pada 4 September 2007 mesyuarat Jawatankuasa Menimbang Permohonan Menjalankan Perusahaan Berasaskan Kayu Dan Perusahaan Lain menangguhkan permohonan ini. Bagaimanapun, pada 24 Oktober 2007 MMKN telah meluluskan permohonan tersebut dan berkuat kuasa sehingga 31 Disember 2009. Kesannya aktiviti ini telah dijalankan oleh pengusaha mengakibatkan terjadinya alur dalam yang telah merubah aliran sungai seperti di **Foto 5.7** hingga **Foto 5.9**.

Foto 5.5
Pengambilan Pasir Menggunakan Jengkaut



Sumber: Unit Perancang Ekonomi Negeri
Lokasi: Kampung Telemong, Sungai Terengganu,
Hulu Terengganu
Tarikh: 14 April 2008

Foto 5.6



Sumber: Unit Perancang Ekonomi Negeri
Lokasi: Kampung Telemong, Sungai Terengganu,
Hulu Terengganu
Tarikh: 14 April 2008

Foto 5.7
Sebelum Pengorekan Pasir



Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran
Lokasi: Kampung Telemong, Sungai Terengganu,
Hulu Terengganu
Tarikh: 12 Ogos 2008

Foto 5.8
Selepas Pengambilan Pasir



Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran
Lokasi: Kampung Telemong, Sungai Terengganu,
Hulu Terengganu
Tarikh: 18 Ogos 2009

Foto 5.9
Penggunaan Jengkaut Menyebabkan
Alur Terjadi Yang Merubah Aliran Sungai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Telemong, Sungai Terengganu,
Hulu Terengganu
Tarikh: 18 Ogos 2009

Berdasarkan maklum balas UPEN, pengusaha telah diberi surat oleh Pentadbir Tanah Hulu Terengganu supaya mematuhi syarat-syarat kelulusan iaitu menggunakan pam sahaja untuk pengambilan pasir. Lanjutan daripada teguran itu, pengusaha telah mengeluarkan jengkaut dari tapak perusahaan dan menggunakan pam untuk menyedut pasir.

Pada pendapat Audit, kawalan pemantauan dan penguatkuasaan oleh Pejabat Tanah terhadap aktiviti pengambilan pasir tidak memuaskan. Ini adalah kerana berlakunya pengambilan pasir di kawasan yang tidak dibenarkan dan penggunaan jengkaut bagi aktiviti tersebut.

5.4.4 Aktiviti Pengambilan Pasir Menjejaskan Hidupan Tuntung

Tuntung adalah haiwan yang dilindungi di bawah Enakmen Penyu 1951, Negeri Terengganu. Haiwan ini tergolong dalam kumpulan penyu yang hidup di sungai yang berpasir dan mempunyai kawasan keliaran sekitar lima kilometer dari lubuk penempatannya. Kerajaan Negeri telah mewartakan kawasan di Pasir Lubuk Kawah dan Pasir Temir di Sungai Terengganu serta Pasir Kumpul dan Pasir Tok Chu di Sungai Dungun bagi menjalankan pengurusan tuntung. Kerajaan Negeri telah memberi tanggungjawab kepada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar Dan Taman Negara (PERHILITAN) untuk menjalankan pengurusan terhadap pasir-pasir kawasan tuntung ini. Berdasarkan laporan daripada PERHILITAN menyatakan perusahaan pengambilan pasir telah menyumbang secara segera kepada pengurangan bilangan tuntung yang mendarat untuk bertelur. Mengikut laporan, bagi tempoh 2007 hingga 2009 sebanyak 181 ekor tuntung telah mendarat di pasir Lubuk Kawah dengan pengeluaran telur sebanyak 2,772 biji telur. Bagi memastikan haiwan tuntung dapat dikekalkan, MMKN telah membuat keputusan meluluskan larangan pengambilan pasir sungai di lima kilometer (hulu dan hilir) dari pasir pendaratan tuntung pada 5 Mac 2009. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati tindakan pewartaan belum diambil oleh Pejabat Tanah kerana maklumat terperinci belum diperoleh daripada PERHILITAN. Mengikut rekod

Pejabat Daerah Hulu Terengganu, sebanyak empat pengusaha pengambilan pasir yang telah diluluskan lesen berada kurang daripada 5 km iaitu antara 2.23 km hingga 4.52 km daripada kawasan pendaratan tuntung Pasir Lubuk Kawah. Aktiviti pengambilan pasir oleh pengusaha-pengusaha tersebut boleh menjelaskan ekosistem bagi hidupan tuntung dalam tempoh jangka masa panjang.

Berdasarkan maklum balas UPEN, pada 5 Mac 2009 PBN telah membuat keputusan untuk mewartakan kawasan lima kilometer (hulu dan hilir) dari pasir pendaratan tuntung di bawah Enakmen Penyu Negeri Terengganu yang tidak membenarkan aktiviti pengambilan pasir dijalankan di kawasan berkenaan.

Pada pendapat Audit, lesen pengeluaran pasir di kawasan sekitar lima kilometer di kawasan hulu dan hilir kawasan pendaratan tuntung sepatutnya tidak dikeluarkan selepas tarikh kelulusan larangan oleh MMKN.

5.4.5 Hakisan Tanah Di Kawasan Pengambilan Pasir

Lawatan pemantauan oleh JPS pada 11 Mac 2009 di Kampung Telemong, Hulu Terengganu mendapati berlakunya runtuhannya tebing sungai di kawasan aktiviti pengambilan pasir di PT 3528 seperti di **Foto 5.10** dan **Foto 5.11**.

Foto 5.10
Kestabilan Tanah Terjejas Dan Tebing Sungai Terhakis
Kesan Pengambilan Pasir



Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran
Lokasi: Kampung Telemong, Sungai Terengganu,
Hulu Terengganu
Tarikh: 11 Mac 2009

Foto 5.11



Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran
Lokasi: Kampung Telemong, Sungai Terengganu,
Hulu Terengganu
Tarikh: 11 Mac 2009

Berdasarkan lawatan Audit pada 18 November 2009 dan laporan JAS yang dihantar kepada UPEN mendapati berlakunya hakisan yang menyumbang kepada tanah runtuh di kawasan pengambilan pasir di Sungai Medang, Kemaman seperti di **Foto 5.12** dan **Foto 5.13**.

Foto 5.12
Hakisan/Tebing Runtuhan Kesan Daripada Pengambilan Pasir



Sumber: Unit Perancang Ekonomi Negeri
Lokasi: Sungai Medang, Kemaman
Tarikh: 8 Julai 2009

Foto 5.13



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Medang, Kemaman
Tarikh: 18 November 2009

Lawatan Audit pada 2 November 2009 ke Sungai Berang, Hulu Terengganu pula mendapati berlaku hakisan di tebing sungai berkenaan seperti di **Foto 5.14** dan **Foto 5.15**.

Foto 5.14
Hakisan/Tebing Runtuhan Kesan Daripada Pengambilan Pasir



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Pasir Pelata, Sungai Berang,
Hulu Terengganu
Tarikh: 2 November 2009

Foto 5.15



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Pasir Pelata, Sungai Berang,
Hulu Terengganu
Tarikh: 2 November 2009

Akhbar Sinar Harian bertarikh 29 Januari 2009 mendedahkan penduduk di Kampung Tanjung Aur, Hulu Terengganu diselubungi kerisauan dan kebimbangan ekoran tanah perkuburan di kampung mereka semakin terhakis akibat pengambilan pasir sungai yang tidak mengikut syarat lesen seperti di **Keratan Akhbar 5.1**.

Penduduk risau tanah kubur terhakis

■ NOOR HAYATI MAMAT

KAMPUNG TANJUNG AUR

- Penduduk kampung diselubungi kerisauan dan kebingungan ekoran tanah perkuburan di sini semakin terlukis akibat satu projek perusahaan pasir sungai yang dilakukan mereka melanggar perjanjian.

Lebih 'menakutkan', jika tiada sebarang tindakan segera diambil pihak berkenaan, tidak mustahil mereka terpaksa disenadikan di tanah perkuburan lain atau di kawasan rumah sahaja kerana 'ruang' yang masih



Abd Ghani (tengah) bersama dua penduduk meninjau kawasan pengusaha pasir yang menyebabkan masalah hakisan di Tanah Perkuburan Kampung Tanjung Aur.

tinggal hanya sekadar mampu memenuhi sekurang-kurangnya lima jenazah salunia.

Difahamkan, projek perusahaan pasir itu mula beroperasi kira-kira dua tahun lalu dengan perjanjian tidak akan menjalankan kerja berkenaan di dalam kawasan rizab kubur, namun malangnya, tanah perkuburan seluas setengah ekar itu semakin terhakis.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Tanjung Aur, Abd Ghani Embong berkata, pihak JKKK dan penduduk berharap supaya pihak

berkenaan dapat turun padang dan mengambil tindakan segera supaya masalah hakisan tanah perkuburan itu tidak tersusila.

"Asalnya, mereka (pemaju) berjanji tidak akan mengorek pasir pada bahagian tanah rizab kubur tetapi malangnya, kini sekadar janji tinggal janji. Lebih membuat bangunan penduduk, apabila hakisan berkenaan kian hampir dengan beberapa buah kubur."

"Kami tidak menyekat mereka mencari rezeki tetapi kau ini ingin 'mempertahankan' tanah rizab kubur yang semakin hari semakin terhakis. Tanah perkuburan ini adalah tanah wakaf dan ipada seorang penduduk

kerana di sini tiada tanah rizab kerajaan.

"Sekiranya perkara ini dibiarakan berlanjut tanpa sebarang tindakan daripada pihak yang berkenaan tidak mustahil, penduduk yang masih hidup ini akan discamdikan di kawasan rumah manusia-masing. Malah, tanah perkuburan berkenaan juga akan turut 'hilang' kerana hakisan," katanya ketika ditemu Sinar Harian.

Beliau juga berharap supaya pihak berkenaan dapat memantau dan mencari jalan bagi mengatas masalah itu dengan segera terutama bagi mengelakkan keadaan itu menjadi bertambah buruk dan tidak dapat dikawal pada masa depan.

"Asalnya, mereka (pemaju) berjanji tidak akan mengorek pasir pada bahagian tanah rizab kubur tetapi malangnya, kini sekadar janji tinggal janji."

Abd Ghani Embong

Sumber: Akhbar Sinar Harian

Tarikh: 29 Januari 2009

Lawatan Audit pada 2 November 2009 ke kawasan aktiviti pengambilan pasir di Kampung Tanjung Aur, Hulu Terengganu bersama Penolong Pentadbir Tanah Hulu Terengganu mendapati berlaku hakisan berhampiran kawasan tanah perkuburan di PT 3473 dan PT 3474 di Sungai Terengganu, Hulu Terengganu seperti di **Foto 5.16** dan **Foto 5.17**. Bagi mengawal keruntuhan tebing terus berlaku, pengusaha telah memasang cerucuk dan benteng di kawasan tanah perkuburan berkenaan.

Foto 5.16

Aktiviti Pengambilan Pasir
Di Sebelah Tanah Perkuburan



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Kampung Tanjung Aur, Sungai Terengganu,
Hulu Terengganu

Tarikh: 2 November 2009

Foto 5.17

Hakisan Tebing Di Sebelah
Tanah Perkuburan



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Kampung Tanjung Aur, Sungai Terengganu,
Hulu Terengganu

Tarikh: 2 November 2009

Berdasarkan maklum balas UPEN, permohonan perusahaan pasir di kawasan yang berisiko berlaku hakisan tanah/tebing termasuk permohonan bagi sambungan kelulusan perusahaan pasir tidak akan dipertimbangkan oleh PBN.

Pada pendapat Audit, pengurusan dan pemantauan oleh JPS, Pejabat Tanah dan PTG terhadap aktiviti pengambilan pasir tidak memuaskan. Pengambilan pasir yang tidak terkawal telah menyebabkan pelbagai kerosakan antaranya hakisan tanah dan tebing sungai runtuh.

5.4.6 Aktiviti Pengambilan Pasir Menjejaskan Flora Dan Fauna

Sungai Berang di Hulu Terengganu merupakan satu kawasan yang indah di mana di sekitar tebingnya ditumbuhi oleh pokok rimba dan tumbuhan semula jadi. Di sepanjang sungai ini, terdapat banyak flora dan fauna yang merupakan tarikan kepada pelancong.

Lawatan Audit bersama Penolong Pentadbir Tanah Hulu Terengganu pada 2 November 2009 ke Kampung Pasir Pelata, Sungai Berang, Hulu Terengganu mendapati kestabilan tebing sungai telah terjejas. Sebahagian tebing sungai telah terhakis dan sebilangan pokok telah tumbang. Keadaan ini berlaku kesan daripada aktiviti pengambilan pasir yang diluluskan di kawasan ini. Selain itu, bunyi bising enjin pam penyedut pasir boleh mengganggu habitat flora dan fauna serta merosakkan keindahan alam semula jadi yang menjadi tarikan pelancong. Manakala tali pengukuh yang mengikat pontun merentangi sungai dan saluran paip penyedut pasir telah menghalang laluan bot pelancong seperti di **Foto 5.18** dan **Foto 5.19**.



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Pasir Pelata, Sungai Berang,
Hulu Terengganu
Tarikh: 2 November 2009



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Pasir Pelata, Sungai Berang,
Hulu Terengganu
Tarikh: 2 November 2009

Akhbar New Straits Times bertarikh 25 Ogos 2008 melaporkan aktiviti pengambilan pasir di Sungai Berang, Hulu Terengganu telah menjelaskan ekosistem, habitat flora dan fauna serta laluan bot pelancong yang menyusuri sungai tersebut seperti di **Keratan Akhbar 5.2**.

More sand dredging sites despite pleas

By Sean Augustin
sean@nst.com.my

HULU TERENGGANU: Falling on deaf ears. This can best describe the pleas by several quarters to halt sand dredging activities along Sungai Berang, which is damaging the ecosystem and endangering wildlife.

When the *New Straits Times* first carried a report last month, there were at least five sites that were being dredged for sand.

A check with the Hulu Terengganu land office yesterday revealed that the figure had increased to seven. It is also learnt that nine more companies have applied to dredge in the area.

In the report dated July 2, it was stated that Sungai Berang and its surrounding forests near Kampung Pengkalan Ajal here is home to various flora and fauna such as wild or-

chids, terrapins, pig-tailed monkeys and kingfisher birds.

The NST quoted Malaysian Nature Society member Wan Nurzalia Wan Saelan as stating that sand dredging in such a sensitive area would have negative effects such as the increase in water turbidity.

Even state Industrial, Trade and Environment Committee chairman Toh Chin Yaw said then that the river was a natural heritage site which must be preserved, and the state government had ordered a stop to all dredging activities. The Hulu Terengganu land office, however, denied receiving such an order.

Ping Anchorage managing director Alex Lee, who runs a boat cruise along the river, also claimed that ever since sand-dredging activities began, Sungai Berang had turned murky.

When contacted yesterday, Lee

said he received a lot of complaints from his customers about the river being polluted and it was becoming harder to spot wildlife.

"We promoted this place as a rainforest river with many wild animals. It is disappointing that this had to happen."

"The cruise is not selling any more. We have no choice but to move the cruise to the Lata Berkoh river in Pahang, which is another rainforest with a river," he said, adding that as a result, several locals had lost their jobs as river guides.

Toh, meanwhile, said he would direct the Hulu Terengganu land office to come up with a mechanism and move the existing sand dredging activities to another site.

New applications for dredging in the area would also be frozen.

"I want the works in that area to be stopped as soon as possible," he said.

Sumber: Akhbar New Straits Times
Tarikh: 25 Ogos 2008

Berdasarkan maklum balas UPEN iaitu sebelum laporan dikeluarkan, pada 2 Julai 2008 PBN telah memutuskan supaya siasatan segera dijalankan oleh Pentadbir Tanah Hulu Terengganu ke atas pengusaha-pengusaha pasir di Sungai Berang, Hulu Terengganu dan membatalkan lesen pengusaha yang melanggar syarat kelulusan.

Pada pendapat Audit, aktiviti pengambilan pasir tidak memuaskan kerana dijalankan di kawasan tumpuan aktiviti pelancongan yang ingin menikmati keindahan flora dan fauna.

5.4.7 Aktiviti Pengambilan Pasir Menjejaskan Infrastruktur Dan Utiliti

Mengikut prosedur pengambilan pasir sungai yang dikeluarkan oleh JPS jarak aktiviti pengambilan pasir tidak boleh diambil dalam lingkungan 500 meter dari mana-mana struktur seperti jambatan, bangunan dan sebagainya kecuali dengan kebenaran daripada JPS. Lawatan Audit pada 16 Ogos 2009 ke kawasan pengambilan pasir di Kampung Telemong bagi lesen PT 3528 dan PT 3529 mendapati berlaku pengambilan pasir sekitar 250 meter daripada jambatan Projek Lebuh Raya Pantai Timur Fasa II seperti di **Foto 5.20**. Berdasarkan kertas mesyuarat JKTD Hulu Terengganu dan JPS, permohonan lesen ini tidak disokong kerana jarak pengambilan pasir terletak sekitar 250 meter dari jambatan tetapi telah diluluskan oleh MMKN pada 24 Oktober 2007. Mengikut pandangan JPS, pengambilan pasir dengan jarak sedemikian boleh menjelaskan struktur jambatan yang boleh membahayakan kepada pengguna.

Foto 5.20
Pengambilan Pasir Berhampiran Jambatan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Telemong, Sungai Terengganu,
Kuala Terengganu
Tarikh: 16 Ogos 2009

Berdasarkan maklum balas UPEN, permohonan perusahaan pasir yang mempunyai jarak kurang dari 500 meter dengan jambatan atau mana-mana struktur tidak akan dipertimbangkan oleh PBN kecuali perusahaan pasir bagi lesen PT 3528 dan PT 3529.

Pada pendapat Audit, aktiviti pengambilan pasir yang terletak sekitar 250 meter dari mana-mana struktur hidraulik yang penting seperti jambatan, rumah pam dan takat pengambilan air tidak sepatutnya dijalankan.

5.4.8 Kawasan Aktiviti Pengambilan Pasir Yang Telah Tidak Beroperasi Tidak DiBaik Pulih

Mengikut syarat lesen sebarang kerosakan yang disebabkan oleh aktiviti pengambilan pasir hendaklah di baik pulih oleh pengusaha sendiri. Pengusaha juga dikenakan bayaran wang amanah sejumlah RM5,000 bagi tujuan jaminan pembaikan tersebut yang dibayar kepada JPS.

Lawatan Audit pada 25 Januari 2010 ke kawasan pengambilan pasir yang telah tidak beroperasi sejak Oktober 2009 di Kampung Kuala Pueh, Sungai Terengganu, Hulu Terengganu mendapati struktur pencuci pasir ditinggalkan tanpa dibersihkan dan kawasan tebing yang rosak serta alur yang terjadi akibat daripada pengambilan pasir tidak dibaik pulih. Selain itu, JPS tidak mempunyai kuasa undang-undang untuk mengambil tindakan terhadap pengusaha yang melanggar syarat. Kegagalan membaik pulih menyebabkan berlakunya kesan kerosakan alam sekitar yang berterusan seperti di **Foto 5.21**.

Foto 5.21
Kerosakan Kawasan Pengambilan Pasir
Yang Tidak Di Baik Pulih



Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran
Lokasi: Kampung Kuala Pueh, Sungai Terengganu,
Hulu Terengganu
Tarikh: 25 Januari 2010

Berdasarkan maklum balas UPEN, wang amanah yang dibayar oleh pengusaha akan digunakan oleh Pejabat Tanah dan JPS untuk membaik pulih kawasan operasi perusahaan pasir yang terjejas.

Pada pendapat Audit, tindakan penguatkuasaan oleh Pejabat Tanah adalah kurang memuaskan dalam menangani masalah kawasan pengambilan pasir yang telah tamat operasi yang tidak di baik pulih.

5.4.9 Perlanggaran Syarat Lesen

Mengikut syarat teknikal oleh JPS, pengusaha hendaklah memastikan kedudukan *stockpile* dan struktur pencuci pasir berada sekurang-kurangnya 20 meter dari tebing sungai dan pengambilan pasir tidak dibenarkan di kawasan yang kurang satu pertiga dari bahagian tebing sungai.

Lawatan Audit ke kawasan pengambilan pasir di Sungai Terengganu iaitu di Kampung Telemong dan Kampung Pantai Ali di Hulu Terengganu pada 18 Ogos 2009, Kampung Pasir Pelata di Sungai Berang di Hulu Terengganu pada 2 November 2009 serta Sungai Medang, Kemaman pada 18 November 2009 mendapati berlaku perlanggaran syarat seperti berikut:

- a) Kedudukan *stockpile* berada kurang 20 meter dari tebing sungai seperti di **Foto 5.22** dan **Foto 5.23**.

Foto 5.22
Stockpile Berada Kurang 20 Meter Dari Tebing Sungai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Telemong, Sungai Terengganu,
Hulu Terengganu
Tarikh: 18 Ogos 2009

Foto 5.23



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Pantai Ali, Sungai Terengganu,
Hulu Terengganu
Tarikh: 18 Ogos 2009

- b) Kedudukan struktur pencuci pasir berada sekurang-kurangnya 20 meter dari tebing sungai seperti di **Foto 5.24** dan **Foto 5.25**.

Foto 5.24
**Kedudukan Struktur Pencuci Pasir Berada
Kurang 20 Meter Dari Tebing Sungai**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Pasir Pelata, Sungai Berang,
Hulu Terengganu
Tarikh: 2 November 2009

Foto 5.25



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Medang, Kemaman
Tarikh: 18 November 2009

- c) Pengambilan pasir yang dijalankan kurang dari satu pertiga dari bahagian tebing sungai seperti di **Foto 5.26** dan **Foto 5.27**.

Foto 5.26

Pengambilan Pasir Kurang Satu Pertiga Dari Tebing Sungai



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Kampung Telemong, Sungai Terengganu,
Hulu Terengganu

Tarikh: 18 Ogos 2009

Foto 5.27



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Kampung Telemong, Sungai Terengganu,
Hulu Terengganu

Tarikh: 18 Ogos 2009

Pengusaha tidak mematuhi syarat-syarat lesen kerana untuk menjimatkan kos operasi. Selain itu, tiadanya pemantauan dan penguatkuasaan oleh Pejabat Tanah, PTG, JAS dan JPS secara bersepadu telah menyebabkan perlanggaran syarat oleh pengusaha-pengusaha pasir. Pelanggaran syarat ini boleh mengakibatkan kestabilan tebing sungai terjejas dan berlaku runtuhan tebing sungai.

Berdasarkan maklum balas UPEN, permohonan untuk melanjutkan tempoh kelulusan tidak akan dipertimbangkan sekiranya pengusaha didapati melanggar syarat-syarat kelulusan. Pentadbir Tanah dan Pengarah Tanah Galian diminta untuk meningkatkan penguatkuasaan serta mengambil tindakan tegas di bawah peruntukan undang-undang yang berkaitan.

Pada pendapat Audit, kawalan pemantauan dan penguatkuasaan oleh Pejabat Tanah terhadap aktiviti pengambilan pasir perlu dipertingkatkan untuk mencegah berlakunya stockpile pasir dan struktur mencuci pasir terletak kurang 20 meter dari tebing sungai dan pengambilan pasir yang dijalankan kurang dari satu pertiga dari bahagian tebing sungai.

5.4.10 Pemantauan Dan Penguatkuasaan

Permohonan lesen pengambilan pasir memerlukan kelulusan PBN sebelum ianya boleh beroperasi. Agensi dan Jabatan Teknikal seperti JAS, JPS, Jabatan Mineral Dan GeoSains, Jabatan Kesihatan, Jabatan Bekalan Air, Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Pihak Berkuasa Tempatan berperanan memberi ulasan dan sokongan mengikut bidang masing-masing ke atas permohonan lesen tersebut. Selain itu, JPS, JAS, Pejabat Tanah dan PTG berperanan membuat pemantauan terhadap aktiviti pengambilan pasir. Bagaimanapun, tindakan penguatkuasaan terhadap pengusaha yang melanggar syarat lesen hanya boleh dilaksanakan oleh PTG dan Pejabat Tanah manakala JAS hanya boleh mengambil tindakan

penguatkuasaan terhadap kesalahan di bawah Akta Alam Sekeliling 1974. Bagi kawasan pengambilan pasir yang melibatkan keluasan 50 hektar dan ke atas yang tertakluk kepada penyediaan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA), JAS bertanggungjawab secara langsung membuat pemantauan dan penguatkuasaan terhadap kawasan berkenaan.

Semakan Audit di PTKT, PTHT dan PTK mendapati pemantauan terhadap kawasan pengambilan pasir ada dilakukan tetapi tidak secara berkala dan tiada laporan disediakan kecuali bagi kes yang melibatkan aduan awam. Selain itu, didapati JPS hanya membuat laporan kepada UPEN hasil daripada pemantauan yang dijalankan untuk diambil tindakan. JPS juga tidak mempunyai kuasa undang-undang untuk mengambil tindakan terhadap pengusaha yang melanggar syarat dan memastikan syarat teknikal dipatuhi. Manakala JAS hanya membuat pemantauan berdasarkan aduan awam.

Pada pendapat Audit, pemantauan dan penguatkuasaan boleh dipertingkatkan dengan mengadakan lawatan secara berkala dan bersepadu di antara semua Agensi yang terlibat serta menyediakan laporan pemantauan.

5.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, pengurusan aktiviti pengambilan pasir adalah kurang memuaskan di mana berlaku kes pelanggaran syarat lesen yang memberi kesan terhadap alam sekitar iaitu berlaku tanah runtuh, kekeruhan air sungai serta menjelaskan flora dan fauna. Adalah disyorkan pertimbangan diberikan terhadap perkara-perkara berikut:

- a) Agensi terlibat seperti JPS, JAS, Pejabat Tanah dan PTG perlu mengadakan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan secara bersepadu di kawasan pengambilan pasir.
- b) UPEN perlu mengkaji semula amaun wang amanah terhadap pengusaha bagi tujuan membaik pulih kerosakan tebing sungai dan infrastruktur.
- c) Pejabat Tanah hendaklah mengambil tindakan pewartaan dengan segera bagi melarang pengambilan pasir di kawasan lima kilometer hulu dan hilir kawasan pendaratan tuntung.
- d) PBN hendaklah tidak meluluskan permohonan pengambilan pasir di kawasan yang boleh menjelaskan kualiti air mentah, ekosistem, flora dan fauna.
- e) Pejabat Tanah perlu mengambil tindakan tegas terhadap pengusaha yang melanggar syarat lesen.

JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI TERENGGANU

6. PENGURUSAN BANTUAN AM

6.1 LATAR BELAKANG

6.1.1 Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Terengganu (JKMNT) berperanan untuk meningkatkan kesejahteraan dan membangunkan masyarakat penyayang melalui perkhidmatan kebajikan dan pembangunan sosial yang dijalankan. Pelbagai program diadakan seperti Bantuan Am, Bantuan Kanak-kanak, Bantuan Orang Tua dan Elaun Pekerja Cacat. Bantuan Am dilaksanakan melalui dua kaedah iaitu Skim Bantuan Bulanan dan Skim Bantuan Sekali Gus yang dibiayai melalui peruntukan Kerajaan Negeri. Skim Bantuan Bulanan merupakan bantuan jangka pendek dalam bentuk wang tunai secara bulanan kepada individu atau keluarga yang berkelayakan menerima bagi menampung kos sara hidup. Bantuan kewangan yang diberikan adalah bersifat sementara iaitu untuk meringankan kesulitan kewangan sehingga mereka dipulihkan dan berdikari atau kekal bagi kes-kes yang tidak ada harapan untuk dipulihkan. Manakala Skim Bantuan Sekali Gus yang disediakan ialah seperti Bantuan Bencana Alam, Bantuan Membina/Membela Rumah, Bantuan Geran Pelancaran, Bantuan Alat Tiruan/Sokongan, Bantuan Persekolahan, Bantuan Peralatan Perubatan dan sebagainya.

6.1.2 Bagi tahun 2007 hingga 2009, peruntukan kewangan dan perbelanjaan bagi Bantuan Am adalah seperti di **Jadual 6.1**.

Jadual 6.1
Peruntukan Dan Perbelanjaan Bantuan Am
Bagi Tahun 2007 Hingga 2009

Tahun	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Peratus Perbelanjaan (%)
2007	22.21	20.26	91.22
2008	49.70	43.09	86.70
2009	48.13	48.12	99.98
Jumlah	120.04	111.47	92.86

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Terengganu

6.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan Bantuan Am telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

6.3 SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi pengurusan Bantuan Am bagi tahun 2007 hingga 2009 yang merangkumi Skim Bantuan Bulanan dan Skim Bantuan Sekali Gus bagi Bantuan

Membina/Membaiki Rumah. Pengauditan dijalankan di JKMNT dan tiga Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) iaitu Kuala Terengganu, Marang dan Besut. Pengauditan dijalankan dengan menyemak daftar permohonan, Borang Siasatan (JKM 17), fail penerima bantuan, Laporan Kajian Semula, rekod bantuan dan bayaran serta dokumen lain yang berkaitan. Temu bual dengan pegawai dan kakitangan yang terlibat serta penerima bantuan juga dibuat bagi mendapatkan maklumat yang lebih tepat. Selain itu, lawatan fizikal juga turut dilakukan di pusat bayaran dan beberapa rumah penerima bantuan.

6.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara Oktober 2009 hingga Disember 2009 mendapati secara keseluruhannya pengurusan Bantuan Am di JKMNT adalah kurang memuaskan kerana beberapa kelemahan yang dikenal pasti dalam pelaksanaan pengurusan Bantuan Am. Antara kelemahan tersebut ialah wang bantuan yang tidak diagihkan tidak dapat dikesan semasa pengauditan; lebihan bayaran sejumlah RM2,200 kepada tiga penerima bantuan; pembayaran berterusan melalui bank kepada penerima bantuan yang telah meninggal dunia; dan wang bantuan bulanan yang tidak dapat diagihkan tidak disimpan dalam peti besi. Penjelasan lanjut berhubung dengan perkara ini adalah seperti di perenggan berikut:

6.4.1 Pengurusan Wang Bantuan Am

a) Wang Bantuan Yang Tidak Diagihkan Tidak Dapat Dikesan Semasa Pengauditan

Arahan Perbendaharaan (AP) 99(a) menyatakan semua baucar hendaklah disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap. Bagi setiap baucar bayaran perlu mempunyai dokumen sokongan Penyata Penerima Bantuan untuk menyokong jumlah yang dimohon.

Manakala AP 96(c) pula menyatakan jika mana-mana pegawai yang memperakui tidak dapat membahagi-bahagikan wang dalam tempoh 21 hari atau sesuatu tempoh yang lebih singkat yang ditentukan oleh Pegawai Kewangan Negeri kesemua wang tunai atau cek yang diambil daripada Perbendaharaan, ia mestilah dengan serta-merta memasukkan semula amaun yang belum dibahagi-bahagikan itu ke dalam Akaun Bank Kerajaan dan menghantar baucar itu kepada Perbendaharaan.

Semakan Audit terhadap baucar bayaran bagi **Bantuan Bulanan Mac 2009** di PKMD Besut mendapati dua baucar bayaran dan dua keping cek telah dikeluarkan bagi kawasan yang sama iaitu Kerandang II masing-masing berjumlah RM15,750 seperti di **Jadual 6.2**.

Jadual 6.2
Perihal Baucar Bayaran
Bagi Mac 2009

No. Baucar/ Tarikh	No. Cek/ Tarikh	Jumlah (RM)	Perihal Baucar Bayaran	Catatan
V0000104/ 24.2.2009	489327/ 25.2.2009	15,750	Bayaran Bantuan Am Mac 2009 - 341 Kes	Cek ditunaikan pada 3.3.2009 tetapi tidak diagihkan dan wang tidak ada dalam simpanan Pejabat.
V0000110/ 25.2.2009	489393/ 2.3.2009	15,750	Bayaran Bantuan Am Mac 2009 - 341 Kes	Cek ditunaikan pada 12.3.2009 dan telah diagihkan.

Sumber: PKMD Besut

Berdasarkan semakan dokumen didapati kedua-dua cek berkenaan telah ditunaikan. Bagi baucar no. V0000110 dan cek no. 489393 yang berjumlah RM15,750 didapati wang bantuan berkenaan telah diagihkan kepada penerima bantuan berdasarkan dokumen sokongan Penyata Penerima Bantuan. Manakala bagi baucar no. V0000104 dan cek no. 489327 yang berjumlah RM15,750 didapati wang bantuan ini tidak diagihkan kepada penerima bantuan kerana tiada dokumen sokongan Penyata Penerima Bantuan dikepilkan dan tiada bukti menunjukkan wang yang tidak diagihkan tersebut telah dikembalikan kepada Perbadanan Negeri. **Pemeriksaan Audit ke atas peti besi pada 14 Disember 2009 mendapati wang berjumlah RM15,750 tidak ada dalam peti besi dan tidak dapat dikesan.**

Berdasarkan maklum balas, Pengarah JKMNT telah mengadakan perbincangan dengan pegawai-pegawai kanan dan Pembantu Tadbir Kewangan Gred W17 yang terlibat pada 26 Januari 2010. Dalam perbincangan tersebut, Pembantu Tadbir Kewangan terlibat memaklumkan beliau telah terlupa (hampir satu tahun) untuk mengembalikan wang tersebut dan telah menggunakan sebagai pusingan membayar wang bantuan-bantuan yang lain. Wang bantuan tersebut berada di tangan beliau sehingga dimasukkan ke bank pada 21 Januari 2010. Dalam tempoh tersebut beliau telah cuti bersalin mulai 26 November 2009 hingga 24 Januari 2010.

Pihak JKMNT berpendapat berlakunya kecuaian dan tidak amanah telah dilakukan oleh Pembantu Tadbir Kewangan terlibat. Sehubungan dengan itu, pihak JKMNT telah mengambil tindakan segera iaitu:

- i) Menukarkan kakitangan tersebut ke JKMNT berkuat kuasa mulai 31 Januari 2010.
- ii) Menubuhkan Jawatankuasa Tindakan Tatatertib Kumpulan Sokongan I dan dalam proses menyediakan kertas pertuduhan.
- iii) Memaklumkan kejadian ini kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia dan memohon pandangan ke atas tindakan yang selanjutnya.

Berdasarkan maklum balas terkini daripada JKMNT pada 25 Mei 2010 menyatakan Jawatankuasa Penyiasat JKMNT telah ditubuhkan pada 22 Mac 2010 dan penyiasatan telah dijalankan pada 20 Mei 2010. Jawatankuasa Penyiasat berpendapat tidak ada unsur-unsur

penipuan atau pecah amanah yang berlaku dan tidak ada mendatangkan kerugian kepada Kerajaan cuma terdapat unsur-unsur kecuaian dalam menjalankan tugas oleh Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah Besut, Penolong Pegawai Kebajikan, Pembantu Kebajikan dan Pembantu Tadbir Kewangan. Selain itu, JKMNT akan merujuk perkara ini kepada Lembaga Tatatertib bagi Kumpulan Sokongan Peringkat Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Terengganu untuk tindakan seterusnya.

b) Wang Bantuan Bulanan Yang Tidak Dapat Diagihkan Tidak Disimpan Dalam Peti Besi

AP 126(a) menghendaki semua wang tunai, cek, setem, buku kaunterfoil hasil, dokumen dan barang-barang lain yang berharga yang diterima oleh pejabat awam hendaklah disimpan ke dalam peti besi atau bilik kebal jika ada tempat sedemikian.

Pemeriksaan Audit mendapati PKMD Marang tidak menyimpan wang bantuan yang tidak sempat diagihkan oleh pegawai pembayar pada hari pembayaran dalam peti besi tetapi sebaliknya dipegang oleh pegawai pembayar. Wang tersebut dipegang oleh pegawai pembayar sehingga tamat tempoh pembayaran iaitu dua minggu dari tarikh penunaian cek. Kegagalan mematuhi peraturan penyimpanan wang tunai boleh memberi risiko kehilangan wang bantuan.

Berdasarkan maklum balas JKMNT, tindakan yang telah diambil adalah seperti berikut:

- i) Mewujudkan Buku Rekod Kandungan Peti Besi bagi merekodkan keluar/masuk wang dan lain-lain barang berharga yang disimpan dalam peti besi.*
- ii) Mewujudkan Borang Serah Menyerah Wang Bantuan dan Lain-lain Barang Berharga yang keluar/masuk peti besi.*
- iii) PKMD akan membuat pemantauan dan pemeriksaan mengejut terhadap peti besi dari semasa ke semasa.*
- iv) Mengarahkan Pembantu Tadbir Kewangan menjalankan kerja lebih masa pada hari pembayaran bagi membolehkan penyimpanan wang yang tidak dapat diagihkan disimpan dalam peti besi.*

c) Jumlah Wang Bantuan Yang Dikembalikan Oleh Pegawai Pembayar Tidak Dapat Disahkan

Pengembalian wang bantuan yang tidak dapat diagihkan oleh pegawai pembayar hendaklah direkodkan dengan lengkap dan kemas kini dalam Borang Pengembalian Wang Bantuan dan AP 60(i) menyatakan Resit Rasmi secara manual atau elektronik mestilah dikeluarkan sebagai akuan terima wang yang dibayar kepada seseorang pegawai awam.

Semakan Audit di PKMD Besut mendapati jumlah wang yang dikembalikan oleh pegawai pembayar tidak dapat disahkan kerana sistem rekod tidak diurus dengan baik iaitu Borang Pengembalian Wang Bantuan tidak diselenggarakan dengan memuaskan

dan resit tidak dikeluarkan sebagai akuan penerimaan wang. Keadaan ini berlaku kerana pegawai dan kakitangan tidak prihatin terhadap peraturan kewangan.

Berdasarkan maklum balas JKMNT, resit bagi pengembalian wang yang tidak dapat diagihkan telah dikeluarkan mulai Mac 2010 kepada setiap pegawai pembayar bagi menyokong amaun yang dikembalikan kepada Perbendaharaan Negeri.

Pada pendapat Audit, pengurusan terhadap wang bantuan am adalah tidak memuaskan terutama dari segi penyimpanan dan sistem rekod kerana ketidakpatuhan kepada peraturan boleh memberi ruang kepada penyelewengan.

6.4.2 Pembayaran Berterusan Kepada Penerima Bantuan Yang Telah Meninggal Dunia

Bantuan Bulanan merupakan bantuan jangka pendek dalam bentuk wang tunai secara bulanan kepada individu atau keluarga yang berkelayakan menerimanya bagi menampung kos sara hidup. Pembayaran bantuan dibuat melalui dua kaedah iaitu pembayaran secara tunai dan pembayaran melalui bank. Pembayaran bantuan melalui bank hanya dilaksanakan di PKMD Kuala Terengganu yang melibatkan 190 orang penerima bantuan. Pengesahan status penerima bantuan melalui Jabatan Pendaftaran Negara yang melibatkan 421 penerima bantuan secara tunai dan 190 penerima bantuan melalui bank mendapati 15 penerima bantuan secara tunai dan seramai tiga orang penerima bantuan melalui bank telah meninggal dunia. Semakan Audit mendapati kesemua 15 penerima bantuan secara tunai yang telah meninggal dunia telah diambil tindakan pengembalian wang dan penamatan bantuan kecuali bagi tiga kes penerima bantuan melalui bank di PKMD Kuala Terengganu masih diteruskan pembayaran sehingga Februari 2010 iaitu antara tujuh hingga 17 bulan yang berjumlah RM6,400 seperti di Jadual 6.3.

**Jadual 6.3
Pembayaran Berterusan Kepada Penerima Bantuan
Yang Telah Meninggal Dunia**

Bil.	No. Fail	Tempoh Kelulusan Terakhir (Bulan/ Tahun)	Tarikh Kajian Semula Yang Terakhir Dijalankan	Tarikh Kematian	Kadar Sebulan (RM)	Tempoh Terlebih Bayar (Bulan)	Jumlah Terlebih Bayar (RM)
1.	0348/2006	5/2008-4/2009	30.4.2008	16.9.2008	200	17	3,400
2.	5962/01	9/2009-8/2010	7.6.2009	23.6.2009	200	8	1,600
3.	963/2006	9/2008-8/2009	29.7.2009	21.7.2009	200	7	1,400
Jumlah							6,400

Sumber: PKMD Kuala Terengganu

Keadaan ini berlaku kerana pihak PKMD tidak dimaklumkan mengenai kematian penerima bantuan oleh pewaris dan juga pegawai yang terlibat tidak menjalankan kajian semula kes dalam tempoh yang ditetapkan. Ini menyebabkan berlakunya pembayaran berterusan kepada penerima bantuan yang telah meninggal dunia.

Berdasarkan maklum balas JKMNT, surat kepada pihak bank telah dibuat pada 10 Februari 2010 untuk memohon pengembalian balik amaun yang telah dikreditkan (refund). Selain itu,

surat peringatan pertama juga telah dikeluarkan kepada pegawai yang terlibat kerana kecuaian sewaktu bertugas iaitu tidak membuat kajian semula kes. Maklum balas terkini JKMNT pada 25 Mei 2010 menyatakan wang berjumlah RM6,400 telah dikutip balik dan telah dimasukkan semula ke dalam akaun Perbendaharaan Negeri yang terdiri daripada RM3,200 yang dibayar balik oleh pihak bank dan RM3,200 oleh pewaris penerima bantuan yang telah meninggal dunia.

Pada pendapat Audit, pengurusan bayaran Bantuan Bulanan melalui bank kepada penerima bantuan adalah tidak memuaskan kerana masih berlaku pembayaran bantuan berterusan kepada penerima yang telah meninggal dunia.

6.4.3 Lebihan Bayaran Kepada Penerima Bantuan

Penyata Penerima Bantuan hendaklah disemak bagi menentukan kelayakan jumlah bantuan yang patut diterima oleh penerima bantuan. Semakan Audit terhadap Penyata Penerima Bantuan bagi tahun 2008 dan 2009 menunjukkan terdapat beberapa kes yang melibatkan lebihan bayaran kepada penerima bantuan di PKMD Besut seperti di **Jadual 6.4**.

Jadual 6.4
Lebihan Bayaran Kepada Penerima Bantuan Di PKMD Besut

Bil.	Maklumat Penerima Bantuan	Maklumat Bayaran			
		Bulan/ Tahun	Patut Bayar (RM)	Telah Bayar (RM)	Lebihan (RM)
1.	No. Fail: 0772-2008 Tempoh Kelulusan: 8/2008 - 9/2009 Jumlah Lulus: RM200 sebulan Kawasan: Kampung Raja	1/2009	200	600	400
		2/2009	200	600	400
2.	No. Fail: 0810-2008 Tempoh Kelulusan: 8/2008 - 9/2009 Jumlah Lulus: RM200 sebulan Kawasan: Jabi	10/2008	200	600	400
		11/2008	200	600	400
		12/2008	200	600	400
3.	No. Fail: 0977-2007 No. Fail: 0652-2008 Tempoh Kelulusan: 6/2008 - 5/2009 Jumlah Lulus: RM200 sebulan Kawasan: Keluang (2 fail kes telah dibuka bagi penerima yang sama)	9/2008	600 (termasuk tunggakan 2 bulan)	800	200
Jumlah					2,200

Sumber: PKMD Besut

Keadaan ini berlaku kerana pegawai pembayar tidak menyemak dengan teliti terhadap Penyata Penerima Bantuan.

Berdasarkan maklum balas JKMNT, Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah telah mengeluarkan surat tunjuk sebab kepada pegawai pembayar yang terlibat dan diminta memulangkan semula wang yang telah terlebih bayar bagi Bantuan Am. Susulan Audit pada 23 Mei 2010 mendapati wang berjumlah RM2,200 telah dibayar balik oleh pegawai pembayar yang terlibat dan telah dimasukkan semula ke dalam akaun Perbendaharaan Negeri.

Pada pendapat Audit, pengurusan bayaran wang bantuan boleh dipertingkatkan dengan membuat penyemakan yang lebih teliti terhadap Penyata Penerima Bantuan.

6.4.4 Pemantauan Terhadap Bantuan Membina/Membaiki Rumah Tidak Dibuat

Pemantauan terhadap penerima bantuan membina/membaiki rumah perlu dibuat untuk menentukan sama ada bantuan telah digunakan sebagaimana ia diluluskan.

a) Pembaikan Rumah Tidak Dibuat

Pemohon bantuan bagi nombor rujukan fail 0101/2009 yang beralamat di Pekan Bukit Payong, Marang telah diluluskan Bantuan Membina/Membaiki Rumah sebanyak RM5,000 pada 27 April 2009. Lawatan Audit pada 27 Disember 2009 mendapati rumah yang hendak dibaiki adalah merupakan bangsal padi dan bukannya sebuah rumah kediaman seperti di **Foto 6.1**. Tiada sebarang pembaikan dibuat sehingga tarikh pengauditan. Bagaimanapun selepas teguran Audit, wang bantuan tersebut telah dikembalikan kepada PKMD Marang pada 6 Januari 2010.

Foto 6.1
Bangsal Padi Yang Dimohon
Untuk Pembaikan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bukit Payong, Marang
Tarikh: 27 Disember 2009

Berdasarkan maklum balas JKMNT, pembinaan rumah baru telah dibuat dan disiapkan pada 20 Februari 2010 secara gotong-royong seperti di **Foto 6.2** dan **Foto 6.3**.

Foto 6.2
Program Gotong-Royong
Pembinaan Rumah



Sumber: PKMD Marang
Lokasi: Bukit Payong, Marang
Tarikh: 20 Februari 2010

Foto 6.3
Rumah Yang Siap Dibina



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bukit Payong, Marang
Tarikh: 8 Mac 2010

b) Bantuan Membina/Membaiki Rumah Tidak Mencukupi

Pemohon bantuan bagi nombor rujukan fail 078-07 yang beralamat di Kampung Pantai Seberang Marang, Marang telah diluluskan Bantuan Membina/Membaiki Rumah sebanyak RM2,500 pada 26 Mac 2009. Lawatan Audit pada 27 Disember 2010 mendapati rumah yang dimohon untuk pemberian seperti di **Foto 6.4** masih belum dibaiki tetapi sebaliknya wang bantuan tersebut telah digunakan untuk pembinaan rumah baru. Bagaimanapun, rumah tersebut seperti di **Foto 6.5** tidak dapat disiapkan kerana bantuan yang diterima tidak mencukupi. Keadaan tersebut berlaku kerana JKMNT tidak membuat pemantauan selepas bantuan diberikan.

Foto 6.4
Rumah Yang Dimohon
Untuk Pemberian



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Pantai Seberang Marang, Marang
Tarikh: 27 Disember 2009

Foto 6.5
Rumah Yang Baru Dibina
Tetapi Tidak Dapat Disiapkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Pantai Seberang Marang, Marang
Tarikh: 27 Disember 2009

Berdasarkan maklum balas JKMNT, permohonan tambahan sebanyak RM2,500 telah dibuat pada 25 Februari 2010 dan pembinaan rumah tersebut telah disiapkan secara gotong-

royong setelah peruntukan tambahan diperoleh pada 17 April 2010 seperti di **Foto 6.6**. Selain itu, setiap PKMD akan membuat pemantauan secara fizikal ke atas setiap kes pembayaran Bantuan Membina/Membalik Rumah bagi memastikan bantuan digunakan seperti mana tujuan permohonan.

Foto 6.6
Rumah Baru Yang Telah Disiapkan



Sumber: PKMD Marang
Lokasi: Kampung Pantai Seberang Marang, Marang
Tarikh: 17 April 2010

Pada pendapat Audit, pemberian bantuan bagi Bantuan Membina/Membalik Rumah adalah tidak memuaskan kerana pemantauan tidak dijalankan selepas bantuan diberikan bagi memastikan bantuan digunakan seperti mana tujuan permohonan.

6.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, objektif JKMNT bagi meningkatkan kesejahteraan melalui perkhidmatan kebajikan adalah tercapai sesuai dengan Pelan Hala Tuju Program Transformasi Kerajaan untuk mengurangkan kemiskinan. Bagaimanapun, pelaksanaan pengurusan Bantuan Am adalah kurang memuaskan seperti wang bantuan yang tidak diagihkan tidak dapat dikesan semasa pengauditan, lebihan bayaran kepada penerima bantuan dan wang bantuan bulanan yang tidak dapat diagihkan tidak disimpan dalam peti besi. Bagi meningkatkan lagi pengurusan Bantuan Am, pihak Audit mengesyorkan JKMNT mengambil tindakan berikut:

- a) Membuat laporan polis terhadap kes kehilangan wang tunai sejumlah RM15,750 sebagaimana kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bil. 13 Tahun 2008. Mengambil tindakan tatatertib terhadap mereka yang didapati melakukan kesalahan/kecuaian.
- b) Meningkatkan kawalan dalaman dalam penyediaan dokumen kewangan bagi memastikan peraturan kewangan yang berkuat kuasa dipatuhi dan rekod diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.
- c) Memastikan kajian semula kes dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan iaitu dua bulan sebelum tamat tempoh kelulusan.
- d) Memastikan pemantauan secara fizikal dijalankan oleh PKMD terhadap penerima bantuan selepas bantuan diberikan terutamanya Bantuan Membina/Membalik Rumah.

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU TERENGGANU

7. PENGURUSAN HARTA WAKAF

7.1 LATAR BELAKANG

7.1.1 Mengikut Seksyen 63 Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 1422H/2001M, Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) dipertanggungjawabkan sebagai pentadbir tunggal wakaf bagi seluruh Negeri Terengganu. MAIDAM menubuhkan Unit Wakaf dan Sumber Am untuk mengurus dan memajukan harta wakaf untuk mendapatkan hasil dan manfaat kepada pewakaf dan masyarakat Islam.

7.1.2 Wakaf ialah pemberian harta daripada orang awam seperti tanah, bangunan dan wang kepada Nazir Wakaf (Pemegang Amanah) untuk kebaikan pihak yang ditentukan serta masyarakat Islam secara keseluruhannya. Harta wakaf terbahagi kepada dua jenis iaitu Wakaf Ahli (Wakaf Keluarga) dan Wakaf Khairi (Kebajikan). Wakaf Ahli dikhatususkan manfaatnya kepada ahli keluarga dan keturunannya. Wakaf Khairi terbahagi kepada Wakaf Khas dan Wakaf Am. Wakaf Khas adalah wakaf yang telah ditentukan penggunaannya oleh pewakaf dan manfaatnya hanya boleh digunakan untuk tujuan yang telah dikhaskan sahaja. Manakala Wakaf Am adalah wakaf yang tidak dikhaskan bagi tujuan tertentu dan boleh diusahakan untuk apa jua pembangunan yang memberikan pulangan kepada MAIDAM dan manfaat kepada masyarakat Islam.

7.1.3 Harta wakaf yang ditadbirkan oleh MAIDAM terdiri daripada 340 lot tapak masjid, 216 lot tapak surau, 1,040 lot tapak perkuburan Islam serta 371 lot tanah Wakaf Khas dan Wakaf Am. Selain itu, MAIDAM juga mempunyai 30 unit bangunan Wakaf Khas dan Wakaf Am yang terdiri daripada bangunan kediaman, ruang pejabat dan ruang niaga yang disewakan. Anggaran nilai pasaran harta wakaf pada akhir tahun 2009 adalah berjumlah RM19.03 juta.

7.1.4 MAIDAM memperoleh pendapatan daripada harta wakaf melalui beberapa sumber seperti pendapatan sewaan, hibah akaun semasa, keuntungan pelaburan mudarabah dan pelbagai terimaan. Manakala perbelanjaan adalah terdiri daripada penyenggaraan dan pembaikan kecil, perkhidmatan ikhtisas, perhubungan dan utiliti serta lain-lain. Pendapatan dan perbelanjaan Kumpulan Wang Wakaf bagi tahun 2007 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 7.1**.

Jadual 7.1
Pendapatan Dan Perbelanjaan Kumpulan Wang Wakaf
Bagi Tahun 2007 Hingga 2009

Tahun	Pendapatan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratus (%)
2007	676,699	77,017	11.4
2008	442,758	251,516	56.8
2009	415,599	259,886	62.5
Jumlah	1,535,056	588,419	38.3

Sumber: Penyata Kewangan Kumpulan Wang Wakaf MAIDAM

7.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan harta wakaf dilaksanakan dengan cekap, berkesan dan berlandaskan pentadbiran hukum syarak serta digunakan mengikut tujuan diwakafkan.

7.3 SKOP DAN KAEADAH PENGAUDITAN

Pengauditan terhadap pengurusan harta wakaf meliputi tahun 2007 hingga 2009 yang ditumpukan kepada tanah wakaf sedia ada, tanah dan bangunan wakaf yang disewakan. Pengauditan dijalankan di Ibu Pejabat Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu dengan menyemak dokumen dan rekod yang berkaitan. Temu bual dengan pegawai yang terlibat dan lawatan ke beberapa lokasi tanah dan bangunan wakaf di Daerah Kuala Terengganu, Kemaman, Dungun dan Besut juga turut dijalankan.

7.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara November 2009 hingga Februari 2010 mendapati pada umumnya terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan harta wakaf. Antara kelemahan ini ialah harta wakaf tidak diwartakan; harta Wakaf Khas tidak dibangunkan; pencerobohan terhadap harta wakaf tidak diambil tindakan sewajarnya; dan tunggakan sewa sebanyak RM188,619 tidak dikutip. Penjelasan lanjut berhubung dengan perkara ini adalah seperti di perenggan berikut:

7.4.1 Harta Wakaf Tidak Diwartakan

Menurut Seksyen 69 Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 1422H/2001M, MAIDAM hendaklah dengan seberapa segera yang mungkin selepas 31 Disember tiap-tiap tahun menyediakan, mengeluarkan dan menyiarkan dalam Warta satu senarai harta, pelaburan dan aset yang terletak hak kepada MAIDAM, dengan tertakluk kepada mana-mana wakaf, nazar atau amanah dan yang tidak menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang MAIDAM.

Semakan Audit mendapati MAIDAM masih lagi tidak mewartakan kesemua harta wakaf sejak enakmen ini berkuat kuasa. **Jadual 7.2** menunjukkan kedudukan harta wakaf di Negeri Terengganu sehingga 31 Disember 2009.

Jadual 7.2
Kedudukan Harta Wakaf Di Negeri Terengganu Sehingga 31 Disember 2009

Bil.	Daerah	Jenis Wakaf								
		Tanah Wakaf Am & Khas		Tapak Masjid		Tapak Surau		Perkuburan Islam		
		Lot	Luas (Ha)	Lot	Luas (Ha)	Lot	Luas (Ha)	Lot	Luas (Ha)	
1.	Kuala Terengganu	277	88.39	119	23.46	76	6.15	497	137.57	23
2.	Marang	57	18.38	55	12.85	83	14.55	191	120.29	6
3.	Dungun	6	2.66	26	12.20	8	6.11	51	65.25	-
4.	Kemaman	18	4.47	25	7.73	22	5.89	85	143.71	1
5.	Hulu Terengganu	8	8.80	51	19.97	7	0.63	108	93.45	-
6.	Setiu	1	0.19	24	12.93	9	2.76	19	16.81	-
7.	Besut	4	1.35	40	14.52	11	5.63	89	69.74	-
Jumlah		371	124.24	340	103.66	216	41.72	1,040	646.82	30

Sumber: Rekod Harta Wakaf MAIDAM

Tindakan pewartaan tidak diambil kerana pengurusan MAIDAM tidak mengetahui adanya keperluan mewartakan harta wakaf seperti yang termaktub dalam enakmen dan senarai harta wakaf tidak lengkap dan kemas kini. Perkara ini memberi kesan dari aspek peruntukan undang-undang di mana MAIDAM tidak dapat menguatkuasakan tindakan sekiranya berlaku pertelingkahan mengenai status hak milik harta wakaf.

Berdasarkan maklum balas, senarai tanah wakaf tapak masjid telah diluluskan untuk pewartaan oleh Penasihat Undang-Undang Negeri, manakala senarai tanah wakaf yang lain masih dalam proses untuk disiapkan berdasarkan format baru yang disyorkan oleh Unit Audit Dalam sebelum dihantar kepada Setiausaha Kerajaan (SUK) untuk penelitian Penasihat Undang-Undang Negeri sebelum tindakan pewartaan.

Pada pendapat Audit, pewartaan harta wakaf adalah tidak memuaskan kerana pengurusan MAIDAM tidak mengambil tindakan untuk mewartakan harta wakaf seperti yang termaktub dalam enakmen.

7.4.2 Harta Wakaf Khas Tidak Dibangunkan

MAIDAM sebagai pemegang amanah bertanggungjawab membangunkan harta Wakaf Khas sebagaimana yang diamanahkan oleh pewakaf.

Lawatan Audit ke lokasi tanah wakaf mendapati harta Wakaf Khas tidak dibangunkan sebagaimana yang diamanahkan oleh pewakaf seperti berikut:

a) Wakaf Tapak Surau - Lot 1262 GM 183, Kampung Pengkalan Pandan, Mukim Chukai, Kemaman

Tanah seluas 0.301 ekar (1/9 bahagian) ini telah diwakafkan kepada MAIDAM sebagai tanah wakaf tapak surau pada tahun 1971. Pada Mei 2005, satu permohonan telah dibuat oleh Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung (JKKK) Kampung

Pengkalan Pandan bagi mendirikan sebuah bangunan e-Komuniti bagi kemudahan masyarakat setempat di atas tanah wakaf tersebut. Permohonan ini telah ditolak oleh MAIDAM kerana status tanah tersebut iaitu tanah wakaf yang dikhaskan untuk tapak surau. Bagaimanapun, didapati MAIDAM juga telah menangguhkan permohonan penduduk kampung pada 7 Mei 2007 untuk mendirikan surau kerana terdapat sebuah surau sedia ada dan sebuah masjid dalam pembinaan yang jaraknya antara 250 meter hingga 500 meter dari tapak tanah wakaf. Lawatan Audit pada 1 Disember 2009 ke tapak tanah wakaf terlibat mendapati lokasi tanah tersebut dalam keadaan terbiar dan dipenuhi semak samun seperti di **Foto 7.1**.

Foto 7.1
Tanah Wakaf Dipenuhi Semak Samun



*Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Pengkalan Pandan, Kemaman
Tarikh: 1 Disember 2009*

b) Wakaf Tapak Surau - Lot 3258 GM 2481 Dan Lot 3259 GM 2482, Paya Gong Machang, Mukim Sura, Dungun

Tanah wakaf di Lot 3259 GM 2482 telah diwakafkan oleh pemiliknya pada Disember 1986 sebagai wakaf tapak surau. Tanah berkeluasan 359 meter persegi ini terletak di tepi jalan utama Dungun-Kemaman berhadapan dengan pintu masuk ke Sekolah Menengah Teknik Dungun. Manakala tanah wakaf di Lot 3258 GM 2481 telah dibeli oleh MAIDAM dengan harga RM15,000 menggunakan kaedah Istibdal pada Julai 2000. Sumber kewangan bagi pembelian lot tanah ini adalah daripada wang pampasan surau Kampung Sungai Buaya, Dungun yang telah dirobohkan. Rasional pembelian lot tanah ini bertujuan untuk menampung keluasan tanah di Lot 3259 GM 2482 yang tidak mencukupi bagi membina sebuah surau. MAIDAM kemudiannya telah memohon kerjasama Pejabat Daerah Dungun bagi menambun tanah di tapak tersebut serta memohon peruntukan bagi pembinaan surau. Bagaimanapun, pada Oktober 2000, Pejabat Daerah Dungun telah memaklumkan kepada MAIDAM bahawa pembinaan surau tersebut terpaksa ditangguhkan kerana melibatkan kos yang dianggarkan sebanyak RM100,000. Lawatan Audit pada 11 Januari 2010 ke lokasi tersebut mendapati dua lot tanah ini masih dalam keadaan terbiar tanpa dibangunkan mengikut niat asal pewakaf seperti di **Foto 7.2**.

Foto 7.2
Tanah Wakaf Terbiar



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Paya Gong Machang, Dungun
Tarikh: 11 Januari 2010

c) Wakaf Tapak Asrama Anak-anak Yatim - Lot 3032 MG 107, No. 400 Lorong Kanan 2, Jalan Gong Pasir, Mukim Kuala Dungun, Dungun

Tanah berkeluasan 0.25 ekar serta sebuah rumah di atasnya telah diwakafkan oleh pemiliknya pada akhir September 1995 sebagai wakaf tapak asrama anak-anak yatim. Bagi memenuhi niat pewakaf, MAIDAM telah melantik Pertubuhan Kebajikan Anak-anak Yatim Daerah Dungun pada tahun 1996 sebagai wakilnya bagi mengurus rumah tersebut. Bagaimanapun, pertubuhan kebajikan tersebut kekurangan dana bagi menguruskan rumah berkenaan menyebabkan MAIDAM telah membuat keputusan mengambil alih semula rumah itu pada akhir Oktober 1999. Semakan Audit mendapati pada pertengahan Mac 2008 satu kertas kerja telah disediakan bagi cadangan merobohkan rumah tersebut dan menggantikannya dengan membina tiga unit rumah kedai di mana kos yang dianggarkan adalah sebanyak RM200,000. Bagaimanapun, lawatan Audit yang dilakukan pada Januari 2010 mendapati cadangan tersebut masih belum dilaksanakan dan rumah yang pernah menempatkan anak-anak yatim ini telah terbiar seperti di **Foto 7.3** dan **Foto 7.4**.

Foto 7.3

Keadaan Rumah Di Atas Tapak Asrama
Anak-Anak Yatim Yang Terbiar



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Lorong Kanan 2, Jalan Gong Pasir, Dungun

Tarikh: 11 Januari 2010

Foto 7.4



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Lorong Kanan 2, Jalan Gong Pasir, Dungun

Tarikh: 11 Januari 2010

Harta Wakaf Khas tidak dapat dibangunkan kerana MAIDAM terikat dengan syarat wakaf yang menghendaki ianya digunakan untuk tujuan khas seperti mana hasrat pewakaf.

Berdasarkan maklum balas, MAIDAM akan memohon pandangan Jawatankuasa Fatwa bagi tindakan istibdal untuk wakaf tapak surau Lot 1262 GM 183, memohon peruntukan daripada Kerajaan Negeri atau Persekutuan bagi wakaf tapak surau Lot 3258 GM 2481 dan Lot 3259 GM 2482 serta mendapatkan pandangan Jawatankuasa Fatwa bagi cadangan pembinaan tiga unit kedai di wakaf tapak asrama anak-anak yatim Lot 3032 MG 107.

Pada pendapat Audit, pembangunan harta Wakaf Khas tidak dapat dilaksanakan kerana MAIDAM terikat dengan syarat pewakaf.

7.4.3 Pencerobohan Tanah Wakaf

Lawatan Audit pada 26 Januari 2010 ke tapak tanah wakaf di Lot 2313 GM 2763 Kampung Titian Lembut, Mukim Batu Buruk, Kuala Terengganu yang berkeluasan 2,223 meter persegi mendapati terdapat empat buah rumah didirikan secara haram di tapak tanah wakaf tersebut tanpa mendapat kebenaran MAIDAM. Menurut pegawai MAIDAM, rumah-rumah tersebut telah lama didirikan sejak tahun 1960-an dan tindakan tegas sukar diambil kerana penghuni rumah tersebut menghendaki MAIDAM membayar ganti rugi ataupun menyediakan tapak rumah yang lain terlebih dahulu sebelum mereka bersetuju keluar dari kawasan tersebut. Sehingga kini tiada sebarang tindakan diambil oleh MAIDAM ke atas penceroboh tanah wakaf tersebut seperti di **Foto 7.5**.

Foto 7.5
Rumah Didirikan Tanpa Kebenaran



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Titian Lembut, Kuala Terengganu
Tarikh: 26 Januari 2010

Pencerobohan yang dilakukan bukan sahaja mengakibatkan tujuan asal tanah tersebut diwakafkan oleh pemilik asalnya tidak tercapai bahkan secara tidak langsung menyekat kemajuan pembangunan di tanah wakaf tersebut. Keadaan ini berlaku kerana tiada pemantauan secara berkala dilakukan bagi memastikan tiada pencerobohan berlaku ke atas setiap harta wakaf. Pemantauan hanya dilakukan berdasarkan aduan orang ramai.

Berdasarkan maklum balas, MAIDAM tidak akan mengambil tindakan mengusir penghuni yang menetap di situ sehingga tapak berkenaan sah untuk dibangunkan kerana mereka merupakan fakir miskin dan alternatif yang lain adalah dengan memindahkan mereka ke penempatan fakir dan miskin yang dalam pembinaan di Kampung Banggol Peradong, Manir, Kuala Terengganu. MAIDAM juga sedang mengumpul data melalui siasatan bagi tanah wakaf yang lain dan sekiranya ada berlaku pencerobohan, tindakan susulan akan diambil mengikut keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Zakat, Wakaf Dan Baitulmal.

Pada pendapat Audit, pemantauan harta wakaf tidak memuaskan kerana tidak berupaya mencegah pencerobohan ke atas tanah wakaf.

7.4.4 Tunggakan Sewa Tidak Dikutip


Pendapatan daripada sewaan harta wakaf diperoleh menerusi sewaan bangunan (bulanan), tanah (bulanan) dan tanah (tahunan). Bagi tahun 2007 hingga 2009, pendapatan daripada sewaan harta wakaf menyumbang masing-masing sejumlah RM210,503 (31.1%), RM245,321 (55.4%) dan RM269,276 (64.8%) daripada keseluruhan pendapatan Kumpulan Wang Wakaf seperti di **Jadual 7.3** dan **Carta 7.1**.

Jadual 7.3
Pendapatan Harta Wakaf Bagi Tahun 2007 Hingga 2009

Bil.	Pendapatan	Tahun			Jumlah (RM)
		2007 (RM)	2008 (RM)	2009 (RM)	
1.	Sewaan: a) Bangunan Kediaman/Pejabat/Asrama b) Tanah (Bulanan) c) Tanah (Tahunan)	127,780 43,404 39,319	152,000 47,916 45,405	77,200 52,534 39,542	456,980 143,854 124,266
	Jumlah Pendapatan Sewaan	210,503	245,321	269,276	725,100
2.	Hibah Akaun Semasa	43,930	51,298	41,004	136,232
3.	Keuntungan Pelaburan Mudharabah	62,388	43,501	19,330	125,219
4.	Pelbagai Terimaan	359,878	102,638	85,989	548,505
	Jumlah Pendapatan Harta Wakaf	676,699	442,758	415,599	1,535,056
	Peratus (%)	31.1	55.4	64.8	

Sumber: Penyata Kewangan MAIDAM

Carta 7.1
Pendapatan Harta Wakaf Bagi Tahun 2007 Hingga 2009



Sumber: Penyata Kewangan MAIDAM

Berdasarkan para 5(a) dalam perjanjian sewa antara MAIDAM dan penyewa, MAIDAM berhak memasuki dan mengambil balik premis yang disewa dengan menghantar satu bulan notis kepada penyewa sekiranya mereka gagal menjelaskan sewa dalam tempoh 14 hari dari tarikh sepatutnya dibayar.

Semakan Audit mendapati sehingga 31 Disember 2009, terdapat seramai 475 penyewa harta wakaf MAIDAM. Jumlah keseluruhan bayaran sewa yang masih tertunggak sehingga 31 Disember 2009 adalah sejumlah RM188,619 seperti di **Jadual 7.4**.

Jadual 7.4
Tuggakan Sewa Harta Wakaf Pada 31 Disember 2009

Bil.	Jenis Sewa	Bilangan Penyewa	Penyewa Yang Mempunyai Tuggakan	
			Bilangan Penyewa	Jumlah Tuggakan Sewa (RM)
1.	Bangunan/Rumah(Bulanan)	33	13	42,630
2.	Tanah (Bulanan)	39	16	19,708
3.	Tanah (Tahunan)	403	159	126,281
Jumlah		475	188	188,619

Sumber: Rekod Sewa MAIDAM

Semakan Audit terhadap 33 fail tunggakan sewa mendapati dua penyewa telah dihadapkan ke mahkamah majistret, 13 penyewa telah diberi peringatan menerusi notis tuntutan sewa dan 18 penyewa tidak diambil sebarang tindakan.

Tuggakan sewa berlaku kerana tidak ada pengawasan berkala dan penguatkuasaan perjanjian sewa terhadap sebahagian penyewa yang enggan membayar sewa. Perkara ini menyebabkan MAIDAM kehilangan hasil sewaan.

Berdasarkan maklum balas, MAIDAM sentiasa mengeluarkan notis peringatan dan bil tuntutan sewa setiap bulan bagi mengatasi masalah kutipan sewa tertunggak serta membuat kutipan setempat di lokasi sewaan bagi memudahkan pembayaran sewaan.

Pada pendapat Audit, tindakan kutipan tunggakan sewa perlu dipertingkatkan bagi memastikan MAIDAM tidak mengalami kerugian hasil.

7.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, pengurusan harta wakaf perlu dipertingkatkan kerana terdapat beberapa kelemahan seperti harta wakaf tidak diwartakan, harta Wakaf Khas tidak dibangunkan, pencerobohan terhadap harta wakaf tidak diambil tindakan dan tunggakan sewa yang tidak dikutip. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan adalah disyorkan supaya MAIDAM mengambil tindakan seperti berikut:

- a) Mewartakan semua harta wakaf selaras dengan kehendak Seksyen 69 Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 1422H/2001M.
- b) Menyediakan rancangan pembangunan harta wakaf yang lebih spesifik dan teratur bagi menunaikan niat pewakaf dan mengelakkan terbiarnya harta wakaf.
- c) Mengkaji konsep Istibdal dalam pembangunan harta Wakaf Khas.
- d) Memantau setiap harta wakaf secara berkala bagi mengelakkan kegiatan pencerobohan serta mengambil tindakan yang tegas terhadap penceroboh harta wakaf.
- e) Mengambil tindakan pengawasan dan penguatkuasaan perjanjian bagi membuat kutipan sewa supaya tidak berlaku tunggakan.



BAHAGIAN II

PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

BAHAGIAN II **PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI**

8. PENDAHULUAN

Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan atau sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan/Negeri/Agenzi Kerajaan Negeri. Bagaimanapun, pengauditan terhadap syarikat berkenaan hanya boleh dijalankan setelah mendapat perintah daripada Yang di-Pertuan Agong. Perintah Audit (Akaun Syarikat) Pindaan 2009 telah memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit syarikat Agenzi Kerajaan Negeri Terengganu. Pada tahun 2009, Jabatan Audit Negara telah memilih untuk mengaudit dua syarikat Kerajaan Negeri iaitu TOP IT Industries Sdn. Bhd. dan Permint Suterasemai Sdn. Bhd..

YAYASAN PEMBANGUNAN KELUARGA TERENGGANU

9. TOP IT INDUSTRIES SDN. BHD.

9.1 LATAR BELAKANG

9.1.1 TOP IT Industries Sdn. Bhd. (Syarikat) adalah syarikat milik penuh Yayasan Pembangunan Keluarga (YPK) Terengganu. Syarikat ini telah ditubuhkan dengan nama Solsis-YPK (TERENGGANU) Sdn. Bhd. pada 29 Julai 1993 dan telah ditukar nama kepada TOP IT Industries Sdn. Bhd. pada Mei 1998 setelah mengambil alih saham Syarikat Solsis (M) Sdn. Bhd..

9.1.2 Syarikat ini mempunyai empat orang Ahli Lembaga Pengarah yang terdiri daripada Pengarah YPK Terengganu (Pengerusi), Pengarah Unit Pengurusan Maklumat Negeri (UPMN), Timbalan Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan Pengarah Eksekutif Syarikat. Pengurusan Syarikat diketuai oleh Pengarah Eksekutif dan dibantu oleh 54 orang kakitangan.

9.1.3 Kegiatan utama Syarikat ini ialah membangunkan produk *software* dan multimedia, pembekalan komputer riba, latihan dan perundingan. Sebagai sebuah Syarikat Sdn. Bhd. yang dimiliki oleh Kerajaan, Syarikat ini perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 1965 dan peraturan lain yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan dari semasa ke semasa.

9.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada Syarikat TOP IT Industries Sdn. Bhd. telah diuruskan dengan teratur dan cekap serta mencapai objektif yang ditetapkan.

9.3 SKOP DAN KAEADAH PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan terhadap pengurusan Syarikat ini meliputi aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat bagi tahun 2007 hingga 2009. Semakan Audit dilakukan terhadap dokumen, fail serta rekod berkaitan. Di samping itu, temubual dengan pegawai berkenaan dan lawatan ke sekolah-sekolah rendah di Daerah Kuala Terengganu, Besut dan Kemaman juga turut dilakukan.

9.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara Disember 2009 hingga April 2010 mendapati prestasi Syarikat menunjukkan kedudukan kewangan yang memuaskan kerana memperoleh keuntungan semasa sejumlah RM2.85 juta pada tahun 2009 berbanding kerugian pada tahun 2008 sejumlah RM102,495. Syarikat ini memperoleh keuntungan terkumpul berjumlah RM0.87 juta serta nilai ekuiti berjumlah RM2.07 juta pada tahun 2009. Aktiviti utama Syarikat ini ialah membangunkan projek pembekalan komputer riba iaitu *eBook* kepada murid sekolah. Pelaksanaan projek ini boleh dipertingkatkan lagi dengan mengambil tindakan terhadap beberapa kelemahan seperti kelewatan penghantaran *eBook*; kadar murid-murid yang membawa *eBook* ke sekolah masih rendah; manakala kadar kerosakan *eBook* pula adalah tinggi. Penjelasan lanjut berhubung dengan prestasi kewangan dan pengurusan aktiviti serta tadbir urus Syarikat ini adalah seperti berikut:

9.4.1 Prestasi Kewangan

Syarikat ini telah menyediakan penyata kewangan menurut Piawaian Pelaporan Bagi Entiti Persendirian dan peruntukan Akta Syarikat 1965. Analisis terhadap penyata kewangan Syarikat ini adalah seperti berikut:

a) Analisis Penyata Kewangan Secara Keseluruhan

Analisis terhadap penyata kewangan Syarikat ini mendapati pendapatan tahun 2009 meningkat sebanyak 30,311% dengan jumlah pendapatan RM27.37 juta berbanding RM90,000 pada tahun 2008. Bagaimanapun, perbelanjaan tahun 2009 meningkat sebanyak 12,636% berjumlah RM24.52 juta berbanding tahun 2008 berjumlah RM192,495. Peningkatan ini adalah selari dengan jumlah peningkatan pendapatan. Syarikat ini memperolehi keuntungan bersih pada tahun 2009 berjumlah RM2.85 juta. Sementara itu, ianya mempunyai aset berjumlah RM3.46 juta berbanding liabiliti berjumlah RM1.39 juta pada tahun 2009. Ini menunjukkan Syarikat ini mempunyai lebihan ekuiti pemegang saham sebanyak RM2.07 juta. Manakala ianya telah memperoleh keuntungan terkumpul berjumlah RM0.87 juta pada tahun 2009 berbanding kerugian terkumpul berjumlah RM1.98 juta pada tahun 2008.


- b) Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta untung rugi Syarikat bagi tahun kewangan 2007 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 9.1**, **Carta 9.1** dan **Carta 9.2**.

Jadual 9.1
Ringkasan Kedudukan Kewangan Bagi Tahun 2007 Hingga 2009

Butiran	Tahun		
	2007 (RM)	2008 (RM)	2009 (RM)
Pendapatan	85,323	90,000	27,364,200
Perbelanjaan Operasi	66,142	77,177	23,920,050
Untung Kasar	19,181	12,823	3,444,150
Pendapatan Lain	775,432	-	5,915
Perbelanjaan Am Dan Pentadbiran	17,574	114,788	592,661
Untung/(Rugi) Operasi	777,039	(101,965)	2,857,404
Kos Kewangan	-	530	2,787
Untung/(Rugi) Sebelum Cukai	777,039	(102,495)	2,854,617
Cukai	-	-	-
Untung/(Rugi) Bersih	777,039	(102,495)	2,854,617


Sumber: Jabatan Audit Negara

Carta 9.1
Keuntungan Bagi Tahun Kewangan 2007 Hingga 2009



Sumber: Penyata Kewangan TOP IT Industries Sdn. Bhd.

Carta 9.2
Pendapatan Dan Perbelanjaan Bagi Tahun Kewangan 2007 Hingga 2009



Sumber: Penyata Kewangan TOP IT Industries Sdn. Bhd.

c) Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan Syarikat ini beberapa nisbah kewangan telah dianalisis terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan Syarikat bagi tahun kewangan 2007 hingga 2009. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti di **Jadual 9.2**.

Jadual 9.2
Hasil Analisis Nisbah Kewangan Bagi Tahun 2007 Hingga 2009

Butiran	Tahun		
	2007	2008	2009
Nisbah Semasa	0.11:1	0.18:1	1.3:1
Nisbah Keuntungan Kasar	22%	14%	13%
Nisbah Margin Keuntungan Bersih	2%	(114%)	10%
Nisbah Pulangan Atas Aset	1.1%	(18%)	83%
Nisbah Pulangan Atas Ekuiti	0.2%	(8.5%)	141%

Sumber: Jabatan Audit Negara

i) Nisbah Semasa

Nisbah semasa dikira dengan membandingkan aset semasa dengan liabiliti semasa. Nisbah ini digunakan bagi menentukan sejauh mana kemampuan aset semasa Syarikat boleh ditukar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek Syarikat. Pada amnya nisbah 2:1 dianggap memuaskan dan semakin tinggi nisbah ini, semakin meningkat kecairan Syarikat. Berdasarkan kepada **Jadual 9.2** di atas, nisbah semasa meningkat menjadi 0.18 kali pada tahun 2008 berbanding 0.11 kali pada tahun 2007 dan terus meningkat pada tahun 2009 menjadi 1.3 kali. Nisbah semasa 1.3:1 pada tahun 2009 menunjukkan Syarikat ini berada dalam keadaan kecairan kurang memuaskan yang hanya mampu untuk membayar tanggungan jangka pendek.

ii) Nisbah Keuntungan

Nisbah keuntungan digunakan bagi mengukur prestasi Syarikat dalam menjana keuntungan dan memberi gambaran terhadap prestasi operasi Syarikat dan risiko yang dihadapi oleh Syarikat ini. Peningkatan nisbah ini menunjukkan meningkatnya kecekapan sesebuah Syarikat ini di mana setiap ringgit kenaikan pendapatan, ia memberi kesan langsung dan nilai tambah terhadap keuntungan Syarikat. Ianya diukur dengan menggunakan dua nisbah berikut:

- **Nisbah Keuntungan Kasar** - Nisbah keuntungan kasar dikira berdasarkan perbezaan antara jualan dan kos barang dijual. Keuntungan kasar penting kepada Syarikat kerana ia merupakan wang lebihan bagi membiayai kos operasi, kos kewangan dan cukai. Keuntungan kasar Syarikat ini menurun sedikit kepada 13% pada tahun 2009 berbanding tahun sebelumnya iaitu 14%.
- **Nisbah Margin Keuntungan Bersih** - Margin keuntungan bersih pada tahun 2009 meningkat kepada 10% berbanding kerugian sebanyak 114% pada tahun sebelumnya. Syarikat ini mengalami kekurangan pendapatan pada tahun 2008 disebabkan ianya baru memulakan operasi pada Jun tahun berkenaan.

Pendapatan pada tahun 2008 tidak selari dengan kos pentadbiran dan lain-lain perbelanjaan kendalian seperti ganjaran dan elauan pengarah, gaji dan elauan pekerja serta latihan dan seminar.

iii) Nisbah Pulangan Atas Aset

Nisbah pulangan aset mengukur pulangan yang diperoleh oleh Syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Semakin tinggi pulangan aset yang diperoleh dari setiap aset yang digunakan semakin cekap Syarikat menguruskan asetnya. Berdasarkan perkiraan Audit, didapati tahap kecekapan Syarikat ini menguruskan asetnya pada tahun 2009 menunjukkan peningkatan yang positif berbanding tahun sebelumnya.

iv) Nisbah Pulangan Atas Ekuiti

Nisbah pulangan ekuiti mengukur pulangan ke atas jumlah modal Syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan, semakin cekap Syarikat menguruskan modalnya. Berdasarkan perkiraan Audit didapati tahap kecekapan Syarikat ini menguruskan modalnya pada tahun 2009 menunjukkan peningkatan yang ketara berbanding tahun sebelumnya.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan Syarikat ini adalah lebih baik pada tahun 2009 berbanding tahun 2008. Prestasi kewangan berasaskan analisis nisbah yang dibuat memberikan gambaran yang memuaskan terhadap kedudukan kewangan Syarikat. Justeru itu, pihak pengurusan hendaklah mengambil langkah yang berkesan supaya kedudukan kewangan ini dapat dipertingkatkan lagi pada masa hadapan.

9.4.2 Pengurusan Aktiviti

Syarikat ini telah melaksanakan tiga projek utama iaitu Terengganu *Brilliant KIDS-TB KIDS*, Projek Sistem *SCORE A* dan Projek Pembekalan Komputer Riba iaitu *eBook*. Bagi tujuan pengauditan, aktiviti bagi Projek *eBook* telah dipilih.

Pada Januari 2009, Kerajaan Negeri telah bersetuju memberi secara berperingkat sebuah *eBook* kepada setiap murid sekolah rendah bermula dengan murid di Tahun Lima. Tujuan pemberian *eBook* kepada murid-murid sekolah rendah adalah untuk meringankan beban membawa buku teks ke sekolah di samping memberi pendedahan awal kepada teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). *eBook* ini akan berfungsi sebagai buku teks kepada murid-murid tersebut.

Bagi melaksanakan projek ini, Kerajaan Negeri Terengganu melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Kali Ke 5/2008 yang bermesyuarat pada 12 Ogos 2008 telah meluluskan pembinaan kilang berserta peralatan dengan kos RM8.5 juta. Kilang ini ditadbir dan diurus oleh Syarikat TOP IT Industries Sdn. Bhd. yang dilantik oleh Kerajaan Negeri bagi membekal *eBook*. Seterusnya mesyuarat MMKN Kali Ke 2/2009 pada 14 Januari 2009 pula

telah meluluskan peruntukan berjumlah RM24.98 juta bagi pengurusan dan pemasangan eBook. Bentuk eBook adalah seperti di **Foto 9.1**.

Foto 9.1
eBook



Sumber: TOP IT Industries Sdn. Bhd.
Lokasi: Kilang TOP IT Industries Sdn. Bhd.
Tarikh: 15 Mac 2010

a) **Pembinaan Kilang Pemasangan eBook**

Pembinaan kilang bagi pemasangan eBook telah siap sepenuhnya pada 15 Mei 2009 yang terletak di kawasan Perindustrian Gong Badak, Kuala Terengganu dan tempoh liabiliti kecacatan adalah selama 24 bulan. Mengikut Klausus 14 dalam syarat Kontrak Pembinaan Bangunan Secara Reka Dan Bina, kontraktor adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap reka bentuk, pelaksanaan dan juga penyenggaraan untuk projek ini selama lima tahun bermula selepas perakuan siap kerja. Kontraktor hendaklah menyediakan Jaminan Bank untuk reka bentuk tersebut. Setakat tarikh pengauditan dijalankan didapati tidak ada Jaminan Bank untuk reka bentuk pembinaan kilang berkenaan dikemukakan.

Berdasarkan laporan yang disediakan oleh Juru Perunding Arkitek pembinaan kilang bertarikh 4 Disember 2009 telah melaporkan berlaku kebocoran pada dinding, *steel column* dan siling. Selain itu, terdapat juga keretakan pada dinding dan penghawa dingin yang tidak berfungsi dengan baik. Laporan ini menyatakan kebocoran berlaku kemungkinan berpunca daripada kegagalan *waterproofing* pada bumbung rata dengan penyambungan antara *steel column* dan dinding batu bata. Memandangkan masalah ini adalah serius, maka pihak Konsultan Arkitek mencadangkan tindakan segera dilakukan oleh kontraktor yang perlu dirujuk kepada Konsultan Struktur bagi mendapatkan pandangan. Lawatan Audit ke kilang ini pada 15 Mac 2010 mendapati kerja pembaikan ada dilakukan oleh pihak kontraktor bagi mengatasi masalah tersebut seperti di **Foto 9.2** dan **Foto 9.3**.

Foto 9.2
Bangunan Yang Masih Dalam Pembaikan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kilang TOP IT Industries Sdn. Bhd.
Tarikh: 15 Mac 2010

Foto 9.3
Saluran Untuk Mengeluarkan Air Yang Bertakung



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kilang TOP IT Industries Sdn. Bhd.
Tarikh: 15 Mac 2010

Semakan Audit mendapati pelan bangunan kilang belum mendapat kelulusan daripada Jabatan Bomba Dan Penyelamat dan tidak mempunyai Sijil Akuan Kelayakan Menduduki Bangunan (SAKMB) daripada Majlis Bandaraya Kuala Terengganu. Bagaimanapun, kilang ini telah digunakan untuk menjalankan operasi Syarikat ini.

Berdasarkan maklum balas, Syarikat akan mengambil tindakan yang sewajarnya mengenai kelulusan pelan bangunan kilang daripada Jabatan Bomba Dan Penyelamat dan kelulusan SAKMB daripada Majlis Bandaraya Kuala Terengganu.

Pada pendapat Audit, sebagai sebuah anak syarikat Kerajaan adalah sewajarnya ianya menunjukkan contoh yang baik dari segi pematuhan undang-undang.

b) Kelewatan Penghantaran eBook

Mengikut jadual penghantaran yang dikeluarkan oleh Syarikat ini, eBook akan dihantar kepada pihak sekolah mengikut masa yang telah ditetapkan. Semakan Audit mendapati berlaku kelewatan penghantaran eBook antara 63 hingga 180 hari. Kelewatan ini menyebabkan murid-murid lambat mendapat faedah daripada penggunaan eBook. Jadual penghantaran eBook adalah seperti di **Jadual 9.3**.

Jadual 9.3
Kelewatan Penghantaran eBook

Pesan (Unit)	Tarikh Sepatutnya Dihantar	Tarikh Dihantar	Kelewatan (Hari)
15,000	14.4.2009	16.6.2009-23.7.2009	63-100
10,000	25.7.2009	2.11.2009-20.1.2010	98-180

Sumber: Syarikat TOP IT Industries Sdn. Bhd.

c) Pertikaian Hak Cipta Perisian

Semakan Audit mendapati Syarikat ini telah membeli perisian sistem Ensiklopedia Al-Quran daripada Syarikat Alpha Soft Synergy. Bagaimanapun, perisian tersebut telah

didakwa oleh Al-Tasneem Sdn. Bhd. yang mengatakan Syarikat ini telah meniru hak cipta miliknya dan telah memfaillkan tuntutan di mahkamah bagi menuntut ganti rugi. Syarikat ini telah melantik Tetuan Dennis Nik And Wong dan membayar cagaran pembelaan berjumlah RM847,500. Jika Syarikat gagal dalam pembicaraan, maka ianya akan terdedah kepada risiko ganti rugi yang mengakibatkan kerugian.

Berdasarkan maklum balas, Syarikat ini telah mengambil langkah berhati-hati dalam pemilihan pembekal perisian. Kes saman terhadap Syarikat ini dalam proses injunksi dan wang cagaran sebanyak RM847,500 dalam proses dikembalikan kepada Syarikat.

d) Kerosakan eBook

i) Kerosakan Semasa Simpanan Di Dalam Stor

Secara umumnya, peralatan komputer hendaklah disimpan di tempat dan suhu yang sesuai. Semakan Audit terhadap minit mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat Bil. 5/2009 mendapati eBook disimpan di dalam bilik stor yang suhunya tidak sesuai dengan peralatan dan perkakasan komputer. Ini mengakibatkan sebanyak 139 unit eBook telah mengalami kerosakan.

ii) Kerosakan Selepas Pemberian Kepada Murid-Murid

Berdasarkan kad jaminan eBook, Syarikat ini memberi jaminan selama satu tahun dari tarikh penerimaan eBook oleh pihak sekolah. Semakan Audit mendapati antara Jun 2009 hingga Mac 2010 sebanyak 3,389 unit atau 14.4% daripada 23,431 unit eBook yang dibekalkan kepada murid-murid telah rosak dan dikembalikan kepada Syarikat ini untuk dibaiki. Daripada jumlah tersebut sebanyak 2,699 unit eBook atau 79.6% masih dalam tempoh jaminan dan pembaikannya ditanggung oleh Syarikat ini. Manakala sebanyak 690 unit eBook pula adalah disebabkan kecuaian murid-murid dan mereka perlu membayar sendiri kos pembaikan yang dianggarkan antara RM5 hingga RM480. Sebahagian besar perkakasan eBook yang rosak adalah seperti *keyboard*, *motherboard*, skrin *LCD*, bateri dan *adaptor*. **Foto 9.4** menunjukkan sebahagian eBook yang dikembalikan kepada Syarikat ini untuk pembaikan.

Foto 9.4
Sebahagian eBook Yang Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kilang TOP IT Industries Sdn. Bhd.
Tarikh: 15 Mac 2010

Berdasarkan maklum balas, Syarikat ini telah menambah dua unit penghawa dingin tiga kuasa kuda di dalam stor bagi mengelak kerosakan semasa simpanan. Manakala kerosakan eBook sama ada perkakasan atau perisian selepas pemberian kepada murid-murid adalah disebabkan cara pengendalian oleh murid-murid dan instalasi program-program yang bukan disertakan bersama eBook yang tidak ditanggung oleh Syarikat dan tidak termasuk dalam jaminan satu tahun.

e) Tinjauan Audit Secara Rambang Ke Sekolah-Sekolah Yang Dipilih

Lawatan Audit ke 12 buah sekolah yang dipilih secara rambang di Daerah Kuala Terengganu, Besut dan Kemaman telah dijalankan antara Mac dan April 2010. Tujuan tinjauan ini adalah untuk mengkaji keberkesanan penggunaan eBook di sekolah. Sejumlah 908 orang murid Tahun Enam telah ditemui bual secara bersama dengan guru yang terlibat bagi mendapat maklum balas penggunaan eBook. Hasil daripada temu bual tersebut mendapati **hanya seramai 165 atau 18.2% daripada 908 orang murid yang membawa eBook ke sekolah**. Maklumat terperinci hasil temu bual tersebut adalah seperti di **Jadual 9.4**. Manakala **Foto 9.5** menunjukkan eBook yang sedang digunakan oleh murid di sekolah.

Jadual 9.4
Jumlah Murid Yang Membawa eBook Ke Sekolah

Bil.	Nama Sekolah	Tarikh Lawatan Penuh 2010	Bilangan Murid Ditemubual			Peratus Murid Yang Membawa eBook (%)
			Membawa eBook	Tidak Membawa eBook	Jumlah	
1.	Sek. Keb. Sultan Sulaiman 1	8.3.2010	58	31	89	65.2
2.	Sek. Keb. Manir	8.3.2010	13	59	72	18.1
3.	Sek. Keb. Telok Menara	8.3.2010	0	51	51	0
4.	Sek. Keb. Kompleks Gong Badak	14.4.2010	13	45	58	22.4
5.	Sek. Keb. Tok Jiring	14.4.2010	0	128	128	0
6.	Sek. Keb. Tengku Mahmud	15.4.2010	6	105	111	5.4
7.	Sek. Keb. Tengku Mahmud II	15.4.2010	13	81	94	13.8
8.	Sek. Keb. Apal	15.4.2010	6	29	35	17.1
9.	Sek. Keb. Kijal	14.4.2010	39	68	107	36.4

Bil.	Nama Sekolah	Tarikh Lawatan	Bilangan Murid Ditemubual			Peratus Murid Yang Membawa eBook (%)
			Membawa eBook	Tidak Membawa eBook	Jumlah	
10.	Sek. Keb. Seri Iman	15.4.2010	7	55	62	11.3
11.	Sek. Keb. Cheneh Baru	15.4.2010	8	75	83	9.6
12.	Sek. Keb. Cheneh Baru 2	15.4.2010	2	16	18	11.1
Jumlah			165	743	908	18.2

Sumber: Jabatan Audit Negara

Foto 9.5
Penggunaan eBook Oleh Murid



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sekolah Kebangsaan Manir,
Kuala Terengganu
Tarikh: 8 Mac 2010

Pihak Audit dimaklumkan terdapat beberapa sebab kurangnya murid-murid membawa eBook ke sekolah seperti berikut:

- i) Bateri eBook cepat habis dan hanya boleh bertahan selama satu jam penggunaan serta kurang kemudahan mengecas semula bateri disediakan di sekolah.
 - ii) Bimbang berlakunya kehilangan eBook semasa di sekolah.
 - iii) Rumit membuat latihan dan catatan ringkas.
 - iv) Guru masih menggunakan buku teks kerana tidak dibekalkan dengan eBook.
- f) **Kajian Tahap Penerimaan eBook Di Kalangan Ibu Bapa, Pelajar Dan Guru Sekolah Di Negeri Terengganu Oleh Universiti Malaysia Terengganu (UMT)**

Bagi menyokong kejayaan pelaksanaan Projek eBook, satu pasukan penyelidik dari UMT telah membuat satu kajian tahap penerimaan eBook di kalangan ibu bapa, pelajar dan guru-guru di Negeri Terengganu. Objektif kajian adalah untuk mengkaji tahap penerimaan ibu bapa, pelajar dan guru terhadap penggunaan eBook serta keberkesanan eBook dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Sejumlah 300 responden telah dipilih yang terdiri daripada ibu bapa, pelajar dan guru. Antara hasil kajian yang diperoleh adalah seperti berikut:

- i) 78.2% daripada ibu bapa bersetuju penggunaan eBook dapat mengurangkan beban membawa buku teks.
- ii) 92.5% daripada ibu bapa bersetuju menyatakan program eBook merangsang celik komputer di kalangan ahli keluarga mereka.
- iii) 84.5% daripada guru bersetuju program eBook patut diteruskan di masa hadapan dan berpuas hati terhadap pelaksanaan penggunaan eBook di sekolah.
- iv) 62.9% daripada guru tidak berpuas hati dengan perkakasan eBook dan ada di kalangan guru masih lagi tidak dibekalkan dengan eBook.
- v) 35.6% daripada guru mengatakan mereka tidak mendapat latihan dengan baik.
- vi) Masalah yang sering berlaku di kalangan pelajar adalah eBook yang mudah rosak dan didapati 73.6% berpunca daripada serangan virus.

Hasil kajian tersebut juga memberi cadangan berikut bagi meningkatkan lagi kejayaan Projek eBook iaitu:

- i) Pemberian eBook dan latihan yang berterusan kepada guru.
- ii) Meningkatkan tahap kesedaran penggunaan eBook kepada pelajar-pelajar yang menyalahgunakan kemudahan eBook serta memberi pendedahan terhadap cara penjagaan eBook yang sewajarnya agar tidak menjelaskan kegunaannya.
- iii) Penyediaan lokasi atau ruang khas yang selamat untuk menyimpan eBook bagi mengelakkan kes kehilangan eBook.
- iv) Penyediaan lokasi untuk menyelenggarakan eBook dan peralatan yang menyokong penggunaannya.

Pada pendapat Audit, tahap penggunaan e-Book oleh kumpulan sasaran yang amat rendah telah menjelaskan objektif dan pencapaian projek untuk jangka panjang. Sekiranya perkara-perkara yang dicadangkan ini tidak diberi perhatian, ianya akan menjelaskan objektif pemberian eBook kepada murid-murid sekolah. Tujuan pemberian eBook untuk menggantikan buku teks bagi pengajaran dan pembelajaran tidak akan tercapai sepenuhnya.

9.4.3 Tadbir Urus Korporat

a) Struktur Organisasi

Struktur organisasi Syarikat ini diketuai oleh seorang Pengarah Eksekutif yang bertanggungjawab melaporkan hal ehwal pengurusan Syarikat kepada Lembaga Pengarah dan dibantu oleh dua orang kakitangan yang bertanggungjawab di Bahagian Pentadbiran dan Bahagian Projek. Bagaimanapun sehingga tahun 2009, Syarikat ini mempunyai 54 orang kakitangan dan bertanggungjawab kepada tujuh bahagian.

b) Mesyuarat Lembaga Pengarah

Syarikat ini tidak menetapkan jumlah kekerapan mesyuarat Lembaga Pengarah yang perlu diadakan pada setiap tahun. Mesyuarat diadakan mengikut keperluan dan kepentingan perkara-perkara untuk dibincangkan dan mengikut Surat Pekeliling Am Bil.

3 Tahun 1998 menggariskan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah perlu diadakan sekurang-kurangnya setiap tiga bulan iaitu empat kali setahun. Pada tahun 2008, Syarikat ini telah mengadakan tiga kali mesyuarat, manakala tahun 2009 sebanyak lapan kali mesyuarat. Di antara perkara yang dibincangkan ialah pelantikan Pengarah Eksekutif, penubuhan jawatankuasa kecil, aktiviti dan projek perniagaan Syarikat dan kedudukan kewangan.

Berdasarkan maklum balas, Syarikat ini telah menetapkan kekerapan mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah sebanyak tiga bulan sekali iaitu empat kali setahun.

c) Garis Panduan Dan Prosedur Kerja

Garis panduan atau prosedur kerja yang lengkap dan menyeluruh dapat menyeragamkan urusan dan operasi harian sesebuah syarikat. Ini dapat memudahkan dan menyegerakan pihak pengurusan dalam mengambil sesuatu tindakan. Garis panduan yang berkesan mampu mempertingkatkan lagi produktiviti sesebuah syarikat. Semakan Audit mendapati Syarikat ini ada menyediakan prosedur kerja bahagian pentadbiran dan sumber manusia serta *standard financial procedures/standard practice*. Ianya didapati tidak menjadikan peraturan dan arahan Kerajaan seperti Arahan Perbendaharaan, Akta Prosedur Kewangan, Pekeliling dan Surat Pekeliling Perbendaharaan sebagai rujukan khusus bagi perkara-perkara berkaitan pengurusan sumber manusia dan kewangan.

Berdasarkan maklum balas, Syarikat ini telah mengarahkan setiap ketua jabatan menyediakan garis panduan untuk jabatan masing-masing semasa mesyuarat pengurusan pada Oktober dan November 2009. Syarikat ini sedang memperbaiki kelemahan yang dinyatakan.

d) Jawatankuasa Audit Dan Unit Audit Dalam

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993 menetapkan bahawa Jawatankuasa Audit perlu diwujudkan untuk memelihara kepentingan kerajaan sebagai pemegang saham melalui kawalan dan pengawasan ke atas pengurusan syarikat serta mengawasi semua fungsi Unit Audit Dalam. Jawatankuasa ini juga perlu bermesyuarat sekali dalam tempoh tiga bulan atau empat kali setahun atau seperti mana yang ditentukan oleh pengerusinya. Semakan Audit mendapati Syarikat ini tidak menubuhkan Jawatankuasa Audit dan Unit Audit Dalam.

e) Latihan Kepada Kakitangan

Latihan merupakan aktiviti pembelajaran bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran berkaitan dengan tugas yang dipertanggungjawabkan. Perancangan dalam menyediakan latihan, kursus dan seminar hendaklah disediakan dengan mengenal pasti bidang pengkhususan mengikut perkhidmatan masing-masing bagi membolehkan semua pekerja mendapat pendedahan yang sewajarnya. Latihan kakitangan penting bagi memajukan kerjaya pekerja, meningkatkan pengetahuan, kemahiran serta produktiviti dan kualiti kerja. Semakan Audit mendapati Syarikat ini tidak mengadakan

rancangan untuk taklimat atau kursus kepada kakitangan dalam tahun 2008 dan 2009. Kursus berkaitan pengurusan kewangan penting diberikan kepada kakitangan yang terlibat dan Syarikat ini hendaklah memberikan keutamaan agar pengurusan kewangan ianya lebih teratur dan mantap.

f) Rekod Perakaunan Tidak Diselenggarakan

Syarikat menggunakan peraturan dan standard perakaunan yang diterima pakai secara umumnya di Malaysia. Syarikat ini tidak mempunyai manual perakaunan yang khusus dalam menjalankan urusan kewangan. Syarikat ini hanya mempunyai lejar am yang disediakan oleh firma audit swasta selepas akhir tahun perakaunan. Semakan Audit mendapati Syarikat ini tidak mempunyai buku tunai untuk merekodkan urus niaga terimaan dan bayaran yang dibuat. Dengan ini, adalah sukar untuk menentukan baki wang pada sesuatu masa.

Berdasarkan maklum balas, Syarikat ini telah mengambil langkah untuk menetapkan setiap prosedur kewangan akan melalui proses yang teratur. Bagi Tahun 2009, Syarikat mengalami masalah kerana kekurangan kakitangan kewangan.

Pada pendapat Audit, sebagai sebuah Syarikat milik Kerajaan, Syarikat ini perlu mematuhi peraturan dan pekeliling yang dikeluarkan oleh Kerajaan.

9.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, pengurusan Syarikat ini adalah memuaskan kerana ianya telah memperoleh keuntungan semasa sejumlah RM2.85 juta pada tahun 2009. Syarikat ini juga mempunyai lebihan ekuiti pemegang saham sejumlah RM2.07 juta. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan di dalam pelaksanaan Projek eBook dan tadbir urus korporat Syarikat. Syor Audit bagi mengatasi kelemahan dan meningkatkan pengurusan Syarikat ini adalah seperti berikut:

- a) Syarikat ini perlu memastikan pengurusan kewangan dan bajet dilaksanakan secara efisien supaya kedudukan kewangan Syarikat ini memberi gambaran kewangan yang baik.
- b) Syarikat ini dan Kerajaan Negeri perlu mengambil tindakan terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan seperti pemberian eBook dan latihan yang berterusan kepada guru serta penyediaan lokasi atau ruang khas yang selamat untuk menyimpan eBook di sekolah.
- c) Syarikat ini perlu menyediakan rekod perakaunan yang lengkap.
- d) Syarikat ini perlu mematuhi arahan dan peraturan yang dikeluarkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.

PERBADANAN MEMAJUKAN IKTISAD NEGERI TERENGGANU

10. PERMINT SUTERASEMAI SDN. BHD.

10.1 LATAR BELAKANG

10.1.1 Permint Suterasemai Sdn. Bhd. (Syarikat) telah diperbadankan pada 20 November 1984 dengan modal berbayar RM13 juta. Pada 19 September 2007, sebanyak 13,280,003 unit saham biasa yang dimiliki oleh Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT) telah diambil alih oleh Terengganu Incorporated Sdn. Bhd. (TISB). Dengan pengambilalihan ini, TISB merupakan syarikat induk kepada Syarikat ini. Syarikat ini mempunyai dua orang Ahli Lembaga Pengarah yang terdiri daripada seorang ahli perniagaan (Pengerusi) dan Timbalan Pengurus Besar PMINT. Pengurusan Syarikat ini diketuai oleh Pengurus Besar dan dibantu oleh 24 orang kakitangan di tiga bahagian iaitu Bahagian Pengurusan Semaian Lanskap, Bahagian Pengurusan Tekstil dan Bahagian Pentadbiran dan Kewangan.

10.1.2 Objektif Syarikat ini adalah untuk menjadi pengeluar sutera tenun dan batik terkemuka di Malaysia di samping menjadi syarikat landskap dan hortikultur yang terunggul di Negeri Terengganu.

10.1.3 Aktiviti utama Syarikat ini ialah pengeluaran dan perniagaan kain sutera iaitu sutera tenun tangan dan sutera batik, melaksanakan kerja-kerja landskap (bina taman) dan perniagaan pokok semaian.

10.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada prestasi kewangan, pengurusan kewangan dan pengurusan aktiviti serta tadbir urus korporat Syarikat ini adalah teratur dan selaras dengan matlamat penubuhannya.

10.3 SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Pengauditan yang dijalankan terhadap pengurusan Syarikat ini yang meliputi aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti Syarikat ini dan tadbir urus korporat bagi tahun 2007 hingga 2009. Semakan Audit dilakukan terhadap dokumen, fail serta rekod yang berkaitan dengan aktiviti Syarikat ini. Di samping itu, perbincangan dan temu bual dengan pegawai berkenaan serta pemeriksaan fizikal turut dilakukan.

10.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara Disember 2009 hingga Mac 2010 mendapati Permint Suterasemai Sdn. Bhd. mengakhiri tahun kewangan 2008 dengan catatan kerugian tahun semasa sejumlah RM1.48 juta berbanding keuntungan semasa sejumlah RM1.06 juta pada tahun 2007. Pengurusan aktiviti Syarikat ini adalah kurang memuaskan di mana pengeluaran produk sutera tidak dapat dipasarkan dengan baik. Perkara ini berlaku disebabkan Syarikat ini kurang melaksanakan aktiviti pemasaran dan tidak berkemampuan dalam menyaingi pesaing dalam industri yang sama. Ianya juga telah menghentikan operasi pengeluaran produk sutera bagi mengurangkan kos pengurusan. Penjelasan lanjut berhubung dengan prestasi kewangan dan pengurusan aktiviti serta urus tadbir Syarikat ini adalah seperti berikut:

10.4.1 Prestasi Kewangan

Syarikat ini telah menyediakan penyata kewangan menurut Piawaian Pelaporan Bagi Entiti Persendirian dan peruntukan Akta Syarikat 1965. Sijil Audit yang dikeluarkan adalah Sijil Tanpa Teguran dengan penekanan terhadap isu tanggungan semasa bersih, defisit dalam ekuiti pemegang saham dan keupayaan syarikat ini untuk meneruskan perniagaan dengan bergantung kepada sokongan kewangan daripada Syarikat Induk. Maklumat kewangan berdasarkan penyata kewangan beraudit bagi tahun 2006 hingga 2008 adalah seperti di **Jadual 10.1.**

Jadual 10.1
Ringkasan Kedudukan Kewangan Bagi Tahun 2006 Hingga 2008


Butiran	Tahun		
	2006 (RM)	2007 (RM)	2008 (RM)
Pendapatan	6,744,470	7,843,149	8,159,252
Perbelanjaan	5,334,131	6,787,753	9,634,947
Keuntungan/(Kerugian)	1,410,339	1,055,396	(1,475,695)
Keuntungan/(Kerugian)Terkumpul	(23,590,514)	(22,680,534)	(24,156,229)
Aset Bukan Semasa	547,368	496,078	723,877
Aset Semasa	4,692,610	6,015,663	4,735,119
Liabiliti Semasa	15,500,417	15,885,562	16,271,425
Liabiliti Jangka Panjang	50,072	26,710	63,797
Aset /(Liabiliti) Semasa Bersih	(10,807,807)	(9,869,899)	(11,536,306)
Inventori	2,591,403	3,705,615	2,382,759
Wang Di Tangan & Bank	810,551	404,389	149,418

Sumber: Penyata Kewangan Permint Suterasemai Sdn. Bhd.

a) Analisis Penyata Kewangan Secara Keseluruhan


Analisis terhadap penyata kewangan Syarikat ini mendapati pendapatan tahun 2008 meningkat sebanyak 4.1% dengan jumlah RM8.16 juta berbanding tahun sebelumnya. Manakala pada tahun 2007, ianya telah mencatatkan peningkatan pendapatan sebanyak 16.3% berbanding tahun 2006 berjumlah RM7.84 juta. Bagaimanapun, perbelanjaan tahun 2008 meningkat sebanyak 41.9% menjadi RM9.63 juta berbanding peningkatan sebanyak 27.4% iaitu berjumlah RM6.79 juta pada tahun 2007. Perbelanjaan yang lebih tinggi berbanding pendapatan telah mengakibatkan Syarikat ini mengalami kurangan pendapatan sebelum cukai berjumlah RM1.47 juta berbanding

lebihan pendapatan tahun 2006 dan 2007 masing-masing berjumlah RM1.41 juta dan RM1.05 juta. Jumlah pendapatan dan perbelanjaan Syarikat ini adalah seperti di **Carta 10.1**.



Sumber: Penyata Kewangan Permint Suterasemai Sdn. Bhd.

Syarikat ini juga mempunyai aset berjumlah RM5.46 juta berbanding liabiliti berjumlah RM16.33 juta pada tahun 2008. Ini menunjukkan Syarikat ini mempunyai kurangan ekuiti pemegang saham sebanyak RM10.87 juta. Manakala kerugian terkumpul yang telah dialami semenjak Syarikat ini ditubuhkan pada tahun 1985 meningkat kepada RM24.16 juta pada tahun 2008. Kedudukan ini boleh dilihat dengan jelas seperti di **Carta 10.2**.



Sumber: Penyata Kewangan Permint Suterasemai Sdn. Bhd.

Berdasarkan maklum balas, pihak pengurusan akur dengan masalah kewangan yang dihadapi oleh Syarikat ini.

Pada pendapat Audit, Syarikat ini mempunyai kedudukan kewangan yang sangat lemah kerana mempunyai defisit ekuiti pemegang saham, liabiliti semasa bersih dan kerugian dalam operasi tahun semasa.

b) **Analisis Nisbah Kewangan**

Bagi menilai prestasi kewangan Syarikat ini beberapa nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan Syarikat ini bagi tahun kewangan 2006 hingga 2008. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti di **Jadual 10.2**.

Jadual 10.2
Hasil Analisis Nisbah Kewangan Bagi Tahun 2006 Hingga 2008

Butiran	Tahun		
	2006	2007	2008
Nisbah Semasa	0.3:1	0.4:1	0.3:1
Nisbah Kecairan	0.1:1	0.1:1	0.1:1
Nisbah Keuntungan Kasar	74.0%	64.5%	73.5%
Nisbah Margin Keuntungan Bersih	20.9%	13.5%	(18.0%)
Nisbah Pulangan Atas Aset	0.3%	0.2%	(0.3%)
Nisbah Pulangan Atas Ekuiti	10.6%	7.9%	(11.1%)
Nisbah Tempoh Kutipan Penghutang (Hari)	69	87	97

Sumber: Jabatan Audit Negara

i) **Nisbah Semasa**

Nisbah semasa dikira dengan membandingkan aset semasa dengan liabiliti semasa. Nisbah ini digunakan bagi menentukan sejauh mana kemampuan aset semasa Syarikat boleh ditukar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek Syarikat. Pada amnya, nisbah 2:1 dianggap memuaskan dan semakin tinggi nisbah ini, semakin meningkat kecairan Syarikat. Berdasarkan kepada **Jadual 10.2** di atas, nisbah semasa meningkat menjadi 0.4 kali pada tahun 2007 berbanding 0.3 kali pada tahun 2006 tetapi berkurangan pada tahun 2008 menjadi 0.3 kali. Nisbah semasa sebanyak 0.3:1 adalah terlalu rendah yang jelas menunjukkan Syarikat ini tidak mempunyai keupayaan menjelaskan hutang jangka pendek tepat pada masanya. Keadaan ini akan menyebabkan Syarikat ini berdepan dengan risiko yang tinggi untuk menyelesaikan liabiliti jangka pendek.

ii) **Nisbah Kecairan**

Nisbah kecairan ialah membandingkan aset semasa setelah ditolak inventori dengan liabiliti semasa. Ini mencerminkan keadaan mudah tunai dengan lebih jelas kerana inventori tidak disenaraikan dalam aset semasa. Nisbah kecairan yang memuaskan adalah pada kadar 1:1 iaitu setiap RM1 hutang akan dilindungi oleh RM1 aset kecairan. Nisbah kecairan Syarikat ini 0.1:1 jelas menunjukkan ianya mempunyai keupayaan pembayaran yang rendah.

iii) Nisbah Keuntungan

Nisbah keuntungan digunakan bagi mengukur prestasi Syarikat dalam menjana keuntungan dan memberi gambaran terhadap prestasi operasi Syarikat dan risiko yang dihadapi oleh Syarikat. Peningkatan nisbah ini menunjukkan meningkatnya kecekapan sesebuah Syarikat di mana setiap ringgit kenaikan pendapatan, ia memberi kesan langsung dan nilai tambah terhadap keuntungan Syarikat. Ianya diukur dengan menggunakan dua nisbah berikut:

- **Nisbah Keuntungan Kasar** - Nisbah keuntungan kasar dikira berdasarkan perbezaan antara jualan dan kos barang dijual. Keuntungan kasar penting kepada Syarikat kerana ia merupakan wang lebih bagi membiayai kos operasi, kos kewangan dan cukai. Pada tahun 2008, Syarikat ini mencapai nisbah keuntungan kasar sebanyak 73.5% berbanding 64.5% pada tahun 2007. Pada tahun 2006, nisbah keuntungan kasar Syarikat ini sebanyak 74%.
- **Nisbah Margin Keuntungan Bersih** - Syarikat ini mencatatkan kerugian bersih dari operasi Syarikat ini sebanyak 18% pada tahun 2008 berbanding keuntungan bersih pada tahun 2007 sebanyak 13.5% dan pada tahun 2006 sebanyak 20.9%. Kerugian ini disebabkan oleh peningkatan kos pekerja dan lain-lain perbelanjaan kendalian pada tahun 2008. Peningkatan perbelanjaan ini tidak selari dengan prestasi pendapatan tahunan Syarikat.

iv) Nisbah Pulangan Atas Aset

Nisbah pulangan atas aset mengukur pulangan yang diperoleh oleh Syarikat daripada pelaburan asetnya. Iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Semakin tinggi pulangan aset yang diperoleh dari setiap aset yang digunakan semakin cekap Syarikat menguruskan asetnya. Berdasarkan perkiraan Audit, didapati tahap kecekapan Syarikat ini menguruskan asetnya pada tahun 2008 menunjukkan penurunan berbanding tahun sebelumnya.

v) Nisbah Pulangan Atas Ekuiti

Nisbah pulangan atas ekuiti mengukur pulangan ke atas jumlah modal Syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan, semakin cekap Syarikat menguruskan modalnya. Berdasarkan perkiraan Audit didapati tahap kecekapan Syarikat ini menguruskan modalnya pada tahun 2008 menunjukkan penurunan berbanding tahun sebelumnya.

vi) Nisbah Tempoh Kutipan Penghutang

Nisbah tempoh kutipan penghutang adalah bilangan hari jualan yang diambil kira untuk mengutip ringgit jualan kredit. Nisbah yang tinggi menggambarkan sistem kawalan kredit Syarikat tidak berfungsi dengan cekap. Tempoh kutipan penghutang pula menunjukkan peningkatan yang berterusan dalam tempoh tiga tahun iaitu

selama 97 hari pada tahun 2008 berbanding 87 hari pada tahun 2007 dan 69 hari pada tahun 2006. Ini menunjukkan pengurusan hutang adalah lemah dan ini menjelaskan aliran tunai.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan Syarikat ini telah merosot pada tahun 2008 berbanding tahun 2007 dan 2006. Prestasi kewangan berasaskan analisis nisbah yang dibuat memberikan gambaran yang kurang memuaskan terhadap kedudukan kewangan Syarikat ini kerana peningkatan dalam kos operasi, pulangan atas aset dan ekuiti tidak mampu menjana pulangan dan kawalan kredit yang lemah. Justeru itu, pihak pengurusan hendaklah mengkaji situasi ini secara lebih terperinci bagi memperbaiki kedudukan kewangan Syarikat ini di masa akan datang.

10.4.2 Pengurusan Aktiviti

a) Pengeluaran Dan Perniagaan Kain Sutera

Syarikat ini mengusahakan pengeluaran dan perniagaan kain sutera yang terdiri daripada sutera tenun dan sutera batik. Antara produk yang dikeluarkan adalah pakaian siap, kemeja, tali leher, skarf dan lain-lain dengan menggunakan jenama Suteramas. Pada tahun 2008, pendapatan kain sutera adalah berjumlah RM790,122 berbanding RM1,000,992 pada tahun sebelumnya. Peratus pendapatan berkurang sebanyak 21.1% iaitu sejumlah RM210,870. Pihak Audit dimaklumkan oleh pegawai pemasaran bahawa pengurangan ini disebabkan oleh perubahan fesyen dan cita rasa pelanggan, persaingan dengan pengeluar sutera batik yang lain dan kurangnya aktiviti pemasaran.

i) Sutera Tenun

Pengeluaran sutera tenun dihasilkan daripada benang yang diimport dari Negara China dengan mengeluarkan kain sutera Taffeta. Produk yang dikeluarkan terdiri daripada dua jenis iaitu ikat corak dan kain tanpa corak. Penghasilan produk jenis ikat corak adalah sebanyak satu meter sehari dan produk kain tanpa corak sebanyak empat meter sehari. Pada Mac 2009, Syarikat ini telah memberhentikan operasi pengeluaran produk ini kerana mempunyai stok yang belum terjual sebanyak 16,000 meter. Bagi mengurangkan stok ini, Syarikat ini telah mengadakan promosi jualan penghabisan stok. Baki stok sehingga 31 Disember 2009 adalah sebanyak 6,354 meter yang bernilai RM586,791 yang mana sebahagian besar adalah terdiri daripada produk kain tanpa corak. Baki stok tersebut telah dipamerkan untuk dijual dan disimpan di dalam kotak seperti di **Foto 10.1** dan **Foto 10.2**.

Foto 10.1
Stok Sutera Tenun Dipamerkan
Untuk Dijual



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Permint Suterasemai Sdn. Bhd.
Tarikh: 16 Mac 2010

Foto 10.2
Stok Sutera Tenun Disimpan
Di Dalam Kotak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Permint Suterasemai Sdn. Bhd.
Tarikh: 16 Mac 2010

ii) Sutera Batik

Pengeluaran sutera batik adalah menggunakan kain putih yang diperoleh daripada pembekal tempatan dan diimport dari Negara China. Syarikat ini masih menggunakan kaedah manual bagi menghasilkan 50 meter sehari yang melibatkan kos pengeluaran bagi satu meter sutera batik adalah sejumlah RM80. Pada 30 November 2009, Syarikat ini telah memberhentikan pengeluaran sutera batik bagi mengurangkan kos pengurusan yang tinggi. Sehingga 31 Disember 2009, baki stok kain sutera batik adalah sebanyak 2,547 meter yang bernilai RM155,534.

b) Kerja Lanskap

Syarikat ini juga merupakan sebuah syarikat kontraktor lanskap yang berdaftar dan telah terlibat di dalam pelbagai aktiviti lanskap sejak tahun 1984. Kerja lanskap yang dilakukan adalah seperti membuat perancangan dan reka bentuk lanskap, implementasi reka bentuk lanskap dan penyenggaraan lanskap. Ianya juga mengambil bahagian dalam projek tawaran terbuka dan projek perundingan terus dari syarikat persendirian dan Kerajaan seperti projek lanskap di sekolah dan institusi pengajian tinggi, taman rekreasi, taman permainan, tempat peranginan dan padang golf. Antara projek yang berjaya direka bentuk dan disiapkan oleh Syarikat ini adalah seperti di **Jadual 10.3**.

Jadual 10.3
Projek Dan Aktiviti Lanskap Yang Berjaya Disiapkan Oleh Syarikat

Tahun	Projek	Nilai Projek (RM)
2007	Membina dan menyiapkan stadium utama di Kompleks Sukan Negeri Terengganu di Gong Badak, Kuala Terengganu.	921,203
	Mereka bentuk, membekal, membina dan menyiapkan kerja menyediakan tasik dan landskap di kampus TATI, Kemaman.	771,796
	Landscape di Pulau Duyong Marina Resort.	773,378
	Kerja-kerja membina padang bola sepak dan kerja berkaitan di Stadium Utama Terengganu, Gong Badak, Kuala Terengganu.	1,095,180
	Pembangunan landscape di Lapangan Terbang Sultan Mahmud, Kuala Terengganu.	454,555
2008	Mereka bentuk, membina dan menyiapkan projek Taman Tamadun Islam (TTI) di Pulau Wan Man, Kuala Terengganu.	1,881,917
	Landscape di Pulau Duyong, Kuala Terengganu.	895,228
2009	Mereka bentuk, membina dan menyiapkan padang bola dan hoki, <i>softscap</i> dan rumput di Sekolah Menengah Sains Hulu Terengganu.	705,671
	Membina dan menyiapkan 8 unit kilang IKS teres 2 tingkat dan 12 unit kilang berkembar 2 tingkat dan kerja-kerja infrastruktur berkaitan di Kawasan Perindustrian Chendering.	154,461

Sumber: Fail Syarikat Permintaan Suterasemai Sdn. Bhd.

Pada tahun 2008, aktiviti landskap telah menyumbang pendapatan kepada Syarikat ini sejumlah RM6.87 juta berbanding RM5.94 juta pada tahun 2007 iaitu meningkat sebanyak RM930,739 atau 15.7%. Ini menunjukkan aktiviti landskap yang dilaksanakan mampu menjana aliran tunai bagi menampung kos operasi Syarikat ini.

c) Perniagaan Pokok Semaian

Syarikat ini terlibat di dalam pelbagai aktiviti hortikultur yang merangkumi pengurusan pokok, pemberian anak benih dan pembekalan pokok seperti di **Foto 10.3** dan **Foto 10.4**. Aktiviti semaian adalah seperti menanam pokok hiasan, orkid, kaktus, rumput karpet dan bonsai, semaian palma, semaian rumput, membekal pokok untuk projek landskap serta memberi sewa pokok pasu dan pokok hiasan kepada Agensi/Jabatan Kerajaan. Syarikat ini turut menjual bahan-bahan penanaman seperti baja, racun serangga, pelbagai jenis pasu, bahan kemasan siar kaki dan keperluan pertanian yang lain.

Foto 10.3



Pokok Untuk Dijual

Foto 10.4



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Tapak Semaian Chendering,
Kuala Terengganu

Tarikh: 16 Mac 2010

Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Tapak Semaian Tersat, Hulu Terengganu

Tarikh: 26 Januari 2010

Pada tahun 2008, pendapatan bagi perniagaan pokok semaihan adalah sejumlah RM384,050 berbanding RM563,029 pada tahun 2007 dengan mencatatkan penurunan sebanyak RM178,979 atau 31.8%. Penurunan ini disebabkan Syarikat ini kurang mendapat projek landskap, tidak menyertai jualan di pasar tani dan mana-mana eksposur pertanian seperti sebelumnya selain kurangnya aktiviti pemasaran.

Berdasarkan maklum balas, Syarikat ini telah mengadakan usaha sama dengan Terengganu Institute Design Excellence (TIDE) bermula pada April 2010 dalam merealisasikan program dan mempromosikan produk suteranya. Selain itu, Syarikat ini bercadang menambah bilangan consignee serta mewujudkan online trading.

Pada pendapat Audit, aktiviti pengeluaran dan perniagaan sutera dan semaihan kurang memuaskan kerana Syarikat ini kurang melaksanakan aktiviti pemasaran dan tidak berkemampuan dalam menyaingi pesaing dalam industri yang sama.

10.4.3 Tadbir Urus Korporat

a) Struktur Organisasi

Syarikat ini ditadbir oleh Lembaga Pengarah dan pentadbirannya diketuai oleh seorang Pengurus Besar Gred N41 yang dipinjamkan daripada PMINT. Bagaimanapun, perkhidmatan beliau telah tamat pada 31 Disember 2009 dan jawatan tersebut telah diisi dengan pemangku oleh Ketua Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, TISB bermula pada 1 Januari 2010. Pengurus Besar bertanggungjawab mengenai hal ehwal pengurusan Syarikat dan dibantu oleh 24 kakitangan lain yang bertanggungjawab di tiga bahagian iaitu Bahagian Pengurusan Semaian Landskap, Bahagian Pengurusan Tekstil dan Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan.

b) Mesyuarat Lembaga Pengarah

Syarikat ini tidak menetapkan jumlah kekerapan mesyuarat Lembaga Pengarah yang perlu diadakan pada setiap tahun. Mesyuarat diadakan mengikut keperluan dan kepentingan perkara-perkara untuk dibincangkan dan mengikut Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1998 menggariskan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah perlu diadakan sekurang-kurangnya setiap tiga bulan iaitu empat kali setahun. Semakan Audit mendapati Syarikat ini telah mengadakan Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat sebanyak empat kali pada tahun 2007 dan 2009 selaras dengan kehendak Surat Pekeliling Am Bil. 3/98. Bagaimanapun, Mesyuarat Lembaga Pengarah hanya diadakan sebanyak dua kali pada tahun 2008. Di antara perkara yang dibincangkan adalah seperti berikut:

- Laporan kedudukan kewangan Syarikat.
- Status projek bagi aktiviti landskap.
- Laporan prestasi (kewangan dan operasi) di semua bahagian termasuk sutera tenun tangan, sutera batik, ladang sawit dan pemasaran.
- Laporan kutipan hutang.
- Tindakan undang-undang yang diambil oleh Syarikat kepada penghutang yang gagal membuat bayaran.
- Elaun Lembaga Pengarah, Pengurus Besar dan Pegawai Tadbir.
- Elaun Mesyuarat Pengerusi, Ahli Lembaga Pengarah dan Setiausaha.
- Pergerakan gaji kakitangan.
- Bayaran bonus kepada kakitangan Syarikat.
- Penstruktur semula Syarikat.
- Cadangan pelupusan aset yang telah rosak.
- Cadangan untuk membeli aset Syarikat.
- Perancangan pembangunan perniagaan Suteramas.
- Bajet tahunan.
- Cadangan penghapusan stok lambat bergerak.

c) Elaun Menghadiri Mesyuarat

Penetapan elaun dan kenaikan elaun menghadiri mesyuarat Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah Syarikat ini hendaklah munasabah dan telah mendapat kelulusan daripada Lembaga Pengarah Syarikat Induk. Semakan Audit mendapati Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah Kali Ke 58/1/2009 bertarikh 19 Januari 2009 telah bersetuju supaya elaun mesyuarat dinaikkan kepada RM300 bagi Pengerusi dan RM250 bagi Ahli Lembaga Pengarah dan Setiausaha untuk setiap kali bermesyuarat berbanding RM250 bagi Pengerusi dan RM200 bagi Ahli Lembaga Pengarah dan Setiausaha sebelum ini. Bagaimanapun, kenaikan elaun tersebut hanya mendapat kelulusan daripada Lembaga Pengarah Syarikat sahaja tanpa kelulusan daripada Lembaga Pengarah Syarikat Induk.

d) Setiausaha Syarikat

Menurut Seksyen 139(1) Akta Syarikat, setiap syarikat berdaftar perlu melantik seorang atau lebih setiausaha yang berkelayakan dan mempunyai lesen. Sejak Syarikat ini

ditubuhkan seramai tiga orang setiausaha telah dilantik. Setiausaha yang baru telah dilantik pada 1 Oktober 2009 yang berkelulusan dalam bidang kesetiausahaan daripada *Institute of Company Secretaries Malaysia* (ICSM) dan *Malaysian Association of The Institute of Chartered Secretaries and Administrators* (MAICSA) dan mempunyai lesen yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Semakan Audit terhadap tatacara pengurusan Setiausaha Syarikat ini didapati beberapa kelemahan seperti berikut:

- i) Pengesahan Nota Serah Dokumen telah diserah oleh Setiausaha yang terdahulu kepada Setiausaha Syarikat yang baru. Bagaimanapun, beberapa Dokumen Berkanun/Kesetiausahaan Syarikat masih belum diserahkan iaitu kesemua Borang 24 sejak penubuhan Syarikat kecuali yang bertarikh 30 Oktober 1989, kesemua Borang 32A, Borang 44, Borang 48A sejak penubuhan Syarikat, kesemua Borang 49 sejak penubuhan Syarikat kecuali yang bertarikh 1 Januari 2009, kesemua Borang Penyata Tahunan kecuali yang bertarikh 12 Jun 2008, Akaun Beraudit, Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah Kali Ke 31(1999) dan Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah Kali Ke 60/3/2009. Oleh yang demikian, Setiausaha Syarikat yang baru telah menghantar surat bertarikh 14 Oktober 2009 kepada Setiausaha yang terdahulu untuk mendapatkan dokumen-dokumen tersebut. Pihak Audit dimaklumkan bahawa maklum balas daripada Setiausaha yang terdahulu masih belum diterima.
- ii) Seksyen 139(1A) Akta Syarikat 1965 menyatakan bahawa Setiausaha Syarikat yang pertama hendaklah dinamakan di dalam *Memorandum And Articles of Association* (M&A). Bagaimanapun, semakan Audit mendapati Setiausaha Syarikat yang pertama tidak dinamakan di dalam M&A tersebut.

e) Garis Panduan Dan Prosedur Kerja

Garis panduan dan prosedur kerja yang lengkap dan menyeluruh dapat menyeragamkan urusan dan operasi harian sesebuah syarikat. Ini dapat memudahkan dan menyegerakan pihak pengurusan dalam mengambil sesuatu tindakan. Garis panduan yang berkesan mampu mempertingkatkan lagi produktiviti sesebuah syarikat. Semakan Audit mendapati Syarikat ini tidak mempunyai garis panduan atau prosedur kerja yang lengkap mengenai tadbir urus Syarikat dan dalam sistem kewangan serta perakaunan. Pihak Syarikat ini didapati menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan merujuk kepada keputusan Lembaga Pengarah. Ianya juga didapati tidak menjadikan peraturan dan arahan Kerajaan seperti Arahan Perbendaharaan, Akta Prosedur Kewangan, Pekeliling dan Surat Pekeliling Perbendaharaan sebagai rujukan khusus bagi perkara-perkara berkaitan pengurusan sumber manusia dan kewangan.

f) Pembayaran Dividen

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1993 menggariskan bahawa dividen perlu dibayar kepada pemegang saham daripada sebahagian keuntungan yang diperoleh bagi sesuatu tahun kewangan syarikat berkenaan. Bayaran dividen sebanyak sekurang-kurangnya 10% setiap tahun sebagai pulangan modal kepada pemegang saham adalah

dijadikan sebagai matlamat. Sekiranya ada lebihan keuntungan diperoleh bagi sesuatu tahun kewangan, peratusan dividen perlu ditingkatkan ke tahap yang seberapa tinggi tanpa menjasakan kedudukan kewangan syarikat berkenaan. Selain itu, semua bayaran dividen hendaklah dibuat daripada keuntungan sahaja seperti mana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 365(1), Akta Syarikat 1965. Semakan Audit mendapati sejak penubuhan, Syarikat ini hanya sekali mengisyiharkan dividen sebanyak 5% daripada keuntungan Syarikat pada tahun kewangan 2007. Bagaimanapun, dividen tersebut masih belum dibayar kepada pemegang saham (PMINT) kerana masalah kewangan Syarikat.

g) Pembayaran Bonus

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 1993 menyatakan bahawa bagi syarikat-syarikat yang dikawal oleh Kerajaan Negeri, cadangan bagi bayaran bonus hendaklah dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri untuk pertimbangan dan kelulusan Menteri Besar. Selain itu, bayaran bonus bagi Syarikat Induk dan semua lapisan Syarikat Subsidiari masing-masing perlu diluluskan oleh Lembaga Pengarah Syarikat Induk sebelum dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri. Semakan Audit mendapati Mesyuarat Lembaga Pengarah Kali Ke 56/1/2008 meluluskan bayaran bonus sebanyak sebulan gaji serta tambahan 5% kepada 98 orang kakitangannya iaitu berjumlah RM93,388 atas keuntungan Syarikat ini pada tahun 2007. Pembayaran bonus telah dibuat secara dua kali pada tahun 2008. Bagaimanapun, cadangan bagi bayaran bonus tersebut tidak dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri untuk pertimbangan dan kelulusan Menteri Besar di samping tidak ada kelulusan daripada Lembaga Pengarah Syarikat Induk. Kelulusan hanya diperoleh daripada Lembaga Pengarah Syarikat sahaja.

h) Jawatankuasa Audit Dan Unit Audit Dalam

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 1993 menetapkan bahawa Jawatankuasa Audit perlu diwujudkan untuk memelihara kepentingan kerajaan sebagai pemegang saham melalui kawalan dan pengawasan ke atas pengurusan syarikat serta mengawasi semua fungsi Unit Audit Dalam. Jawatankuasa ini juga perlu bermesyuarat sekali dalam tempoh tiga bulan atau empat kali setahun atau seperti mana yang ditentukan oleh pengurusnya. Semakan Audit mendapati Syarikat ini tidak menubuhkan Jawatankuasa Audit dan Unit Audit Dalam.

i) Latihan Kepada Kakitangan

Latihan merupakan aktiviti pembelajaran bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran berkaitan dengan tugas yang dipertanggungjawabkan. Perancangan dalam menyediakan latihan, kursus dan seminar hendaklah disediakan dengan mengenal pasti bidang pengkhususan mengikut perkhidmatan masing-masing bagi membolehkan semua pekerja mendapat pendedahan yang sewajarnya. Latihan kakitangan penting bagi memajukan kerjaya pekerja, meningkatkan pengetahuan, kemahiran serta produktiviti dan kualiti kerja. Semakan Audit mendapati Syarikat ini telah menghantar kakitangannya untuk berkursus mengikut kesesuaian bahagian dan pengkhususan

mereka. Bagaimanapun, Syarikat ini terpaksa menghantar kakitangannya berkursus secara bergilir disebabkan masalah kewangan. Selain itu, ianya didapati tidak mempunyai rancangan latihan kepada kakitangannya bagi tahun 2007 hingga 2009.

Berdasarkan maklum balas Syarikat ini, kadar pemberian elaun adalah berdasarkan garis panduan Kerajaan Negeri dan telah dimaklumkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah ke 58 pada 19 Januari 2009. Pihak pengurusan Syarikat akan mengemukakan kadar kenaikan elaun tersebut serta bayaran bonus kepada Lembaga Pengarah Syarikat Induk untuk mendapatkan kelulusan. Selain itu, Syarikat akan memastikan Setiausaha Syarikat terdahulu menyerahkan dokumen yang berkaitan kepada Setiausaha yang baru. Pihak pengurusan juga akan menyediakan manual operasi sebagai garis panduan dan prosedur kerja di masa akan datang serta berusaha untuk menjelaskan dividen yang telah diisyiharkan pada tahun 2007. Selain itu, Syarikat akan mengesyorkan penubuhan Jawatankuasa Audit yang akan dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah pada Jun 2010.

Pada pendapat Audit, tadbir urus korporat Syarikat ini adalah tidak memuaskan kerana kenaikan elaun menghadiri mesyuarat dan bayaran bonus tidak diluluskan oleh Lembaga Pengarah Syarikat Induk, pengisytiharan dividen telah dibuat tetapi masih belum dibayar, Setiausaha Syarikat yang terdahulu tidak menyerahkan beberapa dokumen berkanun kepada Setiausaha yang baru, garis panduan dan prosedur kerja tidak disediakan dan Jawatankuasa Audit serta Unit Audit Dalam tidak ditubuhkan.

10.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, pengurusan Syarikat ini adalah tidak memuaskan kerana Syarikat ini mengalami kerugian semasa sejumlah RM1.48 juta pada tahun 2008 dan juga kedudukan aliran tunai yang lemah. Syarikat ini perlu memperbaiki kedudukan kewangan bagi memastikan keupayaan dalam menjalankan aktiviti dan pembayaran hutang dapat dilaksanakan dengan baik. Perniagaan teras Syarikat iaitu Suteramas adalah tidak kukuh dan tidak mampu menjana pulangan bagi menampung kos operasi Syarikat. Syor Audit bagi mengatasi kelemahan dan meningkatkan pengurusan Syarikat ini adalah seperti berikut:

- a) Kerajaan Negeri perlu mengkaji semula kewajaran dan daya maju Syarikat ini untuk terus beroperasi pada masa hadapan kerana terbukti Syarikat tidak dapat bersaing walaupun telah lama beroperasi di mana Syarikat ini telah mengalami kerugian terkumpul sejak penubuhannya lagi.
- b) Mempelbagaikan produk supaya dapat bersaing dengan produk-produk lain dalam industri yang sama.
- c) Mempergiatkan aktiviti promosi dan memperluaskan aktiviti pemasaran bagi tujuan meningkatkan hasil jualan.
- d) Menyediakan prosedur dan peraturan khusus kepada kakitangan supaya tugas dan tanggungjawab dapat dilaksanakan dengan lebih baik.
- e) Pengurusan Syarikat ini hendaklah merujuk kepada Syarikat Induk supaya tadbir urus Syarikat dari aspek sumber manusia, pengurusan kewangan dan pengurusan aktiviti menjadi lebih baik.



BAHAGIAN III PERKARA AM

BAHAGIAN III PERKARA AM

11. PENDAHULUAN

Bagi memastikan tindakan pembetulan diambil oleh Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara yang lalu, pemeriksaan susulan telah dijalankan di Jabatan dan Agensi berkenaan. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan/Agenzi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Terengganu Tahun 2008 telah melaporkan lapan kajian iaitu:

- a) Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu - *Pengurusan Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri (SPEKS)*
- b) Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu - *Pengurusan Hutan Dan Kepentingannya Kepada Alam Sekitar*
- c) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Jabatan Kerja Raya Dan Majlis Perbandaran Kemaman - *Pengurusan Kenderaan*
- d) Pejabat Tanah Besut - *Pengurusan Pemberimilikan Tanah*
- e) Yayasan Islam Terengganu - *Pengurusan Kelas Al-Quran Dan Fardu Ain (KAFA)*
- f) Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd. (SATU) - *Pengurusan Kualiti Air Minum*
- g) Majlis Perbandaran Dungun - *Perkhidmatan Pembersihan Dan Pelupusan Sampah*
- h) *Pengurusan Syarikat Trefound Educare Sdn. Bhd..*

12. KEDUDUKAN MASA KINI PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2008

- a) Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu - *Pengurusan Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri (SPEKS)*

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat Mei 2010	Ulasan Audit
2.5.1(a)	Polisi Kawalan Capaian Logikal tidak dipatuhi sepenuhnya. Antaranya: - Kata Laluan tidak <i>encrypted</i> - Pengurusan kata laluan tidak memuaskan - Tidak mempunyai log jejak audit	Tindakan belum diambil oleh Jabatan Akauntan Negara yang bertanggungjawab terhadap pembangunan sistem.	Keselamatan sistem perlu dipertingkatkan bagi menjamin keselamatan data.
2.5.2(b)	Penyata Penerimaan Dan Pembayaran tidak dijana menggunakan sistem SPEKS.	Penyata tersebut telah dijana melalui sistem SPEKS.	Memuaskan.

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat Mei 2010	Ulasan Audit
2.5.4(a)	Pelan Kesinambungan Perkhidmatan (<i>Business Continuity Plan</i>) belum dilaksanakan.	Pelan Kesinambungan Perkhidmatan (<i>Business Continuity Plan</i>) tersebut belum dilaksanakan. Menunggu arahan daripada Jabatan Akauntan Negara.	Pelan ini perlu dilaksanakan bagi memastikan sistem beroperasi seperti sediakala sekiranya berlaku bencana.
2.5.4(b)	<i>Back up</i> data mingguan dibuat dalam satu salinan sahaja.	<i>Back up</i> data mingguan telah disediakan dalam dua salinan. Satu salinan disimpan di Jabatan Akauntan Negara dan satu salinan disimpan di Pejabat Bendahari Negeri.	Memuaskan.
2.5.5(a)	Tiga modul SPEKS iaitu Modul Pengurusan Aset, Modul Pinjaman dan Modul Pelaburan belum digunakan.	<ul style="list-style-type: none"> Modul Pengurusan Aset - di peringkat memberi latihan kepada pengguna sistem. Modul Pinjaman - di peringkat kemasukan data. Modul Pelaburan - masih belum digunakan. 	Modul dalam sistem SPEKS perlu dimanfaatkan sepenuhnya.
2.5.5(b)	Perkakasan SPEKS tidak diagihkan sepenuhnya dan perkakasan yang rosak belum diambil tindakan.	Perkakasan SPEKS telah diagihkan dan tindakan pelupusan telah diambil terhadap perkakasan yang rosak.	Memuaskan.

b) Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu - *Pengurusan Hutan Dan Kepentingannya Kepada Alam Sekitar*

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat Mei 2010	Ulasan Audit
3.5.1(ii)	Pewartaan Projek Hidroelektrik Hulu Terengganu (Empangan Kedua) di kawasan Hutan Simpanan Kekal.	Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu (JPNT) masih belum mengambil tindakan bagi mewartakan kawasan berkenaan.	JPNT perlu mewartakan kawasan berkenaan dengan segera.
3.5.2(b)	Perjanjian kawasan membalak secara perjanjian jangka panjang.	JPNT masih belum mendapatkan pandangan daripada Penasihat Undang-Undang Negeri bagi menentukan sama ada perjanjian penyambungan perlu ditandatangani.	JPNT hendaklah mendapatkan pandangan Penasihat Undang-Undang Negeri dengan segera.
3.5.3(d)(i)	Empat kes kesalahan hutan yang masih dalam siasatan.	Tiga kes telah selesai dan satu kes masih dalam proses penyiasatan iaitu tebangan pokok secara haram di Mukim Hulu Telemong.	JPNT perlu menyelesaikan penyiasatan dengan segera.

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat Mei 2010	Ulasan Audit
3.5.4(c)	Hutan Perlindungan mengikut pelbagai kelas belum diwartakan.	JPNT masih belum mengambil tindakan bagi mewartakan lapan kelas Hutan Perlindungan.	JPNT perlu mewartakan lapan kelas Hutan Perlindungan dengan segera.
3.5.4(f)	Kawasan Hutan Simpanan Kekal yang dijadikan Santuari Gajah.	<ul style="list-style-type: none"> Pewartaan kawasan berkenaan belum dibuat di mana ianya masih di peringkat kerja-kerja ukuran penandaan sempadan oleh Juruukur Berlesen. Pewartaan pegawai Jabatan Hidupan Liar Dan Taman Negara (PERHILITAN) masih di peringkat pindaan oleh Penasihat Undang-Undang Negeri. 	PERHILITAN perlu mewartakan kawasan dengan segera.
3.5.5(b) dan (c)	Rancangan Kerja Hutan dan Rancangan Tahunan Hutan tidak disediakan.	Rancangan Kerja Hutan dan Rancangan Tahunan Hutan telah disediakan.	JPNT telah mengambil tindakan yang sewajarnya.

c) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Jabatan Kerja Raya Dan Majlis Perbandaran Kemaman - *Pengurusan Kenderaan*

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat Mei 2010	Ulasan Audit
4.5.2	Kos penyenggaraan kenderaan yang tinggi berbanding kos perolehan.	Kes ini masih dalam siasatan dan tindakan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).	Jabatan menunggu penyiasatan kes berkenaan selesai dijalankan oleh SPPM.
4.5.8	Kehilangan kenderaan di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.	Dua kes kehilangan kenderaan: i) TAF 8181 - Dalam tindakan Urus Setia Kehilangan dan Hapus Kira.	<ul style="list-style-type: none"> Rumusan siasatan kes kehilangan kenderaan TAF 8181 oleh Jawatankuasa Penyiasat mendapati kecurian mudah berlaku kerana kawasan rumah pegawai ini tidak berpagar dan rumah tersebut bersebelahan jalan. Tindakan tata tertib tidak dicadangkan oleh Jawatankuasa Penyiasat kerana kecurian tersebut bukan disebabkan kecuaian beliau. Keputusan

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat Mei 2010	Ulasan Audit
		ii) TAM 323 - Masih dalam proses penyiasatan oleh Jawatankuasa Penyiasat.	<p>Jawatankuasa Penyiasat ialah peringatan boleh dikeluarkan supaya pada masa akan datang langkah keselamatan diutamakan bagi meletak kenderaan dalam kawasan berpagar dan menambah peralatan mencegah kecurian yang lain.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tindakan segera perlu dilakukan bagi menyelesaikan kes kehilangan kenderaan TAM 323.
4.5.9(a)(i)	Sembilan buah kenderaan Jabatan Kerja Raya (JKR) telah memperoleh Perakuan Pelupusan Aset Alih Kerajaan (PEP) tetapi tindakan pelupusan belum diambil.	Sembilan buah kenderaan ini telah diambil tindakan pelupusan dengan menjual kenderaan tersebut melalui sebut harga di antara September 2009 hingga Januari 2010.	JKR telah mengambil tindakan mengikut prosedur pelupusan yang telah ditetapkan.
4.5.9(a)(ii)	Sembilan buah kenderaan JKR yang telah rosak masih disimpan.	Kenderaan ini telah diperiksa oleh Lembaga Pemeriksa Aset Alih Kerajaan dan disyorkan untuk dijual secara sebut harga. Kenderaan tersebut telah dijual di antara September 2009 hingga Januari 2010.	JKR telah mengambil tindakan mengikut prosedur pelupusan yang telah ditetapkan.

d) Pejabat Tanah Besut - *Pengurusan Pemberimilikan Tanah*

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat Mei 2010	Ulasan Audit
5.5.2(a)	Perbezaan catatan keterangan tanah di antara kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dengan dokumen hak milik yang dikeluarkan bagi tanah berikut: i) Tempoh pajakan - Lot PT 3063, Mukim Kerandang, Besut ii) Keluasan - Lot PT 6262, Mukim Keluang, Besut	<ul style="list-style-type: none"> • Lot PT 3063, Mukim Kerandang, Besut <ul style="list-style-type: none"> - Pejabat Tanah Besut (PTB) telah mengambil tindakan pembetulan. • Lot PT 6262, Mukim Keluang, Besut <ul style="list-style-type: none"> - PTB dalam proses penyediaan semula kertas mesyuarat Jawatankuasa Tanah Daerah Besut (JKTD) bagi melupuskan semua lot tersebut. 	PTB telah mengambil tindakan sewajarnya.

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat Mei 2010	Ulasan Audit
5.5.2(b)(i)	Dua lot tanah iaitu Lot PT 3844 dan Lot PT 3845 di kawasan Bukit Keluang, Besut yang diluluskan kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB) belum dibangunkan melebihi tempoh dua tahun.	PTB telah memberi peringatan semula kepada TNB pada 13 April 2010 dan tindakan seterusnya akan diambil di bawah Seksyen 125 Kanun Tanah Negara.	PTB telah mengambil tindakan sewajarnya.
5.5.2(b)(ii)	<ul style="list-style-type: none"> Lot PT 4017 untuk tapak Sekolah Kebangsaan Padang Landak masih dalam pembinaan. Lot PT 4018 untuk tapak Sekolah Pendidikan Khas belum dibangunkan. 	<ul style="list-style-type: none"> Sekolah Kebangsaan Padang Landak di Lot PT 4017 telah siap dibina dan beroperasi. Lot PT 4018 masih belum dibina Sekolah Pendidikan Khas. 	PTB perlu memastikan syarat-syarat nyata pemilikan tanah dipatuhi.
5.5.2(b)(iv)	<p>Tanah pajakan di Mukim Kerandang, Besut (Syarikat Besut Tsuda Industries Sdn. Bhd.) iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> PN 2596 Lot 3007 - tamat tempoh pajakan. PN 2597 Lot 2995 - masih belum dijelaskan tunggakan cukai hasil tanah. 	<ul style="list-style-type: none"> Bagi PN 2596 Lot 3007, kertas permohonan untuk melanjutkan tempoh pajakan akan dibawa ke Mesyuarat JKTD yang akan datang. Bagi PN 2597 Lot 2995, surat peringatan tunggakan cukai telah dihantar pada 31 Mac 2010 dan PTB sedang dalam proses untuk mengeluarkan Notis 6A. 	PTB telah mengambil tindakan sewajarnya.

e) Yayasan Islam Terengganu - Pengurusan Kelas Al-Quran Dan Fardu Ain (KAFA)

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat Mei 2010	Ulasan Audit
6.5.1	Penubuhan sebahagian Kelas Al-Quran Dan Fardu Ain (KAFA) tidak memenuhi syarat sebagaimana kehendak dalam Garis Panduan Pelaksanaan Kelas Al-Quran Dan Fardu Ain (Garis Panduan) yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).	<ul style="list-style-type: none"> Syarat penubuhan kelas KAFA telah diperketat agar selaras dengan kehendak Garis Panduan. Kelas KAFA yang tidak memenuhi syarat sebagaimana yang ditetapkan telah ditutup. 	Yayasan telah mengambil tindakan yang sewajarnya bagi memastikan penubuhan kelas KAFA mematuhi Garis Panduan yang ditetapkan.

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat Mei 2010	Ulasan Audit
6.5.2	Nisbah penyelia berbanding guru KAFA yang tidak seimbang.	<ul style="list-style-type: none"> Pelantikan dan pengurusan penyelia KAFA telah diambil alih oleh JAKIM bermula akhir tahun 2009. JAKIM telah melantik seramai 30 penyelia bagi memastikan tugas penyeliaan kelas KAFA berjalan dengan lancar. 	Tindakan yang diambil adalah memuaskan.
6.5.3(d)	Elaun guru KAFA yang tidak seragam bagi kelas KAFA kategori KQF.	Yayasan telah menyeragamkan bayaran elauan guru KAFA iaitu berjumlah RM500 sebulan.	Tindakan yang diambil adalah memuaskan.
6.5.5	Arahan Amanah KAFA dan Penyata Kewangan Akaun Amanah KAFA setiap akhir tahun tidak disediakan.	Yayasan akan menyediakan Arahan Amanah KAFA dan Penyata Kewangan Akaun Amanah KAFA pada setiap akhir tahun kewangan.	Yayasan perlu menyediakan Arahan Amanah KAFA dan Penyata Kewangan Akaun Amanah KAFA bagi mematuhi Garis Panduan yang ditetapkan.
6.5.6(a)	Kelas KAFA yang dijalankan di bangunan khas terdapat kekurangan dari segi kemudahan asas dan keselamatan.	<ul style="list-style-type: none"> Yayasan mengambil langkah menasihati pengurusan kelas KAFA yang dijalankan di bangunan khas supaya mengadakan kemudahan asas dan keselamatan dengan sewajarnya. Setiap permohonan baru bagi penubuhan kelas KAFA di bangunan khas, Yayasan akan memastikan Garis Panduan yang ditetapkan dipatuhi dan penyelia KAFA perlu menyediakan laporan siasatan sebelum penubuhan kelas KAFA berkenaan. 	Yayasan telah mengambil langkah sewajarnya dalam memastikan penubuhan dan operasi kelas KAFA di bangunan khas mematuhi syarat yang ditetapkan.
6.5.7	Pengurusan rekod dan maklumat secara manual dan Sistem Maklumat Pendidikan Islam (SIMPENI) tidak dikemas kini.	<ul style="list-style-type: none"> Semua penyelia KAFA diberi tanggungjawab mengemas kini data SIMPENI mengikut kawasan Dewan Undangan Negeri masing-masing. Penyelaras data SIMPENI dikendalikan oleh Penyelia Data di Ibu Pejabat Yayasan. 	Tindakan yang diambil adalah memuaskan.

f) Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd. (SATU) - Pengurusan Kualiti Air Minum

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat Mei 2010	Ulasan Audit
7.5.1(a)	Pewartaan kawasan tadahan di bawah Perenggan 3 dan 4 Enakmen Bekalan Air 1998 (Enakmen Bil. 2/1998) belum dibuat.	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Bekalan Air (JBA) memaklumkan pewartaan akan dibuat selepas Enakmen Bekalan Air 1998 dipinda supaya selaras dengan fungsi Kerajaan Negeri selepas penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN). Sehubungan itu, JBA telah memaklumkan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri mengenai perkara ini melalui surat bil. JBA. TR002/87-(9) bertarikh 18 Jun 2009. 	Pewartaan kawasan tadahan hendaklah segera dibuat supaya penguatkuasaan dapat dijalankan bagi menjaga kawasan tadahan tersebut.
7.5.1(b)	Kawalan keselamatan di kawasan tadahan tidak dijalankan.	JBA memaklumkan kawalan keselamatan masih belum dibuat kerana kekurangan kakitangan, isu pewartaan dan pindaan Enakmen Bekalan Air 1998 yang belum selesai.	Kawalan keselamatan di kawasan tadahan adalah penting bagi mengawal aktiviti-aktiviti yang boleh menyebabkan pencemaran kualiti air mentah.
7.5.2(d)	Penggunaan fluorida dalam proses rawatan air tidak menyeluruh di semua loji rawatan air.	Penggunaan fluorida dalam proses rawatan air telah meningkat kepada lapan loji pada tahun 2010 berbanding satu loji pada tahun 2008.	Penggunaan fluorida dalam proses rawatan air adalah perlu kerana ia merupakan piawaian mutu air minum yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.
7.5.3(b)	Keselamatan kawasan tangki air.	<ul style="list-style-type: none"> Lawatan bulanan secara berkala telah dibuat bagi memantau keselamatan kawasan tangki. Kerosakan pagar di kawasan tangki air telah diambil tindakan kecuali kerosakan pagar di kawasan Tangki Air Bukit Tunggal masih belum dibaiki. Pihak Audit dimaklumkan kerosakan pagar di kawasan tangki tersebut hanya akan dibaiki apabila tangki tersebut hendak digunakan. 	Tindakan yang diambil adalah memuaskan.

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat Mei 2010	Ulasan Audit
7.5.4(d)	Keadaan stesen pensampelan tidak memuaskan di Pengkalan Berangan (A013).	Pemeriksaan fizikal menunjukkan stesen pensampelan di Pengkalan Berangan (A013) telah dibaiki.	Tindakan yang diambil adalah memuaskan.

g) Majlis Perbandaran Dungun - Perkhidmatan Pembersihan Dan Pelupusan Sampah

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat Mei 2010	Ulasan Audit
8.5.1(a)(i)	Lawatan Audit ke Jalan Alur Tembesu, Dungun dan Kampung Limpong, Paka mendapati sampah tidak dipungut dan dibiarkan berselerak di luar tong serta tong sampah tidak diletakkan dalam kedudukan yang betul oleh kontraktor yang terlibat.	Sampah telah dipungut dan kawasan di luar tong telah dibersihkan serta tong telah diletakkan dalam kedudukan yang betul.	Tindakan yang diambil adalah memuaskan.
8.5.1(b)(i)	Majlis Perbandaran Dungun (Majlis) tidak menyediakan jadual pelaksanaan pembersihan longkang dan pemotongan rumput.	Majlis telah menyerahkan kawasan tersebut kepada kontraktor kebersihan.	Majlis perlu memastikan kontraktor yang bertanggungjawab menjalankan kerja-kerja pembersihan di kawasan berkenaan dengan sewajarnya seperti yang dijadualkan.
8.5.2	Jenis tong sampah yang diletakkan di beberapa lokasi tidak bersesuaian kerana tidak dapat menampung kuantiti sampah.	<ul style="list-style-type: none"> • Tong sampah dan limpahan sampah telah dibersihkan. • Limpahan sampah adalah bukan disebabkan tong sampah yang tidak bersesuaian tetapi disebabkan sikap sesetengah pihak yang tidak bertanggungjawab seperti pengusaha kantin sekolah, restoran dan sebagainya. • Majlis telah mensyaratkan semua premis perniagaan perlu menyediakan tong individu 240L dan mempergiatkan tindakan penguatkuasaan kepada peniaga yang gagal serta kontraktor yang tidak bertanggungjawab. 	Tindakan yang diambil adalah memuaskan.

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat Mei 2010	Ulasan Audit
8.5.3(a)	Majlis tidak membuat permohonan kelulusan bagi pembukaan tapak pelupusan sampah daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS).	Majlis masih belum membuat permohonan bagi kelulusan tersebut.	<ul style="list-style-type: none"> Majlis hendaklah mendapatkan kelulusan tersebut daripada JAS memandangkan Majlis telah mempelawa tiga tawaran daripada lapan badan perunding bagi menyediakan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA). Kajian tersebut telah ditangguhkan berikutkan cadangan Pihak Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk menswastakan aktiviti pembersihan dan pelupusan sampah di seluruh negara.
8.5.3(b)(i)	Lawatan Audit ke tapak pelupusan sampah mendapati sampah sarap yang bertimbun tidak ditimbus.	<ul style="list-style-type: none"> Timbunan sampah tidak ditimbus dan tidak diratakan dengan tanah setiap tujuh hari sekali. Menurut kakitangan yang bertugas sampah ditimbus dengan tanah setiap dua bulan sekali. 	Majlis perlu memberi perhatian terhadap perkara ini.
8.5.3(b)(ii)	Kemudahan <i>Washing Bay</i> tidak disediakan di tapak pelupusan sampah.	Majlis masih belum menyediakan kemudahan ini.	Majlis perlu memberi perhatian terhadap perkara ini.
8.5.3(b)(iv)	Jalan keluar dan masuk ke tapak pelupusan sampah telah diratakan dengan <i>crusher run</i> tetapi belum diturap.	Majlis telah menurap jalan ke tapak pelupusan berkenaan.	Tindakan yang diambil adalah memuaskan.
8.5.3(b)(v)	Kutipan hasil di tapak pelupusan lewat dimasukkan ke bank.	Masih berlaku kelewatan serahan hasil ke kaunter.	Majlis perlu memberi perhatian terhadap perkara ini.
8.5.4	Majlis telah membelanjakan sejumlah RM5,258 bagi kos penyenggaraan dan pemberian 10 lori kompaktor yang sepatutnya dibayar oleh kontraktor.	Majlis telah mengambil tindakan terhadap kontraktor.	Majlis perlu memberi perhatian terhadap perkara ini.

h) Pengurusan Syarikat Trefound Educare Sdn. Bhd.

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat Mei 2010	Ulasan Audit
10.5.1(c)	Pengarah Eksekutif dan Pengurus Besar dilantik daripada Ahli Lembaga Pengarah yang merupakan kakitangan Yayasan Terengganu dan menjalankan tugas yang sama.	Kedua-dua jawatan ini telah dimansuhkan melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 1/2009 pada 3 Mac 2009.	Syarikat telah mengambil tindakan yang seajarnya.
10.5.1(f)	Syarikat tidak mempunyai Unit Audit Dalam.	Syarikat tidak mewujudkan Unit Audit Dalam tetapi menggunakan khidmat Unit Audit Dalam Yayasan Terengganu. Satu pgauditian telah dijalankan pada 4 April 2010.	Syarikat telah mengambil tindakan yang seajarnya.
10.5.1(g)	Syarikat tidak menubuhkan Jawatankuasa Audit.	Jawatankuasa Audit telah ditubuhkan melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 1/2009 pada 3 Mac 2009 dan mempunyai tiga orang ahli.	Syarikat telah menubuhkan Jawatankuasa ini mengikut peraturan yang ditetapkan.
10.5.3(a)(i)	<ul style="list-style-type: none"> • Syarikat tidak mempunyai Buku Tunai untuk merekodkan urus niaga terimaan dan bayaran. • Daftar Penggunaan Buku Resit tidak disediakan. • Penyata Penyesuaian Bank disediakan selepas penutupan akaun tahunan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Syarikat telah menyediakan Buku Tunai dan lejar am menggunakan sistem perakaunan berkomputer. • Syarikat telah menyediakan Daftar Penggunaan Buku Resit mulai tahun 2009. • Penyata Penyesuaian Bank bagi tahun 2010 akan disediakan oleh kakitangan Syarikat sendiri. 	<ul style="list-style-type: none"> • Syarikat telah mengambil tindakan yang seajarnya. • Syarikat telah mengambil tindakan yang seajarnya. • Syarikat dalam proses menyediakan penyata ini.
10.5.3(ii)	<ul style="list-style-type: none"> • Sebahagian aset seperti kerusi, meja dan komputer tidak dicatat nombor siri pendaftaran. • Mesyuarat Lembaga Pengarah telah meluluskan pelupusan sebahagian aset. 	<ul style="list-style-type: none"> • Aset yang baru telah dicatat nombor siri pendaftaran dan direkodkan ke dalam daftar. • Tindakan pelupusan telah dibuat. 	<ul style="list-style-type: none"> • Syarikat telah mengambil tindakan yang seajarnya. • Syarikat telah mengambil tindakan yang seajarnya.
10.5.3(iii)	Pendahuluan daripada Yayasan Terengganu telah dikenakan faedah di antara 4% hingga 8% setahun.	Perkara ini telah dibincangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 3/2009 pada 16 September 2009.	Syarikat belum menerima sebarang maklum balas daripada Yayasan Terengganu dan perkara ini perlu dibuat susulan.

13. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT

Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Akaun Awam serta aktiviti Kerajaan Negeri dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen, manakala Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu menitahkan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Terengganu. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Terengganu Tahun 2008 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 6 April 2010.

14. MESUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

Bagi tempoh Januari 2009 hingga Mei 2010, Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri (Jawatankuasa) telah selesai membincangkan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Akaun Awam Kerajaan Negeri bagi tahun 2006. Manakala Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2007 sedang dibincangkan oleh Jawatankuasa. Bagi Laporan Ketua Audit Negara tahun 2008 belum dibincangkan oleh Jawatankuasa kerana Laporan tersebut dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 6 April 2010. Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri bagi tahun 2004 hingga 2006 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 21 Disember 2009. Selaras dengan peranan Jawatankuasa untuk memastikan wujudnya akauntabiliti awam, Jawatankuasa hendaklah dari semasa ke semasa mengadakan mesyuarat bagi membincangkan bukan sahaja kepada pemerhatian Audit yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara tetapi juga terhadap isu-isu semasa. Jawatankuasa juga perlu memastikan Jabatan/Pejabat telah mengambil tindakan terhadap syor yang dicadangkan agar perkara yang sama tidak berulang. Butiran ringkas perkara yang dibincangkan oleh Jawatankuasa bagi tempoh Januari 2009 hingga Mei 2010 adalah seperti di **Jadual 14.1**.

Jadual 14.1
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri
Bagi Tempoh Januari 2009 Hingga Mei 2010

Bil.	Tarikh	Perkara
1.	25 Mei 2009	Membincangkan dan mengkaji Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2004, 2005 dan 2006.
2.	26 Oktober 2009	i) Taklimat oleh Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri ii) Taklimat oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar
3.	8 Februari 2010	Membincangkan dan mengkaji Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2007.
4.	19 April 2010	i) Penjelasan oleh Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri mengenai Kajian Audit Terhadap Program Atap Biru. ii) Penjelasan oleh wakil Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd. (SATU) mengenai isu laporan Audit berkaitan Pengurusan Pengkorporatan Bekalan Air Dan Deposit Bekalan Air. iii) Penjelasan oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan) mengenai Bantuan Pakaian Sekolah serta Pembelian Dan Pengagihan Kurma Kepada Rakyat Negeri Terengganu.
5.	17 Mei 2010	Mesyuarat <i>pre council</i> untuk membincangkan mengenai Bantuan Pakaian Sekolah serta Pembelian Dan Pengagihan Kurma Kepada Rakyat Negeri Terengganu. Mesyuarat ditangguhkan kerana laporan berkenaan tidak diterima.
6.	25 Mei 2010	Mesyuarat bagi membincangkan mengenai Bantuan Pakaian Sekolah serta Pembelian Dan Pengagihan Kurma Kepada Rakyat Negeri Terengganu. Mesyuarat ditangguhkan kerana laporan berkenaan baru diterima dan Pengerusi memberi masa kepada Ahli Mesyuarat untuk meneliti laporan tersebut terlebih dahulu.

Sumber: Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Terengganu



PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhannya, tidak banyak kemajuan yang dapat dilaporkan berhubung dengan pelaksanaan program/aktiviti oleh Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri. Seperti mana yang telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi beberapa tahun yang lalu, sungguhpun program/aktiviti telah dirancang dengan baik, namun dari aspek pelaksanaan dan pemantauannya, masih ada beberapa kelemahan yang jika tidak diperbetulkan boleh menjelaskan pencapaian objektif yang telah ditetapkan.

Faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah antaranya kurang pemantauan bersepada dan berkesan oleh Jabatan terhadap program/aktiviti yang dilaksanakan. Jika kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan tidak diperbetulkan, ia boleh menjelaskan pencapaian objektif program/aktiviti berkenaan serta menjelaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Beberapa Jabatan/Agensi yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di program/aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing dan memperoleh keuntungan seterusnya berupaya membayar dividen kepada Kerajaan Negeri.

JABATAN AUDIT NEGARA

Putrajaya

18 Mei 2010